

DIPLOMA PROFESIONAL **PERNIAGAAN** CUSTOMIZED EMPOWER COURSE



DIPLOMA PROFESIONAL **PERNIAGAAN** CUSTOMIZED EMPOWER COURSE

eISBN 978-967-2258-31-5



POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN

Copyright © 2020

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, samaada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penulis terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the writer.

Diploma Profesional Perniagaan (*Customized empower Course*)

Cetakan Pertama / *First Printing 2020*

Penaung : Abdul Malek Bin Hassan

Penasihat : Ts. Nadzri Bin Che Kamis
Roznizam Bin Kamis

Penulis	: Asmiza Binti Osman Dr. Dzulkarnain Bin Musa Azizee Bin Aziz Norzianis Binti Rezali @ Abdul Sukor Farizah Binti Ariffin Tengku Aroal Hawa Delaila Binti Tengku Ahmad Ayu Iryanti Binti Azni Ros Aini Binti Ibrahim	Mohd Fairuz Bin Othman Halizayanie Binti Kimlin Abd Rahman Bin Yaacob Azlini Binti Awang Nasrul Effendy Bin Mat Nasir Jamilah Binti Hussain Shukeri Bin Mohamad Ros
---------	--	---

Idea & Konsep : Nasrul Effendy Bin Mat Nasir
Junaidah Binti Jaafar

Rekabentuk : Nasrul Effendy Bin Mat Nasir

Editor : Nasrul Effendy Bin Mat Nasir
Azlini Binti Awang

Diterbitkan di Malaysia/Published in Malaysia By

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Pauh Putra, 02600, Arau, Perlis,

Tel: 04-9886200, Faks: 04-9886300

Laman sesawang: www.ptss.edu.my

PRAKATA

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Diploma Profesional Perniagaan (*Customized empower Course*) ini berjaya diterbitkan.

Buku ini diterbitkan sebagai rujukan kepada semua penulis / tenaga pengajar dan peserta yang mengikuti program Diploma Profesional Perniagaan (*Customized empower Course*).

Diploma Profesional Perniagaan (*Customize empower Course*) merupakan salah satu inisiatif dalam pembangunan ekonomi dan sosial ke arah komuniti yang berkemahiran dan berdaya keusahawan yang tinggi dan berdaya saing. Modul-modul khas dibangunkan oleh tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkemahiran.

Bagi pihak Penerbit PTSS, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan dan penulis di atas usaha menyediakan dan memudahkan dalam penulisan buku Diploma Profesional Perniagaan (*Customized empower Course*) ini. Semoga buku ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua penulis / tenaga pengajar, peserta dan pembaca,

Sekian, terima kasih

Abdul Malek Bin Hassan
Pengarah
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis

	PRAKATA	iv
	ISI KANDUNGAN	v
1	PENGENALAN KEPADA KEUSAHAWANAN	1
2	PENYEDIAAN PROFIL SYARIKAT YANG EFEKTIF	17
3	<i>BUSINESS MODEL CANCAS (BMC) AND UNIQUE SELLING PROPOSITION (USP)</i>	32
4	RANCANGAN PERNIAGAAN (PENGURUSAN PERAKAUNAN DAN KEWANGAN PERNIAGAAN)	48
5	RANCANGAN PERNIAGAAN (PENGURUSAN OPERASI PERNIAGAAN DAN SUMBER MANUSIA)	85
6	RANCANGAN PERNIAGAAN PENGURUSAN PENTADBIRAN, SISTEM REKOD DAN FAIL PERNIAGAAN	103
7	RANCANGAN PERNIAGAAN (PENGURUSAN PEMASARAN DAN RANTAIAN)	120
8	PENGURUSAN STRATEGIK DALAM PERNIAGAAN	146
9	PENGURUSAN MASA DAN ETIKA DALAM PERNIAGAAN	157
10	ASAS PENYEDIAAN VIDEO VIDEOGRAPHY & PHOTOGRAPHY DALAM PERNIAGAAN	185
11	PRODUCT DESIGN, LABELING AND PACKAGING (STYLIST)	198
12	ASAS PERNIAGAAN ONLINE, TEKNIK COPYWRITING	226
13	KEUSAHAWANAN DIGITAL MELALUI PLATFORM SOSIAL MEDIA DAN <i>MARKETPLACE</i>	246
14	GOOGLE DALAM PERNIAGAAN (<i>TRENDS, KEYWORD PLANNER, ADWORDS</i>)	265
15	GOOGLE DALAM PERNIAGAAN (<i>FORM, SHEET, SLIDE, SITE, AUTOCRAT</i>)	284
16	ASAS GROOMING AND KEMAHIRAN PEMBENTANGAN	300
17	ASAS PERSEDIAAN SIJIL MESTI & HALAL	347

MODUL 1

Pengenalan Kepada Keusahawanan

Penulis :

DR. DZULKARNAIN BIN MUSA

USAHAWAN

Seseorang yang mengambil daya usaha untuk melakukan suatu kerja.

ILMUAN	TAKRIFAN
John Stuart Mill (1848)	Usahawan adalah penggerak utama sebuah perusahaan.
Carl Menger (1871)	Usahawan bertindak sebagai agen ekonomi melalui pengubahan sumber-sumber menjadi produk yang mempunyai nilai tambah dalam pasaran.
Joseph Schumpeter (1934)	Usahawan sebagai pencetus inovasi yang dilakukan melalui proses kreatif.
Ibnu Khaldun (1377)	Usahawan dilihat sebagai seorang yang berpengetahuan tinggi melalui proses pencarian ilmu dan maklumat.

Rumusan:

Usahawan adalah seseorang individu yang secara aktifnya membentuk dan memimpin perniagaan mereka ke arah perkembangan dan kemajuan pada masa hadapan.

Seseorang usahawan bertindak menukar sumber-sumber dengan produktiviti yang rendah menjadi penghasilan yang tinggi. Perkara ini dibuat dengan memberi nilai tambah kepada produk yang ditawarkan dalam pasaran.

KEUSAHAWANAN


1. Suatu proses yang bukan hanya terhenti selepas penubuhan sesebuah perniagaan.
2. Keusahawanan melibatkan proses inovasi dan pembentukan usaha teroka baharu ke atas produk, proses dan juga teknologi.
3. Selain itu, prosesnya turut melibatkan hubungan kolaborasi dengan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, institusi pendidikan dan lain-lain.
4. Evolusi perkembangan perniagaan turut bergerak daripada bentuk perniagaan kecil secara milik tunggal kepada syarikat yang lebih besar.

USAHAWAN VS PENIAGA





CIRI-CIRI DAYA SAING SESEORANG USAHAWAN



INISIATIF

1. Lakukan sesuatu tanpa menunggu arahan dan bekerja menjangkau tugas sedia ada mereka.
2. Inisiatif dapat membawa seseorang usahawan ke hadapan berbanding peniaga lain.
3. Melalui inisiatif, usahawan sentiasa peka kepada persekitaran. Mereka juga bersikap proaktif dalam pekerjaan.
4. Tingkah laku tersebut dapat membina daya saing usahawan dalam meneroka dan merebut peluang baharu dalam perniagaan.

REBUT PELUANG




1. Seseorang usahawan perlu peka dengan isu atau permasalahan yang wujud di persekitaran. Melaluinya, idea-idea perniagaan dapat diwujudkan.
2. Cuba lihat penyelesaiannya dengan memikirkan suatu produk yang dapat membantu pengguna.
3. Cari maklumat detail bagi membangunkan produk berkaitan dan secara pantas menawarkannya di pasaran.

BERDAYA TAHAN

1. Usahawan perlu berani dalam mengutarakan idea dan pandangan mereka. Juga perlu berani mengambil tindakan walau pun tidak disukai orang lain.
2. Usahawan perlu sentiasa kuat daya fikiran dan mental dalam menghadapi kerenah dan masalah perniagaan.
3. Maka mereka harus bersedia mencari jalan penyelesaian bagi setiap cabaran dalam perniagaan.

PENCARIAN MAKLUMAT

Usahawan perlu sentiasa dahagakan maklumat.



KOMITED

1. Usahawan memberi komitmen penuh terhadap sesuatu kerja. Kaedahnya adalah:
 - ✓ Lakukan sehingga selesai.
 - ✓ Mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
 - ✓ Kualiti kerja yang terbaik.
 - ✓ Dengan kos yang terkawal.
2. Tingkat komitmen dapat dilihat melalui:
 - ✓ Minat peribadi yang ditunjukkan.
 - ✓ Pengorbanan yang dilakukan.
 - ✓ Kesiediaan menjayakan tugas.
 - ✓ Melayani komen pelanggan.

KERJA YANG BERKUALITI

1. Bagaimana untuk meningkatkan kualiti kerja?
 - ✓ Sentiasa membuat perbandingan dengan pesaing perniagaan.
 - ✓ Perlu tetapkan suatu tanda aras sasaran untuk mencapainya.
 - ✓ Sasaran yang ingin dicapai perlu sentiasa diubah dari masa ke semasa.
2. Usahawan perlu mengukur kualiti kerja mereka melalui:
 - ✓ Melihat tahap kepuasan pelanggan mereka.
 - ✓ Data aduan pelanggan.
 - ✓ Statistik “ulangan” pelanggan.
 - ✓ Statistik jualan produk mereka.

PERANCANGAN BERSISTEMATIK

1. Perancangan secara sistematik – menyediakan pelan dan proses melaksanakan sesuatu kerja mengikut turutan satu persatu.
2. Proses perancangan yang berkesan:
 - ✓ Rancang
 - ✓ Bangun
 - ✓ Nilai (ukur)
 - ✓ Kawal
3. Perancangan yang bersistematik dapat membantu seseorang usahawan dalam meningkatkan prestasi kerjanya dan mencapai matlamat perniagaan.

PENYELESAIAN SECARA KREATIF DAN INOVATIF

1. Cari langkah yang bijak dalam menyelesaikan sebarang masalah.
2. Fikir beberapa pilihan idea, cari langkah penyelesaian secara kreatif dan bangunkan sebuah produk (atau kaedah) yang berinovatif.



3. Dalam masa yang sama, jalan penyelesaian tidak menjangkau kemampuan dalam aspek kos yang terlibat.

KEYAKINAN DIRI


1. Yakin dengan kemampuan dan keupayaan diri dapat membantu seseorang usahawan untuk memperoleh kejayaan dalam perniagaan.
2. Risiko dalam perniagaan perlu diurus dengan sebaiknya:
 - ✓ Risiko dalam kawalan.
 - ✓ Bersedia dengan maklumat yang cukup.
 - ✓ Mempunyai alternatif penyelesaian.
3. Keyakinan dapat dibentuk dan ditingkatkan apabila kita:
 - ✓ Mempunyai pasukan kerja yang tepat.
 - ✓ Persediaan diri yang rapi.
 - ✓ Percaya kepada diri sendiri.
 - ✓ Sasaran yang jelas.

PEMUJUKAN

1. Seseorang usahawan mestilah mempunyai daya pujukan.
2. Segala percakapan dan perbuatan mereka perlulah:
 - ✓ Secara berhemah.
 - ✓ Lemah-lembut.
 - ✓ Merendah diri.
 - ✓ Pujukan yang mempengaruhi.
3. Contoh:
 - ✓ Pengaruhi pelanggan untuk membeli produk kita.
 - ✓ Pengaruhi pegawai bank untuk memberi pinjaman.
 - ✓ Pengaruhi pembekal untuk memberi bahan
 - ✓ Mentah dengan harga istimewa.
4. Daya pujukan memerlukan kemahiran, keupayaan dan keyakinan diri. Dalam usaha tersebut, kekuatan diri dan produk perlu ditonjolkan.

OPERASI PERNIAGAAN

DAFTAR PERNIAGAAN



MEMULAKAN PERNIAGAAN



FOKUS AMALAN TERAS DALAM PERNIAGAAN



TERAS 1

KEKUATAN PRODUK



TERAS 2

HUBUNGAN PELANGGAN





TERAS 3

AMALAN INOVASI



Tablets at tables



TERAS 4

PACUAN TEKNOLOGI



Rujukan

- Musa, D. & Musa, I. (2019). Innovation Practices and Business Performance among Micro Sized Enterprise. *International Journal of Business and Technopreneurship* (IJBT), 9(1), 79-90.
- Musa, D., Abdul Ghani, A. & Ahmad, S (2014). Linking Entrepreneurial Orientation and Business Performance. The Examination toward Performance of Cooperatives Firm in Northern Region of Peninsular Malaysia. *International Journal of Business and Technopreneurship* (IJBT), 9(1), 79-90.

MODUL 2

BAGAIMANA MENULIS PROFIL SYARIKAT YANG EFEKTIF

Penulis :

ASMIZA BINTI OSMAN

BAGAIMANA MENULIS PROFIL SYARIKAT YANG EFEKTIF

Profil syarikat yang baik dapat memberi gambaran dan menjelaskan tentang perkara yang perlu ada dan menjadi keperluan dalam mencapai hala tuju syarikat. Namun begitu, tidak banyak syarikat pada hari ini yang mampu menyediakan profil syarikat yang efektif, mengambil mudah malah menganggap perkara ini sebagai suatu bebanan. Penyediaan profil syarikat yang baik dan berkesan dapat memberikan tanggapan yang positif pihak-pihak berkepentingan terhadap reputasi syarikat malah akan memberi keuntungan jangka masa panjang kepada syarikat. Justeru itu, penyediaan modul ini bertujuan memberi panduan yang jelas kepada para usahawan dalam penyediaan profil syarikat atau perniagaan dengan lebih efektif.

Modul ini terbahagi kepada beberapa bahagian yang menerangkan tentang kepentingan profil syarikat disediakan dan sebagai panduan kepada para usahawan di luar sana dalam usaha menyediakan profil syarikat yang berkesan. Antara kandungan:

1. Pengenalan
2. Untuk Siapa?
3. Kenapa?
4. Profil Syarikat yang bagus.
5. Contoh Format Profil Syarikat
6. Contoh Profil Syarikat
7. Kesimpulan

PENGENALAN

Tahukah anda, apa yang dikatakan Profil Syarikat?

1. Profil Syarikat adalah sebuah ringkasan tentang sesebuah Syarikat.
2. Profil Syarikat boleh diibaratkan sebagai sebuah platform dan medium dalam memperkenalkan kewujudan dan kekuatan sesebuah Syarikat.
3. Profil Syarikat adalah 'senjata' untuk mencari pelanggan, pelabur, pekerja dan sesiapa yang tertarik untuk berurusan dengan Syarikat tersebut.

Profil syarikat merupakan keterangan terperinci berserta butiran perihal syarikat yang memaparkan segala informasi dalaman berkenaan sesebuah organisasi atau syarikat. Sesebuah profil syarikat harus mengandungi beberapa butiran penting untuk dipaparkan kepada pihak yang membacanya. Butiran ini termasuklah:

- i. Muka hadapan – logo syarikat, nombor pendaftaran
- ii. Isi Kandungan
- iii. Misi dan visi syarikat
- iv. Maklumat info syarikat – alamat, maklumat perhubungan, email, faks, telefon etc.
- v. Carta Organisasi
- vi. Biodata pemilik syarikat / CEO / Lembaga pengarah
- vii. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan
- viii. Gambar premis, hadapan kedai dan ruang bekerja
- ix. Portfolio dan projek yang telah atau sedang dijalankan
- x. Senarai klien utama
- xi. Sijil dan borang dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- xii. Sijil dan dokumen dari Kementerian Kewangan (jika berkenaan)
- xiii. Sijil dan dokumen yang berkaitan

Secara am, profil syarikat merupakan suatu medium terbaik untuk mempamerkan tentang kekuatan syarikat. Ini menjadi keutamaan supaya syarikat berjaya mendapat perhatian daripada mana-mana organisasi yang menilainya seterusnya mendapatkan sesuatu projek ataupun jaringan perniagaan. Pelbagai idea kreatif dapat dilihat pada hari ini dalam membangunkan profil syarikat. Penyediaan profil perniagaan adalah bergantung kepada kreativiti pemilik. Ada pemilik yang gemar kepada imej dan paparan infografik untuk menarik perhatian. Ada juga yang cenderung menyediakan profil dalam bentuk buku dokumentasi malah ada juga yang menyediakan persembahan dalam bentuk persembahan interaktif bagi menarik perhatian pembaca.

Justeru itu, adalah penting bagi sesebuah perniagaan atau syarikat sentiasa mengemaskini profil dari semasa ke semasa.

UNTUK SIAPA?

Bagi menjawab persoalan “Untuk Siapa?”, bahagian dalam modul ini akan menjelaskan tentang pihak-pihak yang disasarkan untuk membaca dan meneliti profil syarikat. Kandungan atau fokus penulisan profil syarikat adalah bergantung kepada keperluan dan sasaran pembaca atau penilainya.

Profil syarikat ini sering dibangunkan mengikut kepentingan pihak seperti yang dinyatakan berikut:

i. Pelanggan sasaran

Profil syarikat ditulis bagi memberikan penerangan dan butiran berkenaan syarikat kepada pelanggan agar skop perniagaan dapat dilihat dengan jelas oleh pihak pelanggan.

Kebiasaannya, profil syarikat yang disediakan untuk pelanggan sasaran haruslah mengandungi segala maklumat berkaitan produk yang ingin disampaikan mengikut keperluan permintaan pelanggan sasaran tersebut.

Contoh:

Syarikat yang menjalankan perusahaan pakaian wanita muslim, maka semestinya anda perbanyakkan maklumat mengenai kebaikan dan kekuatan serta imej produk yang ditawarkan dalam profil syarikat anda.

ii. Badan kerajaan

Badan kerajaan merupakan sebahagian daripada kelompok sasaran pelanggan tetapi berbeza kandungan dan fokus perbentangan profil syarikat. Butiran dan kerja-kerja yang pernah dijalankan disediakan dengan terperinci. Hal ini demikian kerana anda berhubung dengan pihak kerajaan yang perlu menepati pelbagai prosedur dan keperluan, maka sudah semestinya penyediaannya agak kompleks dan spesifik.

Bahagian kewangan selalu menjadi isu penting apabila berhadapan dengan pelanggan bagi kategori ini. Paparan makluman syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh mendapat menjadi perhatian. Justeru itu, penyediaan profil syarikat seharusnya menitikberatkan maklumat dalam bahagian ini.

Selain daripada itu, maklumat berkaitan kejayaan syarikat serta pengalaman syarikat dalam menyempurnakan kerja-kerja atau projek sepanjang syarikat ditubuhkan perlu dinyatakan sebagai rujukan.

iii. Tender

Penyertaan syarikat dalam sesuatu tawaran tender memerlukan dokumen sampingan yang menjelaskan kekuatan sesebuah syarikat. Oleh itu, syarikat harus menyediakan profil syarikat yang lengkap dan menarik perhatian pihak penilai tender.

Jika syarikat terlibat dalam sesuatu kemasukan tender, dokumen sampingan yang relevan perlu disertakan seperti brosur (brochure) produk atau perkhidmatan, imej-imej tertentu seperti lukisan pelan (jika terlibat dengan produk fizikal), salinan profil secara interaktif (ini adalah untuk mewujudkan kelainan) dan juga lampiran maklumat syarikat yang bekerjasama dengan syarikat anda seperti pembekal, tenaga kerja dan pengeluar bahan mentah perlu disertakan.

Dalam situasi semasa yang transaksi sering dilakukan secara atas talian, keperluan dokumen-dokumen tersebut adalah diperlukan untuk dimuat naik dalam platform-platform atau sistem yang telah disediakan.

iv. Institusi kewangan

Institusi kewangan juga merupakan pihak sering memerlukan profil syarikat dalam menilai pertimbangan reputasi dan prestasi syarikat sebelum mengeluarkan pinjaman perniagaan. Aspek penting yang perlu diberi penekanan adalah bahagian pengurusan kewangan. Segala projek atau kerja yang pernah dijalankan perlu dimasukkan dalam profil syarikat syarikat bagi memberi gambaran komitmen dan prestasi kewangan syarikat yang kukuh.

Segala maklumat yang diberikan hendaklah tepat dan sah bagi tujuan pemeriksaan dan rujukan institusi kewangan tersebut.

v. Pihak berkuasa tempatan

Profil syarikat juga seringkali diperlukan untuk diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan bagi tujuan kelulusan menjalankan perniagaan dan tapak perniagaan serta tujuan rekod. Kandungan profil jenis ini memadai dengan hanya membentangkan butiran perniagaan yang dijalankan. Kandungan data terperinci dan secara khusus mungkin tidak diperlukan.

Pada kebiasaannya pihak berkuasa tempatan hanya memerlukan profil syarikat untuk tujuan rujukan jika berlaku sebarang masalah dan isu berbangkit terhadap sesebuah syarikat semasa atau setelah kerja-kerja dijalankan.

KENAPA?

KEPENTINGAN PROFIL SYARIKAT

Terdapat banyak sebab mengapa perniagaan memerlukan profil syarikat yang ditulis dengan baik:

1. Ia membentangkan peluang bagi bakal pembeli untuk mengetahui tentang syarikat. Dengan menggunakan template yang tepat, seseorang boleh menulis profil yang berkesan yang akhirnya akan memujuk pelanggan untuk mengetahui lebih lanjut tentang perniagaan seterusnya membawa kepada pertumbuhan perniagaan.
2. Sekiranya profil syarikat disediakan dalam bentuk laman web perniagaan, ia perlu disusun dengan berhati-hati supaya pengguna dapat mencari semua maklumat penting seperti alamat syarikat, butiran kenalan, pasukan pengurusan dan sebagainya pada bahagian seperti halaman 'tentang kami'.
3. Profil syarikat bertindak seperti dokumen informatif yang memaparkan apa yang dimaksudkan oleh perniagaan dan apa yang berfungsi sebagai pelan untuk pertumbuhan. Ia perlu dibuat dari perspektif pembaca dan mesti dijadikan khusus untuk pengguna sasaran.
4. Jika perniagaan masih berada dalam fasa perancangan perniagaan, Template profil syarikat yang sesuai adalah penting untuk menentukan elemen utama perniagaan. Bahagian-bahagian yang dipaparkan bergantung pada jenis perniagaan dan apa yang diharapkan dari profil.

Ringkasnya kenapa perlu kepada profil perniagaan adalah:

1. Untuk mendekati atau menerokai segmen baru yang boleh meningkatkan perniagaan
2. untuk menarik minat pelabur sekiranya perlu
3. untuk memberi maklumat atau penerangan yang menarik perhatian pelanggan
4. untuk memberi gambaran bagaimana syarikat anda mampu memenuhi keperluan pelanggan
5. untuk menanam kepercayaan pelanggan terhadap syarikat

PROFIL SYARIKAT YANG BAGUS

10 LANGKAH MUDAH MENULIS PROFIL SYARIKAT

Antara langkah-langkah yang paling penting dan perlu anda ikuti untuk membuat profil syarikat yang terbaik.

1. Kenalpasti Tujuan Profil Syarikat

Banyak perniagaan menggunakan profil syarikat untuk senario yang berbeza, termasuk laman web syarikat, portfolio perdagangan dan pelan pelaburan. Jadi, sebelum anda mulakan menulis profil syarikat, penting untuk mengenal pasti tujuan asas profil itu sendiri. Anda boleh menyesuaikan di peringkat seterusnya jika diperlukan.

Katakan profil anda untuk tapak web perniagaan anda. Buat senarai topik yang ingin anda ketahui sebagai pembaca dan pastikan nada digunakan semasa menulis dengan pembaca sasaran anda. Elakkan menggunakan bahasa yang terlalu teknikal tetapi gunakan bahasa mudah yang boleh difahami oleh semua kategori pembaca.

2. Pertimbangkan Rekabentuk

Sekarang masanya untuk mengenalpasti bagaimana anda ingin membentangkan maklumat. Adakah anda mahu gaya tipikal dipecahkan oleh bahagian yang berlainan atau adakah anda mahu dibentangkan dalam bentuk infografik.

3. Mulakan penceritaan

Apabila anda cuba menggalakkan orang ramai untuk memberi perhatian kepada perniagaan anda, anda perlu mencipta cerita menarik. Ia tidak hanya menggunakan tarikh dan senarai angka-angka tetapi anda perlu memastikan cerita anda sampai kepada pembaca.

Tidak kira sama ada anda mula bekerja dengan menjual lemonade atau anda menguruskan perniagaan keluarga. Apa yang penting adalah cara anda meletakkan pola cerita. Tidak semua cerita akan menjadi sama seperti yang lain.

4. Letakkan Visi & Misi Anda

Anda perlu menyatakan Visi & Misi perniagaan anda. Anda perlu membiarkan pembaca tahu apa yang anda tawarkan dan bagaimana anda bercadang untuk berkembang sebagai perniagaan, pada asasnya membiarkan mereka tahu mengapa mereka harus memilih anda di bandingkan pesaing.

Kenyataan misi Disney contohnya, mereka akan memberikan anda pengalaman hiburan paling kreatif di dunia:

'Misi Syarikat Walt Disney menjadi salah satu pengeluar dan penyedia hiburan dan maklumat terkemuka di dunia. Dengan menggunakan portfolio kami untuk membezakan kandungan, perkhidmatan dan produk pengguna kami, kami berusaha mengembangkan pengalaman hiburan yang paling kreatif, inovatif dan menguntungkan serta produk berkaitan di dunia.'

5. Format yang Bersih

Anda perlu memastikan format anda jelas dan bersih, termasuk font dan saiz yang sama untuk teks dan *headline*.

Jangan merosakkan profil anda dengan visual yang tidak relevan dan warna *funky*.

6. Tulis Sejarah Syarikat dalam bentuk Kronologi

Anda harus menyenaraikan pencapaian utama untuk menunjukkan bagaimana syarikat anda berada hari ini.

Sekiranya anda perniagaan kecil, anda boleh menulis maklumat mengenai penubuhan dan pembangunan jenama.

7. Sertakan Testimonial

Setiap testimoni yang baik boleh menambah nilai kepada jenama anda. Berikan maklum balas pengguna dari pelanggan lain dan bukan hanya perkataan anda (yang mungkin berat sebelah), tetapi orang lain yang berada dalam kedudukan yang sama seperti mereka.

Dalam sebuah syarikat B2B, testimoni dari pelanggan terbesar adalah ideal. Di organisasi B2C, sebaliknya, petikan pendek dengan maklum balas yang berkaitan dengan nilai-nilai anda adalah yang terbaik. Anda mahu memberi pembaca dengan maklum balas yang sebenar, tanpa kelihatan terlalu promosi.

8. Sertakan Maklumat Untuk Dihubungi

Adalah wajar untuk anda menambah beberapa maklumat berguna! Jika profil syarikat anda digunakan di luar talian, pastikan anda memasukkan alamat, nombor telefon, e-mel dan faks anda (jika perlu) di bahagian atas dokumen.

Sementara itu, jika ini untuk laman web atau forum dalam talian lain, anda boleh menambah maklumat hubungan hiperpautan anda di bahagian bawah halaman.

9. Tambah Panggilan untuk Tindakan (*Call to Action*)

Jika anda benar-benar mahu menambah sentuhan akhir kepada profil syarikat, pastikan anda menamatkan panggilan untuk bertindak. Contohnya: *'Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web kami'* atau *'Untuk maklumat lanjut, hubungi XXXXXX'*.

Pada dasarnya, anda harus meninggalkan pembaca dengan beberapa persoalan untuk berfikir dan cara untuk mereka mencari jawapan kepada soalan mereka.

10. Mengesahkannya (*Revise*)

Akhirnya, penting untuk membaca profil korporat anda untuk memastikan tidak terdapat sebarang kesilapan. Ia adalah salah satu bahagian tulisan yang paling penting yang dikaitkan dengan perniagaan anda! Selalunya, mudah untuk terlepas kesalahan kecil apabila anda telah memandang sekeping teks yang sama selama berjam-jam.

kemaskini profil perniagaan anda dengan kerap! Ramai usahawan menulis profil syarikat mereka dan membiarkannya tidak dikemaskini sepanjang tahun. Pastikan anda memperuntukan masa untuk mengemas kini profil anda untuk selaras dengan cara perniagaan anda berkembang.

Syarikat perlu mengetahui bahawa pentingnya menyediakan sebuah profil syarikat dan sentiasa perlu mengemaskininya dari semasa ke semasa. Pemilik atau Pengarah Urusan seharusnya perlu menitikberatkan isi kandungan profil syarikat supaya tidak mengandungi unsur-unsur yang memesongkan hala tuju syarikat.

Penyediaan profil syarikat yang efektif dan efisien akan membantu usahawan memdedahkan perihal syarikat kepada sasaran pengguna dengan tepat. Kemampuan usahawan menyediakan profil perniagaan yang mudah difaham dan menepati keperluan sasaran pengguna pasti mampu memenangi hati pengguna dan menjadi keutamaan.

Justeru ia memberi impak yang besar kepada nama baik dan reputasi syarikat. Profil syarikat juga perlu sentiasa ditambahbaik dari segi isi kandungannya agar menepati keperluan semasa.

Rujukan

Ali, R. (2020). *Cara Menulis Profil Syarikat Dalam 10 Langkah Mudah*. Dimuat turun daripada <https://pawonakreatif.com/2020/06/09/caramenulisprofilsyarikat-dalam10langkah-mudah/>

Ali, R. (2020). *Kepentingan Profil Syarikat*. Dimuat turun daripada <https://pawonakreatif.com/2020/06/09/kepentingan-profil-syarikat-servisdesign-profil-syarikat/>

Printar Content Manager. (2018). *Panduan Menyediakan Profil Syarikat*. Dimuat turun daripada <https://blog.printar.my/ms/panduan-menyediakan-profil-syarikat/>

Profile Syarikat Nak Isi Apa. Dimuat turun daripada <https://www.youtube.com/watch?v=DKfcdJMdWRQ>

MODUL 3

BUSINESS MODEL CANVAS (BMC) & UNIQUE SELLING PROPOSITION(USP)

Penulis :


AZIZEE BIN AZIZ

"Design the business model is as much or even more important than building the product"

Alex Osterwalder

WHAT IS BUSINESS MODEL?

A business model describes the rationale of how an organization creates, delivers, and captures value"



THREE BUSINESS MODEL TYPES

INFRASTRUCTRE DRIVEN	CUSTOMER SCOPE DRIVEN	PRODUCT DRIVEN
Utilities	Retail	Packaged Good
Telecom	Banking	Appliaction Software
Commodites	Corp. Law	Media


BUSINESS MODEL CANVAS

The Business Model Canvas is a business tool used to visualize all the building blocks of starting a business, including customers, route to market, value proposition and finance.

When to use Business Model Canvas?

Use Business Model Canvas when you want to describe business model of your business. This canvas is more appropriate for existing businesses (not for emerging ones). Note that BMC is a document that should be reviewed periodically as all the factors listed there can change over time.


9 BUILDING BLOCKS



KEY PARTNER



KEY ACTIVITIES



www.businessmodelgeneration.com


The templates here are made available on the same CC license terms as the original canvas.

Offering
Customers
Infrastructure

Do not remove this text. It is a license notice and should not be removed. If you are using the canvas for a commercial purpose, you must contact the author for more information. © 2010 Alexander Osterwalder, Yves Pigneur, Business Model Generation, Inc.


CUSTOMER SEGMENTS

1. For whom are we creating value?
2. Who are our most important customers?
3. Who are our users?
4. Who's influencing them? Who decides?
5. Which are the customers' more important habits?
6. What type of customer segments should we address?




They represent separate segments if:

1. Their needs require and justify a distinct offer
2. They are reached through different distribution channels
3. They require different types of relationship
4. They have substantially different profit abilities
5. They are willing to pay for different aspects of the offer.



VALUE PROPOSITION

- i. "Getting the job done" (Xerox copier service)
- ii. Performance (Amazon, eBay, Skroutz.gr)
- iii. Customization (Dell computers, Nike shoes)
- iv. Design (Apple)
- v. Brand (Rolex, VL)
- vi. Price (Ryanair, EasyJet)
- vii. Cost Reduction (Intale)
- viii. Risk Reduction (Insurance services)
- ix. Accessibility (Coursera)
- x. Convenience / Usability (iTunes and music)




CHANNELS

1. Through which Channels, do our Customer Segments Want to Be reached?
2. How are We reaching Them now?
3. How are Our Channels integrated?
4. Which ones work best?
5. Which ones are Most cost---efficient?
6. How are we integrating them with customer routines?

Channels Phases

- **Awareness**
How do we Raise awareness About Our company's products and services?
- **Evaluation**
How do we help customers Evaluate Our organization's Value Proposition?
- **Purchase**
How Do we Allow customers To purchase Specific products And services?
- **Delivery**
How Do We deliver A Value Proposition To customers?
- **After sales**
How Do we Provide post-Purchase Customer support?




CUSTOMER RELATIONSHIPS

1. What type of relationship does each of our Customer Segments expect us to establish and maintain with them?
2. Which ones have we established?
3. How costly are they?
4. How are they integrated with the rest of our business model?

Customer Relationships

- Personal assistance
- Dedicated personal assistance
- Self-service
- Automated services
- Communities
- Co-creation




REVENUE STREAMS

1. For what value are our customers really willing to pay?
2. For what do they currently pay?
3. How are they currently paying?
4. How would they prefer to pay?
5. How much does each Revenue Streams contribute to overall revenue?

Revenue Streams

- Asset sale
- Usage fees
- Subscription & fees
- Lending/renting/leasing
- Licensing
- Brokerage fees
- Advertising




PRICE MECHANISMS

FIXED MENU PRICE	DYNAMIC MENU PRICE
List price	Negotiation
Product feature dependent	Yield Management
Customer segment dependent	Real-time-market
Volume dependent	Auctions

KEY RESOURCES

1. What Key Resources do our Value Propositions require?
2. How can I minimize risk?
3. What are the common characteristics of critical resources?
4. What are the common characteristics of critical resources?


Categories : Physical, intellectual, Human, Finance



KEY ACTIVITIES


1. What are the critical activities of our business?
2. How can they be optimized?
3. Which activities can we automate?
4. Which activities should we outsource?

Categories : Production, Marketing, Problem solving, Network




KEY PARTNERSHIPS

1. Who are our critical partners?
2. Who are our critical suppliers?
3. Which key resources are we buying from suppliers and partners?
4. What kind of partnerships should we seek?
5. What is the best cluster/ supply-chain where I should be located?



1. What are the most important costs inherent in our business model?
2. Which Key Resources are most expensive?
3. Which Key Activities are most expensive?

 startupbizmodel.com

Key Partners  Local Photographers  Main Investors YUNIVERSITY VENTURES by Fast Forward SEQUOIA CAPITAL Y Combinator greylockpartners. Online and international payment PayPal WESTERN UNION	Key Activities  Platform development and maintenance Community management Marketing Online and international payment Photographers management Key Resources  Base of places announced Community of travellers and hosts Platform Brand	Value Proposition  Great places to stay all around the world for low prices Rent out extra place effortlessly for a worldwide audience	Customer Relationships  Self-service on site with a support team, SMS, iPhone App Self-service on site with a support team, SMS, iPhone App Channels  Site, Youtube, iPhone App, Blog, Facebook and Twitter Site, Youtube, iPhone App, Blog, Facebook and Twitter	Customer Segments  Travelers that are looking for a good experience with a low price People with extra place that want to rent
Cost Structure Photographers Marketing Insurance Servers Human Resources Online and international payment	Revenue Steams  6-12% of booking fee 3% of each successfully booking			

SO WHAT'S BEYOND THE **CANVAS**?

**YOU NEED TO
VALIDATE YOUR
MODEL
ASSUMPTIONS
WITH THE
CUSTOMERS UNTIL
YOU GET IT RIGHT!**

Rujukan

Dimuat turun daripada <https://canvanizer.com/new/business-model-canvas>

Dimuat turun daripada <https://ads.google.com/>

Modul eUsahawan Volume 1 & 2. 2019.MDEC

Rosilah Hassan et al. 2017. *Principles of Entrepreneurship and Innovation*. UKM

UiTM, (2017). Modul Business Model Canvas (BMC). MASMED.

MODUL 4

RANCANGAN PERNIAGAAN PENGURUSAN PERAKAUNAN DAN KEWANGAN PERNIAGAAN

Penulis :

MAIZAH BINTI MOHMAD SOM

1.0 PENGENALAN KEPADA PERANCANGAN KEWANGAN

Perancangan Kewangan adalah suatu dokumen yang disediakan bagi mengenalpasti keperluan kewangan jangka panjang dan jangka pendek sesuatu projek atau perniagaan. Ianya memerlukan satu pelan yang menggariskan usaha yang melibatkan disiplin-disiplin tertentu untuk mengurus dengan baik sumber-sumber pendapatan, aset dan hutang supaya setiap perbelanjaan yang dibuat mendatangkan faedah yang optima.

2.0 KEPENTINGAN PERANCANGAN KEWANGAN PERNIAGAAN

Sebelum memulakan perniagaan, membuat perancangan kewangan adalah sangat penting kerana ia akan menentukan halatuju sesuatu perniagaan tersebut. Perancangan yang teliti dapat menentukan visi, misi dan matlamat perniagaan yang dirancang tercapai.



2.1 MENENTUKAN KEPERLUAN MODAL

Keperluan modal untuk memulakan sesuatu perniagaan bukan tertakluk kepada jumlah tunai sahaja. Modal adalah sebarang bentuk pelaburan yang akan menghasilkan pulangan kepada syarikat sama ada dalam bentuk wang atau aset seperti kenderaan, mesin, bangunan dan sebagainya.

2.2 MENENTUKAN SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan boleh diperolehi samada daripada modal sendiri atau pinjaman.

Modal sendiri merupakan sumber kewangan yang diperolehi dari wang simpanan sendiri atau dari rakan kongsi dalam bentuk tunai ataupun aset. Pinjaman pula merupakan sumber pembiayaan yang diperolehi dari pinjaman bank, institusi kewangan, atau agensi-agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia seperti TEKUN, MARA, PUNB dan lain-lain lagi.

Kriteria yang dipertimbangkan oleh pihak bank atau institusi kewangan sebelum meluluskan sesuatu pinjaman adalah:

- i. *Capital* / modal – jumlah modal awal yang dikeluarkan untuk perniagaan yang berpotensi.
- ii. *Capacity* / Kapasiti – mengukur keupayaan peminjam untuk membayar balik hutang.
- iii. *Character* / Karektor – melihat reputasi peminjam melalui rekod sejarah pembayaran hutang terdahulu.
- iv. *Collateral* / Cagaran – keupayaan peminjam menyediakan cagaran sebagai jaminan untuk membayar balik pinjaman
- v. *Condition* / syarat – melihat kepada jumlah pinjaman yang dipohon dan kadar faedah yang dikenakan.

2.3 MENENTUKAN KEGUNAAN KEWANGAN

Dalam memulakan sesuatu perniagaan, hampir kesemua perbelanjaan adalah penting. Jadi, adalah menjadi satu kewajipan kepada usahawan baru untuk mengenalpasti jenis-jenis perbelanjaan dan keperluan kepada sistem perekodan agar modal yang dikeluarkan tidak disalahgunakan sehingga modal yang diperolehi tidak mencukupi untuk menggerakkan perniagaan yang dirancang.

2.3.1 JENIS-JENIS PERBELANJAAN PERNIAGAAN.

i. PERBELANJAAN YANG TIDAK BERULANG

- Kos penubuhan syarikat – pendaftaran, yuran.
- Kos penyediaan premis perniagaan – deposit sewaan, utiliti, pemasangan telefon dan internet, kos pembaikan dan ubahsuai premis.
- Pembelian aset tetap dan peralatan perniagaan – mesin, computer, perabut, kenderaan, peralatan pejabat.
- Kos pemasaran dan promosi awal – profil syarikat, brosur, kad perniagaan, bahan pengiklanan.

ii. PERBELANJAAN OPERASI - kos yang terlibat untuk mengendalikan operasi perniagaan seperti belanja pentadbiran dan belanja pemasaran.

iii. PERBELANJAAN MODAL KERJA - kos yang terlibat untuk pengembangan perniagaan seperti belian bahan mentah dan kos pengangkutan.

2.4 MENGAJI DAYAMAJU PERNIAGAAN

Selepas keperluan modal, sumber kewangan dan kegunaan kewangan dikenalpasti dalam memulakan sesuatu perniagaan, maka dayamaju perniagaan dapat dianalisis melalui pengiraan nilai kini bersih, kadar pulangan dalaman, nisbah faedah kos (Indeks keberuntungan) dan tempoh pulangan modal.

- a. NILAI KINI BERSIH - aliran tunai yang didiskaunkan dengan satu kadar faedah untuk setiap tahun dan jumlahnya ditolak dengan modal awal. Jika nilai kini bersih adalah positif atau sifar, maka sesuatu projek itu adalah berdaya maju.
- b. KADAR PULANGAN DALAMAN - adalah kadar diskaun yang tertinggi yang membawa nilai kini bersih bersamaan dengan sifar. Kadar ini merupakan kadar tertinggi yang sanggup dibayar oleh pelabur.
- c. NISBAH FAEDAH KOS (INDEKS KEBERUNTUNGAN) - adalah dikira dengan membahagikan nilai kini jumlah pendapatan dengan jumlah modal awal.
- d. TEMPOH PULANGAN MODAL - merupakan tempoh bayar balik modal yang dibiayai atau dikeluarkan pada tahun permulaan perniagaan. Semakin singkat tempoh pulangan modal semakin berdaya maju perniagaan tersebut.

3.0 PIHAK YANG BERKEPENTINGAN KEPADA PENYATA KEWANGAN SESEBUAH SYARIKAT.

PIHAK BERKEPENTINGAN	KEGUNAAN
1. PEMEGANG SAHAM / PEMILIK	Boleh mengetahui kedudukan kewangan dan menentukan hala tuju perniagaan
2. PELABUR	Dapat meyakinkan pelabur untuk melabur dalam perniagaan
3. PIHAK PENGURUSAN	Menilai prestasi perniagaan Membuat pertimbangan ganjaran kepada kakitangan
4. PEMBIAYA / INSTITUSI KEWANGAN	Mengetahui kemampuan perniagaan untuk membayar balik pinjaman
5. PEMBEKAL / VENDOR	Menilai keupayaan dan kecekapan pengurusan hutang sebelum memberi kemudahan kredit

4.0 KEPERLUAN KEPADA PENYATA KEWANGAN

4.1 PERNIAGAAN LAMA @ YANG MEMERLUKAN BANTUAN KEWANGAN UNTUK MEMPERKEMBANGKAN PERNIAGAAN


Penyata kewangan bagi tahun-tahun yang terdahulu perlulah disediakan agar pembaca atau pembiaya dapat membuat penilaian yang positif akan kebolehan syarikat menguruskan sumber kewangan.

4.2 PERNIAGAAN BARU

Perancangan kewangan hendaklah menitikberatkan aliran tunai dan pengunjuran penyata pendapatan sepanjang tempoh pembiayaan bagi meyakinkan pembiaya untuk meluluskan permohonan pinjaman.


5.0 JENIS-JENIS PENYATA KEWANGAN UTAMA DALAM PERANCANGAN KEWANGAN

Penyata kewangan adalah satu laporan berangka yang menceritakan mengenai bagaimana kedudukan kewangan perniagaan dalam masa 1 tempoh perniagaan (biasanya 1 tahun)



5.1 PENYATA ALIRAN TUNAI (Cash Flow Statement)

Aliran tunai adalah semua transaksi duit masuk dan keluar dalam perniagaan, tidak kira transaksi bank atau tunai dari sumber aktiviti operasi, pelaburan atau pinjaman. Ianya juga menunjukkan keupayaan perniagaan untuk menjelaskan liabiliti semasa seperti bayaran kepada pembekal dan gaji pekerja.



5.1.1 ALIRAN TUNAI MASUK DAN KELUAR MENGIKUT AKTIVITI OPERASI, PEMBIAYAAN DAN PELABURAN

OPERASI	PEMBIAYAAN	PELABURAN
TUNAI MASUK:	TUNAI MASUK:	TUNAI MASUK:
Hasil jualan tunai, kutipan dari penghutang	Modal, pinjaman	Jualan aset tetap, jualan saham, dividen simpanan, pelaburan dari pelabur
TUNAI KELUAR:	TUNAI KELUAR:	TUNAI KELUAR:
Kos jualan (belian bahan), belanja operasi, bayar pemiutang	Bayaran balik pinjaman dan modal	Pembelian aset syarikat, saham dan pelaburan

5.1.2 CONTOH ALIRAN TUNAI

TUNAI MASUK	PraOperasi	Bulan						Bulan						Jumlah
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Jualan Tunai		5,000	5,000	10,000	12,000	12,000	12,000	15,000	15,000	15,000	18,000	18,000	18,000	155,000
Dana Pemilik	15,000													15,000
Pinjaman		15,000		10,000		25,000								50,000
JUMLAH TUNAI MASUK	15,000	20,000	5,000	20,000	12,000	37,000	12,000	15,000	15,000	15,000	18,000	18,000	18,000	220,000
TUNAI KELUAR														
Pendaftaran Perniagaan	70													70
Latihan & seminar	1,000													1,000
Deposit Sewaan	2,400													2,400
Deposit Utiliti	200													200
Deposit Telefon	200													200
Lesen Pihak Berkuasa	200													200
Komputer		2,000												2,000
Mesin faks		450												450
Mesin #1		3,000												3,000
Peralatan #2		2,000												2,000
Perabot		5,000												5,000
Pendingin hawa		1,000												1,000
Pengubahsuaian (**)		10,000												10,000
Promosi	500													500
Gaji		3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	45,630
KWSP & SOCSO		532	532	532	532	532	532	532	532	532	532	532	532	6,384
Sewaan Pejabat		1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	14,400
Air & Elektrik		200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	2,400
Telefon & Internet		150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	1,800
Percetakan & Alat tulis		100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	1,200
Pengangkutan		150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	1,800
Petrol, Tol & Parkir		120	120	120	120	120	120	120	120	120	120	120	120	1,440
Baik pulih & Penyelenggaraan		300	300	300	300	300	300	300	300	300	300	300	300	3,600
Lain-lain		150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	1,800
Stok Awal	6,000	2,500	2,500	5,000	6,000	6,000	6,000	7,500	7,500	7,500	9,000	9,000	9,000	77,500
Pembayaran Semula Pinjaman								1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	9,000
JUMLAH TUNAI KELUAR	10,570	32,652	9,202	11,702	12,702	12,702	12,702	15,702	15,702	15,702	17,202	17,202	17,202	200,944
Lebih / (Defisit)	4,430	(12,652)	(4,202)	8,298	(702)	24,298	(702)	(702)	(702)	(702)	798	798	798	19,056
Baki daripada bulan sebelumnya	-	4,430	(8,222)	(12,424)	(4,217)	(4,828)	19,470	18,768	18,066	17,364	17,460	18,258	19,056	
Baki bawa ke hadapan	4,430	(8,222)	(12,424)	(4,126)	(4,828)	19,470	18,768	18,066	17,364	16,662	17,460	18,258	19,056	

5.2 PENYATA PENDAPATAN (*INCOME STATEMENT*)

Penyata yang dikenali juga sebagai penyata untung rugi ini menerangkan perjalanan operasi perniagaan iaitu:

- a. KOS JUALAN – Semua kos yang berkaitan secara langsung dengan penghasilan dan penjualan produk/servis.
- b. HASIL JUALAN – Hasil penjualan produk / servis dalam bentuk tunai atau secara kredit.
- c. BELANJA – Keluaran wang yang dibelanjakan untuk mengurus perjalanan operasi perniagaan samada berbentuk belanja operasi, pemasaran atau belanja pentadbiran.
- d. UNTUNG KASAR – Jumlah untung yang diperolehi selepas mengambilkira kos jualan dan hasil jualan ($\text{Untung kasar} = \text{Hasil jualan} - \text{Kos jualan}$)
- e. UNTUNG BERSIH – Jumlah pendapatan (hasil) melebihi jumlah perbelanjaan dalam sesuatu tempoh perakaunan. ($\text{Untung Bersih} = \text{Untung Kasar} - \text{Belanja}$).

5.2.1 CONTOH PENYATA PENDAPATAN

ABC ENTERPRISE			
ANGGARAN UNTUNG DAN RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR 31/12/2016			
PENDAPATAN		RM	165,000
KOS JUALAN			
Stok Awal	RM	6,000	
Pembelian (+)	RM	82,500	
Stok Akhir (-)	RM	00,000	
Kos Produk Dijual		(-) RM	88,500
KEUNTUNGAN KASAR		RM	76,500
PERBELANJAAN OPERASI			
Pendaftaran Perniagaan	RM	70	
Latihan & Seminar	RM	1,000	
Lesen Pihak Berkuasa	RM	200	
Promosi	RM	500	
Gaji	RM	45,600	
KWSP & SOCSO	RM	6,384	
Sewaan Pejabat	RM	14,400	
Air & Elektrik	RM	2,400	
Telefon & Internet	RM	1,800	
Percetakan & Alat tulis	RM	1,200	
Pengangkutan	RM	1,800	
Petrol, Tol & Parkir	RM	1,440	
Pembaikpulihan	RM	3,600	
& Penyelenggaraan			
Lain-lain	RM	1,800	
Susut Nilai	RM	3,645	
JUMLAH PERBELANJAAN OPERASI		(-) RM	85,839
UNTUNG / RUGI BERSIH (sebelum cukai)		RM	(9,339)

5.3 KUNCI KIRA-KIRA (Balance Sheet)

Dikenali juga sebagai lembaranimbangan dan penyata kedudukan kewangan. Ianya memberi gambaran ringkas tentang kedudukan kewangan sesebuah firma. Data yang ditunjukkan dalam kunci kira- kira merupakan ringkasan harta yang dimiliki dan hutang yang ditanggung oleh organisasi. Perkara asas yang dilihat dalam kunci kira-kira ialah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik. Penyata ini disediakan sekurang- kurangnya sekali setahun.

- a. ASET SEMASA – aset yang mudah cair seperti tunai dibank, penghutang (jualan kredit – barang di jual secara hutang), sekuriti boleh pasar, inventori
- b. ASET TETAP – aset kekal seperti rumah, bangunan, kereta, tanah, saham dan nilainya adalah tinggi.
- c. LIABILITI (TANGGUNGAN) - Tanggungan yang perlu dijelaskan kepada orang lain, bayaran hutang kepada barang yang dibeli secara kredit dan bayaran balik pinjaman bank.
- d. EKUITI - modal yang dilaburkan oleh pemilik untuk mulakan perniagaan.

5.3.1 CONTOH KUNCI KIRA-KIRA

<i>Syarikat Firdaus</i> <i>Kunci Kira Kira pada 31 Disember 2009</i>				
	RM	RM		RM
Aset Bukan Semasa			Ekuiti Pemilik	
Kenderaan	50000		Modal	40000
Kelengkapan	5600		Tambah : Untung bersih	29230
Perabot	4500		Modal akhir	<u>69230</u>
		60100		
Aset semasa			Liabiliti bukan semasa	
Penghutang	5670		Pinjaman Bank	6240
Bank	12000			
		17670	Liabiliti semasa	
			Pemiutang	2300
		<u>77770</u>		<u>77770</u>

Aset = Liabiliti + Ekuiti

6.0 LANGKAH-LANGKAH PENYEDIAAN PERANCANGAN KEWANGAN PERNIAGAAN

- i. PENYEDIAAN KOS PERLAKSANAAN PROJEK
- ii. PENYEDIAAN PENYATA PROFORMA ALIRAN WANG TUNAI
- iii. PENYEDIAAN PROFORMA PENYATA PENDAPATAN
- iv. PENYEDIAAN PENYATA PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA

6.1 PENYEDIAAN KOS PERLAKSANAAN PROJEK

i. LEMBARAN PERBELANJAAN

Mengelaskan semua perbelanjaan pentadbiran, pemasaran dan operasi mengikut kategori belanja iaitu aset tetap, modal kerja, pra-operasi dan lain-lain belanja.

JENIS BELANJA	PENTADBIRAN	RM	PEMASARAN	RM	OPERASI	RM
ASET TETAP	Tanah		Van		Mesin	
	Bangunan				Peralatan operasi	
	Peralatan komputer					
	Perabot					
MODAL KERJA	Gaji pentadbiran		Gaji jurujual		Bahan mentah	
	Sewa		Promosi		Pengangkutan masuk	
	Alatulis & bekalan pejabat		Petrol & belanja kenderaan		Gaji, KWSP, SOCSO	
	utiliti pejabat					
PRA-OPERASI	Deposit sewaan, utiliti		Insurans, cukai jalan kenderaan			
	Pendaftaran, lesen perniagaan		Pelbagai belanja operasi			
LAIN-LAIN BELANJA	lain-lain belanja pentadbiran		lain-lain belanja pemasaran		lain-lain belanja operasi	

ii. RAMALAN JUALAN DAN BELIAN

Masukkan ramalan jualan yang telah disediakan dalam aspek pemasaran. Ramalan jualan bagi tahun pertama dimasukkan secara bulanan dan untuk tahun-tahun berikutnya memadai dicatatkan secara tahunan.

Bagi ramalan belian, jumlah bulanan bagi tahun pertama disediakan berpandukan kepada jumlah belian yang dicatatkan dalam perbelanjaan operasi (langkah 1). Ramalan belian juga bagi tahun pertama dimasukkan secara bulanan dan untuk tahun-tahun berikutnya memadai dicatatkan secara tahunan.

TAHUN / BULAN		ANGGARAN	
		JUALAN	BELIAN
TAHUN 1	BULAN 1		
	BULAN 2		
	BULAN 3		
	BULAN 4		
	BULAN 5		
	BULAN 6		
	BULAN 7		
	BULAN 8		
	BULAN 9		
	BULAN 10		
	BULAN 11		
	BULAN 12		
	JUMLAH TAHUN 1		
TAHUN 2	JUMLAH TAHUN 2		
TAHUN 3	JUMLAH TAHUN 3		

iii. KUTIPAN JUALAN DAN PEMBAYARAN BELIAN

Anggarkan kadar kutipan daripada jualan dan bayaran yang akan dibuat terhadap belian bahan. Jualan dan pembelian boleh berlaku secara tunai atau hutang (kredit). Jika jualan dan belian yang dilakukan secara tunai, maka catatan bulanan tidak diperlukan tetapi ditulis sebagai 100%.

		KUTIPAN JUALAN	PEMBAYARAN BELIAN
KAEDAH	MASA		
TUNAI	BULAN PERTAMA		
KREDIT	BULAN KE2		
KREDIT	BULAN KE3		
KREDIT	BULAN KE4		
KREDIT	BULAN KE5		
KREDIT	BULAN KE6		
KREDIT	BULAN KE7		
KREDIT	BULAN KE8		
KREDIT	BULAN KE9		
KREDIT	BULAN KE10		
KREDIT	BULAN KE11		
KREDIT	BULAN KE12		
JUMLAH			

iv. ANGGARAN JANGKAHAYAT DAN SUSUTNILAI ASET TETAP

Jangka hayat aset-aset tetap perlu dianggarkan bagi tujuan pengiraan jumlah susutnilai asset tersebut. Kaedah pengiraan susutnilai yang dicadangkan adalah kaedah garislurus kerana ianya lebih mudah digunakan.

BIL	ASET TETAP	JANGKAAN HAYAT
1	MESIN	
2	VAN	
3	PERALATAN KOMPUTER	
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		
11		

v. PENINGKATAN MODAL KERJA

Sekiranya, terdapat peningkatan terhadap modal kerja pada tahun-tahun berikutnya, ianya perlu dicatatkan dengan mengambilkira faktor inflasi atau faktor lain yang boleh menyebabkan perbelanjaan meningkat.

TAHUN	PENINGKATAN MODAL KERJA	
	PERATUS	JUMLAH
2		
3		
4		
5		

vi. ANGGARAN NILAI STOK BAHAN MENTAH DAN BARANG SIAP

Setiap akhir tahun, stok bahan mentah dan barang siap hendaklah dianggarkan dalam nilai ringgit. Namun ianya bergantung kepada jenis perniagaan. Contohnya bagi perniagaan yang terlibat dalam bidang perdagangan atau peruncitan, hanya stok barang siap perlu dianggarkan, manakala bagi perniagaan perkhidmatan tidak memerlukan sebarang anggaran dibuat.

STOK BAHAN MENTAH	JUMLAH	STOK BARANG SIAP	JUMLAH
AKHIR TAHUN 1		AKHIR TAHUN 1	
AKHIR TAHUN 2		AKHIR TAHUN 2	
AKHIR TAHUN 3		AKHIR TAHUN 3	
AKHIR TAHUN 4		AKHIR TAHUN 4	
AKHIR TAHUN 5		AKHIR TAHUN 5	

vii. KADAR CUKAI PENDAPATAN

Kadar cukai pendapatan perniagaan adalah berbeza mengikut kadar semasa yang ditetapkan oleh kerajaan. Ianya akan berubah jika berlaku perubahan kadar cukai semasa pembentangan Belanjawan Negara oleh Menteri Kewangan. Tidak seperti perniagaan sendirian berhad, perniagaan perseorangan dan perkongsian, cukai dibayar sendiri oleh pemilik atau rakan kongsi mengikut kadar cukai individu yang telah ditetapkan. Oleh itu, tidak terdapat cukai dalam penyata pendapatan perniagaan perseorangan dan perkongsian.

KADAR PERCUKAIAN		
TAHUN	PERATUS	JUMLAH
1		
2		
3		
4		
5		

viii. PINJAMAN / SEWA BELI ASET

Jumlah pinjaman, kadar faedah tahunan dan jangka masa pinjaman perlu dicatatkan. Pengiraan kadar faedah juga berbeza mengikut sama ada faedah yang dikenakan adalah atas jumlah pokok pinjaman atau atas baki pokok tahunan mengikut ketetapan pihak institusi kewangan.

BIL	PINJAMAN/SEWABELI	NILAI	KADAR FAEDAH	TEMPOH
1				
2				
3				
4				

xi. JADUAL KOS PERLAKSANAAN PROJEK

Apabila kesemua langkah-langkah di atas selesai, maka jadual kos pelaksanaan projek, proforma aliran tunai, proforma penyata pendapatan dan proforma kunci kira-kira dapat disediakan dengan lebih mudah. Di dalam kos pelaksanaan projek, adalah perlu untuk meletakkan kos luar jangka iaitu sebanyak 5% dari keseluruhan kos terlibat sebagai langkah menghadapi situasi sesuatu di luar jangkaan seperti terlebih belanja dan sebagainya.

KOS PELAKSANAAN PROJEK		SUMBER			
KEPERLUAN	KOS	PINJAMAN	SEWA BELI	TUNAI SENDIRI	ASET SEDIA ADA
ASET TETAP					
Tanah					
Bangunan					
Perabot					
Peralatan komputer					
van penghantaran					
Mesin					
Peralatan Operasi					
MODAL KERJA					
Pentadbiran					
Pemasaran					
Operasi					
Keperluan lain					
Luar jangka (5%)					
JUMLAH					

6.2 PENYATA PROFORMA ALIRAN TUNAI

[illegible]

6.3 PENYEDIAAN PROFORMA PENYATA PENDAPATAN

PRO FORMA PENYATA PENDAPATAN			
	TAHUN 1	TAHUN 2	TAHUN 3
JUALAN			
TOLAK: KOS JUALAN			
Stok awal barang siap			
Kos Pengeluaran			
TOLAK: Stok akhir Barang Siap			
JUMLAH BERSIH JUALAN			
UNTUNG KASAR			
TOLAK: Perbelanjaan			
Belanja Pentadbiran			
Belanja Pemasaran			
Perbelanjaan lain			
Pendaftaran dan lesen			
Insurans dan cukai jalan			
Belanja Pra operasi			
Faedah pinjaman			
Susutnilai aset tetap			
JUMLAH PERBELANJAAN			
UNTUNG BERSIH SEBELUM CUKAI			
CUKAI			
UNTUNG BERSIH SELEPAS CUKAI			
UNTUNG BERSIH TERKUMPUL			

6.4 PENYEDIAAN PENYATA PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA

PRO FORMA PENYATA KUNCI KIRA-KIRA			
	TAHUN 1	TAHUN 2	TAHUN 3
ASET			
ASET TETAP			
Perabot			
Peralatan komputer			
ASET SEMASA			
Stok bahan mentah			
Stok barang siap			
Akaun belum terima			
Tunai			
ASET LAIN			
Deposit			
JUMLAH ASET			
LIABILITI SEMASA			
Akaun Belum Bayar			
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Baki pinjaman			
EKUITI PEMILIK			
Modal			
Untung bersih terkumpul			
JUMLAH LIABILIT DAN EKUITI			

KUIZ

NAMA: _____

TARIKH: _____

MARKAH: / 15

1. Senaraikan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan kepada penyata kewangan sesebuah syarikat. (5 markah)

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

v. _____

2. Berikan contoh bagi setiap item yang terdapat dalam kunci kira-kira berikut: (5 markah)

i. Aset tetap: _____

ii. Aset semasa: _____

iii. Liabiliti jangka panjang: _____

iv. Liabiliti jangka pendek: _____

v. Ekuiti: _____

3. Berikan contoh jenis belanja mengikut kategori berikut: (5 markah)

i. Belanja pra-operasi: _____

ii. Belanja pemasaran: _____

iii. Belanja pentadbiran: _____

4. Terangkan mengapakah perniagaan yang telah beroperasi masih memerlukan kepada penyediaan penyata kewangan yang baik? (2 markah)

JAWAPAN KUIZ

1. Senaraikan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan kepada penyata kewangan sesebuah syarikat. (5 markah)

- i. **Pemegang saham**
- ii. **Pelabur**
- iii. **Pihak pengurusan**
- iv. **Pembiaya / Institusi kewangan**
- v. **Pembekal / vendor**

(1 markah setiap satu)

2. Berikan contoh bagi setiap item yang terdapat dalam kunci kira-kira berikut:
(5 markah)

- i. Aset tetap: **Mesin, bangunan, tanah, perabut, peralatan komputer**
- ii. Aset semasa: **inventori, tunai, saham boleh pasar, akaun belum terima**
- iii. Liabiliti jangka panjang: **hutang jangka panjang**
- iv. Liabiliti jangka pendek: **hutang jangka pendek, pemiutang**
- v. Ekuiti: **modal, saham pemilik**

(1 markah setiap satu)

3.

4. Berikan contoh jenis belanja mengikut kategori berikut: (3 markah)

- i. Belanja pra-operasi: **Deposit sewaan, lessen perniagaan**
- ii. Belanja pemasaran: **Gaji jurujual, promosi**
- iii. Belanja pentadbiran: **Gaji pekerja pentadbiran, belian alatulis**

(1 markah setiap satu)

5. Terangkan mengapakah perniagaan yang telah beroperasi masih memerlukan kepada penyediaan penyata kewangan yang baik? (2 markah)

Penyata kewangan yang baik membolehkan pembaca atau pembiaya dapat membuat penilaian yang positif akan kebolehan syarikat menguruskan sumber kewangan.

(2 markah)

LATIHAN AMALI

Dato' Sofian, pemilik Nur Suci Sdn Bhd merancang untuk membesarkan lagi perniagaan sedia ada. Beliau merancang untuk mendapatkan modal tambahan melalui pinjaman bank. Pihak bank hanya akan mempertimbangkan permohonan beliau sekiranya beliau dapat menyediakan satu perancangan kewangan yang lengkap untuk tempoh 3 tahun akan datang. Beliau tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dalam menyediakan perancangan kewangan perniagaannya. Berdasarkan maklumat yang diberikan, anda dikehendaki membantu Nur Suci Sdn Bhd menyediakan laporan lengkap perancangan kewangan perniagaan. Perancangan kewangan anda perlu meliputi jadual dan penyata kewangan berikut:

- i. Jadual perbelanjaan
- ii. Jadual ramalan jualan dan belian
- iii. Jadual kos pelaksanaan projek
- iv. Penyata pro-forma aliran tunai
- v. Pro-forma penyata pendapatan
- vi. Pro-forma penyata kunci kira-kira

Berikut merupakan jadual perbelanjaan bagi Nur Suci Sdn Bhd

PERBELANJAAN:	RM	SUMBER
Perabot	5000	Pinjaman
Peralatan komputer	6000	Pinjaman
Gaji pentadbiran	8000	Pinjaman
Sewa bulanan pejabat	2000	Pinjaman
Alatan tulis	400	Pinjaman
Utiliti pejabat	500	Pinjaman
Van penghantaran	45000	Sewabeli dengan deposit sendiri 5000
Mesin operasi	12500	Pinjaman
Peralatan operasi	2500	Pinjaman
Deposit sewa pejabat	4000	Pinjaman
Pendaftaran & lesen perniagaan	4000	Pinjaman
Gaji jurujual	4000	Pinjaman
Belanja petrol dan kenderaan	600	Pinjaman
Belanja promosi	500	Pinjaman
Insurans & cukai jalan	2500	Pinjaman
Pembelian bahan mentah	4500	Pinjaman
Pengangkutan masuk	500	Pinjaman
Gaji pekerja operasi	6000	Pinjaman
Lain-lain belanja pentadbiran	1200	Sendiri
Lain-lain belanja pemasaran	600	Sendiri
Lain-lain belanja operasi	1300	Sendiri

Maklumat tambahan:

- Anggaran jualan bagi tahun pertama adalah RM480,000 dengan purata sebanyak RM40,000 sebulan.
- Dianggarkan 50% jumlah jualan adalah secara tunai, manakala bakinya adalah secara kredit.
- Manakala bagi tahun kedua dan ketiga masing-masing adalah RM500,000 dan RM530,000.
- Anggaran belian pula bagi tahun pertama adalah RM54 000 dengan purata sebanyak 4500 sebulan.
- Manakala bagi tahun kedua dan ketiga masing-masing adalah RM58 000 dan RM60,000.
- Aset-aset tetap dijangkakan mempunyai jangka hayat 5 tahun kecuali perabot dijangkakan akan menjangkau kepada 8 tahun.
- Modal kerja syarikat juga diramalkan akan meningkat sebanyak 10% setiap tahun.
- Nilai stok bahan mentah pada akhir tahun 1, 2 dan 3 adalah 800, 1000 dan 1200.
- Nilai stok barang siap pada akhir tahun 1, 2 dan 3 adalah 3000, 3400 dan 3800.
- Kadar faedah pinjaman ialah 6% setahun untuk tempoh 5 tahun, manakala untuk sewa beli ialah 5% setahun untuk tempoh yang sama.
- Kadar cukai adalah 28% setahun.

JAWAPAN LATIHAN AMALI

i. JADUAL PERBELANJAAN

JENIS BELANJA	PENTADBIRAN	RM	PEMASARAN	RM	OPERASI	RM
ASET TETAP	Tanah		Van	45,000.00	Mesin	12500
	Bangunan				Peralatan operasi	2500
	Peralatan komputer	6,000.00				
	Perabot	5,000.00				
MODAL KERJA	Gaji pentadbiran	8,000.00	Gaji jurujual	4,000.00	Bahan mentah	4500
	Sewa	2,000.00	Promosi	500.00	Pengangkutan masuk	500
	Alatulis & bekalan pejabat	400.00	Petrol & belanja kenderaan	600.00	Gaji, KWSP, SOCSO	6000
	utiliti pejabat	500.00				
PRA-OPERASI	Deposit sewaan, utiliti	4,000.00	Insurans, cukai jalan kenderaan	2,500.00		
	Pendaftaran, lesen perniagaan	4,000.00				
LAIN-LAIN BELANJA	lain-lain belanja pentadbiran	1,200.00	lain-lain belanja pemasaran	600.00	lain-lain belanja operasi	1300
JUMLAH		31,100.00		53,200.00		27300

ii. JADUAL RAMALAN JUALAN DAN BELIAN

TAHUN / BULAN		ANGGARAN	
		JUALAN	BELIAN
TAHUN 1	BULAN 1	40,000.00	4,500.00
	BULAN 2	40,000.00	4,500.00
	BULAN 3	40,000.00	4,500.00
	BULAN 4	40,000.00	4,500.00
	BULAN 5	40,000.00	4,500.00
	BULAN 6	40,000.00	4,500.00
	BULAN 7	40,000.00	4,500.00
	BULAN 8	40,000.00	4,500.00
	BULAN 9	40,000.00	4,500.00
	BULAN 10	40,000.00	4,500.00
	BULAN 11	40,000.00	4,500.00
	BULAN 12	40,000.00	4,500.00
	JUMLAH TAHUN 1	480,000.00	54,000.00
TAHUN 2	JUMLAH TAHUN 2	500,000.00	58,000.00
TAHUN 3	JUMLAH TAHUN 3	530,000.00	60,000.00

iii. KOS PELAKSANAAN PROJEK

KOS PELAKSANAAN PROJEK		SUMBER		
KEPERLUAN	KOS	PINJAMAN	SEWA BELI	TUNAI SENDIRI
ASET TETAP				
Perabot	5,000	5,000		
Peralatan komputer	6,000	6,000		
van penghantaran	45,000		40,000	5,000
Mesin	12,500	12,500		
Peralatan Operasi	2,500	2,500		
Modal kerja				
Pentadbiran	10,900	10,900		
Pemasaran	5,100	5,100		
Operasi	11,000	11,000		
Keperluan lain dan Pra operasi	13,600			13,600
Luar jangka (5%)	5,580			5,580
JUMLAH	117,180	53,000	40,000	24,180

iv. PRO-FORMA ALIRAN TUNAI

PENYATA PRO-FORMA ALIRAN TUNAI																
														JUMLAH		
	PRA-OPERASI	BULAN 1	BULAN 2	BULAN 3	BULAN 4	BULAN 5	BULAN 6	BULAN 7	BULAN 8	BULAN 9	BULAN 10	BULAN 11	BULAN 12	TAHUN 1	TAHUN 2	TAHUN 3
PENERIMAAN TUNAI																
Modal Pemilik (tunai)	24,180													24,180		
Pinjaman bank	53,000													53,000		
Jualan tunai		20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	240,000	250,000	265,000
Kutipan akaun belum terima			20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	220,000	249,167	263,750
JUMLAH PENERIMAAN TUNAI	77,180	20,000	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000	537,180	499,167	528,750
PEMBAYARAN TUNAI																
Belanja Pentadbiran																
Gaji Pentadbiran		8,000	8,000	8,000	8,000	8,000	8,000	8,000	8,000	8,000	8,000	8,000	8,000	96,000	105,600	116,160
Sewa		2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	24,000	26,400	29,040
Belanja Pemasaran																
Gaji jurujual		4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	48,000	52,800	56,080
Promosi		500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	6,000	6,500	72,780
Belanja Operasi																
Belian tunai		2,700	2,700	2,700	2,700	2,700	2,700	2,700	2,700	2,700	2,700	2,700	2,700	32,400	34,800	36,000
Bayaran akaun belum bayar			1,800	1,800	1,800	1,800	1,800	1,800	1,800	1,800	1,800	1,800	1,800	19,800	21,600	23,200
Pengangkutan masuk & duti		500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	6,000	6,600	7,260
Gaji, KWSP, SOCSO Operasi		6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	72,000	79,000	87,120
Perbelanjaan lain		800												800	880	968
Pra-operasi														-		
Deposit	4,000													4,000		
Pendaftaran & lesen perniagaan	4,000													4,000		
Insurans dan cukai jalan	2,500													2,500		
Pelbagai belanja	2,300													2,300		
Aset tetap																
Belian aset tetap	26,000													26,000		
Bayaran muka belian aset tetap	5,000													5,000		
Bayaran balik sewa beli																
Pokok		667	667	667	667	667	667	667	667	667	667	667	667	8,000	8,000	8,000
Faedah		167	167	167	167	167	167	167	167	167	167	167	167	2,000	2,000	2,000
Bayaran balik pinjaman																
Pokok		883	883	883	883	883	883	883	883	883	883	883	883	10,600	10,600	10,600
Faedah		265	265	265	265	265	265	265	265	265	265	265	265	3,180	2,544	1,908
Cukai													36,787	36,787	34,731	34,408
JUMLAH PEMBAYARAN TUNAI	43,800	27,982	28,982	28,982	28,982	28,982	28,982	28,982	28,982	28,982	28,982	28,982	65,769	427,367	414,655	446,284
LEBIHAN / DEFISIT	33,380	(7,982)	11,018	11,018	11,018	11,018	11,018	11,018	11,018	11,018	11,018	11,018	(25,769)	109,813	84,512	82,466
BAKI AWAL		33,380	25,398	36,417	47,435	58,453	69,472	80,490	91,508	102,527	113,545	124,563	135,582		109,813	194,325
BAKI AKHIR	33,380	25,398	36,417	47,435	58,453	69,472	80,490	91,508	102,527	113,545	124,563	135,582	109,813	109,813	194,325	276,791

v. PRO-FORMA PENYATA PENDAPATAN

PRO FORMA PENYATA PENDAPATAN			
	TAHUN 1	TAHUN 2	TAHUN 3
JUALAN	480,000	500,000	530,000
TOLAK: KOS JUALAN			
Stok awal barang siap		3,000	3,400
Kos Pengeluaran	134,013	146,413	156,993
TOLAK: Stok akhir Barang Siap	3,000	3,400	3,800
JUMLAH BERSIH JUALAN	131,013	146,013	156,593
UNTUNG KASAR	348,987	353,987	373,407
TOLAK: Perbelanjaan			
Belanja Pentadbiran	130,800	143,880	158,268
Belanja Pemasaran	61,200	67,320	74,052
Perbelanjaan lain	800	880	968
Pendaftaran dan lesen	4,000		
Insurans dan cukai jalan	2,500	2,500	2,500
Belanja Pra operasi	2,300		
Faedah sewa beli	2,000	2,000	2,000
Faedah pinjaman	3,180	2,544	1,908
Susutnilai aset tetap	10,825	10,825	10,825
JUMLAH PERBELANJAAN	217,605	229,949	250,521
UNTUNG BERSIH SEBELUM CUKAI	131,382	124,038	122,886
CUKAI	36,787	34,731	34,408
UNTUNG BERSIH SELEPAS CUKAI	94,595	89,308	88,478
UNTUNG BERSIH TERKUMPUL	94,595	183,903	272,381

vi. KUNCI KIRA-KIRA

PRO FORMA PENYATA KUNCI KIRA-KIRA			
	TAHUN 1	TAHUN 2	TAHUN 3
ASET			
ASET TETAP			
Perabot	4,375	3,750	3,125
Peralatan komputer	4,800	3,600	2,400
	57,363	43,725	30,088
ASET SEMASA			
Stok bahan mentah	800	1,000	1,200
Stok barang siap	3,000	3,400	3,800
Akaun belum terima	20,000	20,833	22,083
Tunai	109,813	194,325	276,791
	133,613	219,558	303,874
ASET LAIN			
Deposit	4,000	4,000	4,000
JUMLAH ASET	194,976	267,283	337,962
LIABILITI SEMASA			
Akaun Belum Bayar	1,800	3,400	4,200
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Baki pinjaman	42,400	31,800	21,200
Baki sewa beli	32,000	24,000	16,000
	74,400	55,800	37,200
EKUITI PEMILIK			
Modal	24,180	24,180	24,180
Untung bersih terkumpul	94,595	183,903	272,381
	118,775	208,083	296,561
JUMLAH LIABILIT DAN EKUITI	194,975	267,283	337,961

TUGASAN DAN PEMBENTANGAN

Bina satu perancangan kewangan perniagaan yang lengkap bagi syarikat milik anda. Perancangan kewangan yang dibina perlulah bersesuaian dengan jenis perniagaan yang anda jalankan. Perancangan kewangan anda perlu meliputi jadual dan penyata kewangan berikut:

- i. Jadual perbelanjaan
- ii. Jadual ramalan jualan dan belian
- iii. Jadual kos pelaksanaan projek
- iv. Penyata pro-forma aliran tunai
- v. Pro-forma penyata pendapatan
- vi. Pro-forma penyata kunci kira-kira

RUBRIK MARKAH PEMBENTANGAN

RUBRIK PEMARKAHAN PEMBENTANGAN (KUMPULAN) (100 markah -10 %)

Gred/ Kriteria	Amat Cemerlang (A+)	Cemerlang (A dan A-)	Kepujian (B+, B dan B-)	Lulus (C+ dan C)	Gagal (C-, D+, D dan F)
Skala 100 Markah	90 – 100	75 - 89	60 - 74	50 - 59	<50
Slaid Pembentangan	Tiada kesilapan ejaan, ayat dan tanda baca. Mudah dibaca / saiz sesuai; tidak melebihi 3 fonts. Reka bentuk PPT tidak padat, penggunaan warna berkesan untuk penekanan dan mengaplikasi teknik CASPER.	Terdapat kesilapan ejaan, ayat dan tanda bahasa minima. Terlalu banyak informasi pada satu atau dua slaid.	Terdapat kesilapan ejaan, ayat dan tanda bahasa di sana sini. Terlalu banyak informasi pada lebih dari dua lebih slaid.	Terdapat banyak kesilapan ejaan, ayat dan tanda bahasa. Terlalu banyak informasi pada kebanyakan slaid.	Terdapat terlalu banyak kesilapan ejaan, ayat dan tanda bahasa. Slaid sukar untuk dibaca dan terlalu banyak informasi dimasukkan dalam satu slaid
Kelancaran	Kelancaran bahasa amat baik Berkeyakinan tinggi dalam menyampaikan hujah	Kelancaran bahasa baik Berkeyakinan dalam menyampaikan hujah	Kelancaran bahasa sederhana Keyakinan yang sederhana dalam menyampaikan hujah	Kelancaran bahasa kurang baik Keyakinan yang memuaskan dalam menyampaikan hujah	Kelancaran bahasa lemah Tidak yakin dalam menyampaikan hujah
Penguasaan Isi Kandungan	Kefahaman yang menyeluruh serta mendalam tentang idea-idea utama pada tahap amat cemerlang Dapat memberi respon semasa sesi soal jawab dengan sangat jelas	Kefahaman yang menyeluruh serta mendalam tentang idea-idea utama pada tahap cemerlang Dapat memberi respon semasa sesi soal jawab dengan jelas, teratur dan tepat	Kefahaman yang menyeluruh serta mendalam tentang idea-idea utama pada tahap baik Dapat memberi respon semasa sesi soal jawab dengan jelas dan teratur	Kefahaman yang menyeluruh serta mendalam tentang idea-idea utama pada tahap memuaskan Dapat memberi respon semasa sesi soal jawab dengan jelas tetapi tidak teratur	Kefahaman tentang idea-idea utama pada tahap minimum Tidak dapat memberi respon semasa sesi soal jawab

Rujukan

Faizah Sahbudin & Muhammad Nazri Abdul Halim. (2019). Business Finance. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Dimuat turun daripada <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/27748?language=my>

Dimuat turun daripada <https://getittogetherbook.com/367-how-to-make-a-financial-plan-for-a-business-business-plan>

Dimuat turun daripada <https://smeinfo.com.my/my/menguruskan-kewangan-perniagaan-anda/rancang-kewangan-anda>

Dimuat turun daripada <https://blog.pakej.my/info/contoh-pengurusan-kewangan-perniagaan-guna-excel/>

Dimuat turun daripada <https://softwareperniagaan.mybizcore.com/rancangan-kewangan>

MODUL 5

RANCANGAN PERNIAGAAN PENGURUSAN OPERASI DAN RANTAIAN BEKALAN

Penulis :

NORZIANIS BINTI REZALI @ ABDUL SUKOR

PENGURUSAN OPERASI DAN RANTAIAN BEKALAN

1. PENGENALAN

Bahagian ini menerangkan dengan terperinci tentang bagaimana penghasilan atau penyediaan perkhidmatan akan dilakukan. Bahagian ini turut menerangkan berkaitan sumber yang diperlukan bagi memastikan proses pengurusan operasi adalah produktif.

2. PENGURUSAN OPERASI

2.1 Apakah Pengurusan Operasi?



Rajah 2.2: Elemen Pengurusan Operasi

Pengurusan operasi adalah merupakan fungsi utama dalam perniagaan. Pengurusan operasi bertanggungjawab untuk menguruskan proses pembuatan barang ataupun perkhidmatan. Ia melibatkan aktiviti merancang, mengatur, menguruskan, dan mengendalikan semua sumber yang diperlukan untuk menghasilkan barang atau perkhidmatan.

2.2 Kepentingan Pengurusan Operasi

Kepentingan Pengurusan Operasi adalah seperti berikut:

- i. Pengurusan operasi yang cekap dapat mengurangkan kos penghasilan produk atau perkhidmatan. Sebagai contoh, sekiranya pengurusan operasi dapat mengurangkan kos bahan mentah dengan cara mengurangkan pembaziran bahan mentah sewaktu operasi, ia akan menyumbang kepada keuntungan secara tidak langsung.
- ii. Pengurusan operasi dapat meningkatkan keuntungan melalui penghasilan barangan atau perkhidmatan yang berkualiti. Ini akan meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap barang atau perkhidmatan.
- iii. Pengurusan operasi berinovatif dalam menggunakan sumber dapat mengurangkan pelaburan atau modal yang digunakan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan. Sebagai contoh aktiviti operasi diinovasikan dengan menggunakan konsep 'hijau' dapat menyumbang kepada pengurangan kos bahan mentah.

2.3 Objektif Pengurusan Operasi

Objektif pengurusan operasi adalah seperti berikut:

- i. Menghasilkan barang atau perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan.
- ii. Memaksimumkan penghasilan barang (*output*) atau perkhidmatan dengan menggunakan sumber yang minimum (*input*).
- iii. Memastikan barang dan perkhidmatan yang dihasilkan mematuhi spesifikasi kualiti yang telah ditetapkan.
- iv. Meminimumkan kos pengeluaran barang.



Rajah 2.2: Objektif Pengurusan Operasi

3.0 PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN

3.1 Apakah Pengurusan Rantai Bekalan?



Rajah 3.: Rantai Bekalan

Pengurusan rantai bekalan adalah pengurusan aliran barang atau perkhidmatan yang melibatkan pergerakan bahan mentah dari proses penerimaan (*inbound*), inventori barangan separuh siap (*work in process*) kepada proses pengeluaran (*outbound*) kepada pelanggan.

4.0 ASPEK PENGURUSAN OPERASI BAGI RANCANGAN PERNIAGAAN

4.1 Produk atau Perkhidmatan

Senarai lengkap bagi setiap jenis produk/perkhidmatan yang akan dikeluarkan perlu disediakan, bagi kertas kerja untuk pengeluaran lebih dari satu produk/perkhidmatan. Sekiranya hanya satu produk sahaja, penerangan berkaitan produk /perkhidmatan perlu diterangkan secara detail. Penjelasan terperinci bagi setiap produk/ perkhidmatan ini akan dinyatakan mengikut keperluannya, terutama sekali bagi produk/perkhidmatan yang baru atau masih tiada di pasaran.

4.2 Kapasiti Pengeluaran

Kapasiti pengeluaran ialah kadar maksimum output bagi satu-satu pengeluaran barangan pada suatu jangka masa tertentu. Kapasiti pengeluaran dapat dijadikan ukuran kecekapan pengeluar dalam memenuhi permintaan pelanggannya. Contoh kapasiti pengeluaran bagi operasi yang berikut;

Kedai Kek - Bilangan kek sehari; Restoran - Bilangan pelanggan sehari;
Penerbangan - Bilangan penerbangan sehari.

Kebiasaannya satu-satu pengeluaran itu beroperasi pada kadar yang kurang daripada kapasiti sekiranya permintaan pelanggan tidak tinggi. Bagaimanapun kapasiti minimum juga perlu diketahui oleh pengeluar di mana kawalan kos dapat dilakukan. Semakin sedikit output semakin meningkat kos dan ia akan mempengaruhi jumlah keuntungan syarikat. Oleh sebab itu unit pengeluaran atau masa operasi mestilah dapat dipastikan;

- i. Hasil operasi dalam unit produk pengeluaran atau jam operasi perkhidmatan mengikut kesesuaian projek perlu dinyatakan;
- ii. Anggaran pengeluaran ini pula perlu selaras dengan ramalan jualan yang telah dinyatakan dalam Rancangan Pemasaran.

- | | |
|---|---------------|
| 1. Senarai Asas Kemampuan Pengeluaran Alat Jentera Bagi Pencelupan Tayar; | |
| a) Inspection Spreader | 6 biji sejam; |
| b) Tyre Buffer | 3 biji sejam; |
| c) Tread Builder | 3 biji sejam; |
| d) Electric Curing Chamber | 3 biji sejam. |

Jadual 4: Contoh Anggaran Pengeluaran

4.3 Proses Pengeluaran

4.3.1 Proses Operasi

- Kertas kerja juga perlu mengandungi langkah- langkah utama dalam proses pengeluaran barangan atau penyediaan perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh perniagaan; (rujuk lampiran 2)
- Pendekatan penerangan ialah dengan cara mengkoordinasi sumber-sumber yang diperlukan dalam menghasilkan output yang terakhir yang akan diedarkan atau diserahkan kepada pelanggan.

4.3.2 Carta Alir Proses

- Carta Alir Proses perlu disediakan selain penerangan secara terperinci, rajah fungsi masa atau lain-lain carta contohnya Carta Gantt (rujuk lampiran 3) bagi tujuan menerangkan proses operasi.
- Carta Alir proses perlu menggunakan simbol di dalam mempersembahkan carta alir proses. Setiap simbol melambangkan maksudnya yang tersendiri (rujuk lampiran 4).

4.3.3 Bahan Mentah

- Senarai bahan mentah yang diperlukan di setiap langkah proses pengeluaran perlu dinyatakan;
 - i. Senarai ini juga harus dilengkapi dengan harga belian seunit bahan tersebut serta nama dan alamat pembekal;
 - ii. Nyatakan juga sama ada pembelian tersebut dibuat dalam bentuk tunai atau kredit;
 - iii. Keperluan bahan mungkin lebih dari satu unit bagi menghasilkan seunit output. Oleh itu pembelian mungkin dibuat secara pukal. Jumlah stok simpanan kemudiannya boleh dinyatakan di dalam senarai bahan mentah; Sebagai sebahagian daripada pembelian bulanan atau; Sebagai sebahagian daripada jumlah belian tahunan.
- Berikut adalah contoh senarai bahan-bahan mentah yang diperlukan untuk pengeluaran 40 kg kerepek ubi :

Bahan Mentah	Pembekal dan Alamat Pembekal	Kuantiti (kg)	Harga seunit (RM)	Harga (RM)
Ubi Kayu	ABC Sdn. Bhd.	60.5 kg	RM2.00/ kg	121.00
Garam Halus	XYZ Sdn. Bhd.	1.2 kg	RM 0.60/ kg	0.72
Minyak Kelapa Sawit Tulen	ABC Sdn. Bhd.	17.0 kg	RM1.53/ kg	26.01
Butylated Hydroxy Toluene (Bahan Anti Pengoksidaan)	XYZ Sdn. Bhd.	4.0 g	RM 1.66/ g	6.64
Jumlah				RM 154.37

Jadual 5: Senarai Bahan Mentah

4.3.4 Tenaga Pekerja

Sekiranya belum ada senarai tenaga kerja dinyatakan dalam mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini, senarai jawatan dan bilangan pekerja bagi bahagian pengeluaran atau operasi perlu dinyatakan.

Sekiranya perniagaan mempunyai tenaga kerja yang ramai dan pembahagian tugas antara pentadbiran dan operasi adalah jelas, maka senarai tenaga kerja ini perlu diasingkan, di antaranya ;

- i. Jawatan yang mesti wujud dalam aktiviti pengeluaran tersebut;
- ii. Bilangan pekerja untuk setiap jawatan berkenaan.

Huraian tugas atau tanggungjawab utama bagi setiap jawatan perlu juga dinyatakan dan ini mestilah selaras dengan setiap langkah dalam proses pengeluaran yang telah diterangkan terlebih dahulu.

Imbuhan, gaji atau lain-lain ganjaran bulanan, mingguan atau harian bagi setiap jawatan atau pekerja termasuk caruman KWSP dan PERKESO yang berkaitan mesti juga dinyatakan.

Berapa bilangan pekerja akan mempengaruhi masa operasi mahupun waktu pengeluaran bagi setiap pengeluaran.

Cara Pengiraan Bilangan Pekerja yang Diperlukan:	
Situasi : Projek pembukaan kedai menjahit langsir bagi syarikat ABC Sdn Bhd	
Maklumat	Cara pengiraan
Cadangan kadar pengeluaran (ouput) = 400 helai/sehari Masa menjahit sehelai = 20 minit/sehelai Jam produktif pekerja = 6 jam/sehari Bilangan pekerja yang diperlukan = ?	Masa yang diperlukan untuk menghasilkan 400 helai langsir adalah seperti berikut : Masa menjahit = 20 minit x 400 helai = 8000 minit Masa seorang pekerja = 6 jam x 60 minit = 360 minit Bilangan Pekerja = 8000/360 = 22.22 = 23 orang

Jadual 6: Contoh Pengiraan Bilangan Pekerja

4.3.5 Mesin dan Peralatan

Syarikat perlu menyenaraikan mesin dan peralatan yang sedia ada untuk menjalankan operasi perniagaan. Maklumat lengkap berkaitan mesin dan peralatan seperti model/jenis, pembekal dan alamat pembekal serta harga. Di samping itu, syarikat juga perlu menyenaraikan maklumat lengkap berkaitan mesin dan peralatan yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan yang dirancang.

Sebelum syarikat menyenaraikan peralatan dan mesin yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan yang dirancang syarikat perlu mengambil kira dan mengenal pasti jumlah sebenar peralatan dan mesin yang diperlukan. Ini penting bagi mengelakkan syarikat melakukan pembaziran terhadap pembelian mesin dan peralatan.

Setiap satu peralatan dan mesin yang diperlukan, pengiraannya berbeza-beza ianya mengikut kesesuaian dan kegunaan mesin tersebut. Senaraikan mesin dan peralatan yang diperlukan serta harga belian selaras dengan keperluan pengeluaran atau operasi dan nyatakan sumber pembekal mesin

Senarai Mesin dan Peralatan Yang Sedia Ada

Jenis/Model	Nama Pembekal dan Alamat Pembekal	Kuantiti	Harga/Unit	Jumlah
Mixer (30L)	Hanson Electrical Supplier	2	5,500	11,000
Oven (Gas)	Hanson Electrical Supplier	2	5,800	11,600
Refrigerator	Hanson Electrical Supplier	1	3,500	3500
Bread Slicer	Hanson Electrical Supplier	3	4,400	13,200
Display Cabinet	Koperasi Han Seng Sdn Bhd	10	400	4,000

Jenis/Model	Nama Pembekal dan Alamat Pembekal	Kuantiti	Harga/Unit	Jumlah
Juice Dispenser	Singer	2	4,600	9,200
Deep Freezer	Singer	2	4,100	8,200
Cake Chiller	Singer	3	5,400	16,200

Jadual 8: Senarai Mesin dan Peralatan Yang Diperlukan

4.3.6 Susun Atur Ruang Operasi

Susun atur ruang operasi perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Lukiskan susun atur ruang operasi perniagaan berdasarkan faktor-faktor utama yang diambil kira dalam menyusun atur semua keperluan dan kelengkapan dalam ruang operasi tersebut;
- ii. Sesuaikan susun atur ruang operasi dengan keperluan pengeluaran atau perniagaan yang biasanya mengandungi seksyen kerja, bilik peralatan, ruang pejabat, stor, surau, tandas dan lain-lain lagi;
- iii. Mesin, peralatan dan pekerja dalam ruang operasi mestilah disusun serta diintegrasikan dengan;
 - a. Licin dan lancar;
 - b. Efisien;
 - c. Selamat;
 - d. Selesa.
- iv. Faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam susun atur ruang operasi;
 - a. Aturkan mesin, peralatan dan kawasan kerja supaya bahan mentah dapat bergerak secara licin dan lancar dalam laluan yang lurus. Dalam perniagaan berbentuk perkhidmatan, aturan di ruang operasi mesti memudahkan pelanggan untuk berurusan.
 - b. Elakkan sebarang kelewatan yang menyebabkan produk separa siap terpaksa menunggu proses seterusnya.
 - c. Rancangkan supaya produk keluaran yang berbeza tidak bercampur aduk.
 - d. Kurangkan perpindahan bahan supaya proses pengeluaran dapat dijalankan dengan lebih efisien bagi mengelakkan pembaziran.
 - e. Gunakan sebaik mungkin setiap kaki persegi ruang operasi
 - f. Wujudkan keadaan penyeliaan yang efektif.
 - g. Wujudkan kawasan kerja yang kondusif bagi memberi keselesaan kepada pekerja dan pelanggan. Lihat lampiran.

4.3.7 Lokasi

Nyatakan kedudukan lokasi;


- i. Lokasi kilang
- ii. Lokasi operasi
- iii. Status sama ada disewa (deposit), kos ubahsuai dan lain-lain kos (tidak perlu kalau sudah dinyatakan dalam bahagian aspek Koperasi).

4.3.8 Belanjawan Pengeluaran

Perbelanjaan Operasi melibatkan Jumlahkan semua perbelanjaan yang terlibat dalam aktiviti operasi bulanan atau tahunan.

ITEM	APRIL (RM)	MEI (RM)	JUN (RM)	JULAI (RM)
Bahan mentah	9,795	40,286	54,175	111,466
Gaji & Upah	3,570	23,160	36,480	44,160
Sewa bangunan	1,200	1,200	1,200	1,200
Minyak	600	3,600	3,600	4,800
Api / Air	3,600	4,800	4,800	6,000
Jagaan & Baiki Jentera	-	500	2000	3000
Susut nilai bangunan, alat jentera, kenderaan	9,734	14,602	14,602	14,602
Perbelanjaan Jualan	100	1,000	2,000	3,000
Bayaran Faedah atas Pinjaman	2,250	9,000	7,500	6,000
Bayaran Pinjaman	-	15,000	15,000	15,000
Jumlah	30,759	113,148	141,597	209,468

Jadual 9 : Contoh Belanjawan Bulanan Bagi Satu Operasi




Rajah 4.1 : Proses Operasi : Aktiviti Operasi Pengeluaran Biskut


SIMBOL DALAM CARTA ALIRAN PROSES

SIMBOL	AKTIVITI	HURAIAN
	Operasi/Aktiviti/Proses	Operasi berlaku apabila sesuatu bahan ditukar atau diubahsuai bentuk fizikal atau kimianya, apabila maklumat diberi atau diterima dan apabila perancangan dan pengiraan dilakukan.
	Angkutan	Aktiviti angkutan berlaku apabila bahan dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain.
	Pemeriksaan	Aktiviti pemeriksaan berlaku apabila kualiti dan kuantiti bahan diperiksa.
	Kelewatan	Kelewatan berlaku apabila barangan menunggu tetapi bukan di tempat simpanan.
	Simpanan	Simpanan berlaku apabila bahan-bahan disimpan di dalam stor atau gudang.


CARTA ALIRAN PROSES OPERASI PENGELUARAN BISKUT



CONTOH SUSUN ATUR BAGI KILANG BISKUT



CONTOH SUSUN ATUR BAGI 'FOOD TRUCK'



Rujukan

- Auad, L. I., Ginani, V. C., Leandro, E. dos S., Farage, P., Nunes, A. C. S. & Zandonadi, R. P. (2018). Development of a Brazilian food truck risk assessment instrument. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 15(12), 1–11.
- Dogru, A. K. & Keskin, B. B. (2020). AI in operations management: applications, challenges and opportunities. *Journal of Data, Information and Management*, 2(2), 67–74.
- LeMay, S., Marilyn M. Helms, Kimball, B. & McMahon, D. (2017). Supply chain management: the elusive concept and definition. *International Journal of Logistics Management*, 28(4), 1425–1453.
- Marriott, R. D. (2018). Process Mapping – The Foundation for Effective Quality Improvement. *Current Problems in Pediatric and Adolescent Health Care*, 48(7), 177–181.
- Pekkanen, P., Niemi, P., Puolakka, T., Pirttilä, T. & Huiskonen, J. (2020). Building integration skills in supply chain and operations management study programs. *International Journal of Production Economics*, 225(107593), 1–10.
- Shin, Y. H., Kim, H. & Severt, K. (2019). Consumer values and service quality perceptions of food truck experiences. *International Journal of Hospitality Management*, 79, 11–20.

MODUL 6

RANCANGAN PERNIAGAAN PENGURUSAN PENTADBIRAN, SISTEM REKOD DAN FAIL

Penulis :

FARIZAH BINTI ARIFFIN

1.0 RANCANGAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

1.1 Pengenalan Rancangan Perniagaan

Bahagian *Pengenalan Rancangan Perniagaan* ini perlu memberi gambaran secara ringkas dan spesifik berkenaan aktiviti-aktiviti utama perniagaan dan maklumat-maklumat berkaitan dengan projek atau perniagaan.

1.2 Jenis Perniagaan Yang Diceburi

Peniaga perlu menyatakan jenis perniagaan atau projek yang ingin mahupun yang akan dijalankan. Ini perlu dinyatakan di dalam kertas rancangan perniagaan itu sendiri. Ini bertujuan agar pembaca ataupun pihak yang ingin membiayai projek tersebut dapat mengenal pasti jenis perniagaan yang ingin mahupun projek yang akan diceburi oleh perniagaan tersebut.

Contoh : Organisasi A ingin menjalankan perniagaan baru di mana peniaga ingin membekal, membuat, dan mengedar perabot bagi pasaran terbuka, tender-tender kerajaan dan badan berkanun kerajaan.

1.3 Nama Perniagaan Dan Lokasi Atau Alamat Perniagaan

Nama dan lokasi tempat koperasi perlu dinyatakan dengan jelas di dalam Rancangan Perniagaan. Ini akan memudahkan pelanggan ataupun pihak lain yang ingin berurusan dengan koperasi tersebut mengenal pasti di mana dan dengan siapa mereka berurusan.

Contoh : Nama Organisasi : Kedai Perabot Pauh Sdn Bhd

Alamat : No 25, Jalan Keranji, Pauh Putra, Perlis.

1.4 Tarikh Perniagaan Mula Beroperasi

Tarikh mula beroperasi sesebuah organisasi perlulah dinyatakan agar mudah bagi pihak ketiga yang membaca rancangan perniagaan tersebut mengenal pasti atau menilai perkembangan serta prestasi organisasi.

1.5 Visi, Misi dan Objektif Organisasi


Visi, misi dan objektif organisasi merupakan elemen yang penting yang menjadi tunjang kepada kejayaan sesebuah organisasi. Ia merupakan satu elemen pelengkap bagi merancang masa depan dan sekali gus sebagai arah tuju kepada pencapaian prestasi yang lebih cemerlang. Oleh yang demikian visi, misi serta objektif organisasi perlulah selari dan jelas agar mudah difahami oleh setiap orang terutamanya pekerja-pekerja. Di samping itu ia memberi panduan kepada umum tentang arah perkembangan organisasi. Secara umumnya sesuatu pernyataan misi yang lengkap mempunyai elemen-elemen seperti berikut :

- i. Pelanggan – Siapakah pelanggan organisasi?
- ii. Keluaran atau perkhidmatan – Apakah produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi?
- iii. Pasaran – Dalam pasaran manakah organisasi bersaing?
- iv. Menggambarkan pegangan asas, nilai, aspirasi dan keutamaan falsafah organisasi.
- v. Menitikberatkan imej umum.
- vi. Menitikberatkan pekerja.
- vii. Menitikberatkan kewujudan dan pertumbuhan organisasi.

1.6 Carta Organisasi Organisasi

Carta organisasi organisasi menggambarkan struktur yang menunjukkan fungsi, aktiviti dan hierarki di dalam sesebuah organisasi. Struktur atau carta organisasi dapat membantu pihak pengurusan membuat perancangan dan strategi-strategi berkaitan dengan operasi organisasi. Carta organisasi ini juga dapat memudahkan pihak ketiga seperti pelanggan dan pembaca kertas rancangan perniagaan ini memahami kedudukan dan susunan kakitangan di dalam organisasi tersebut.

Rajah 1.1 : Contoh Carta Organisasi yang menjalankan perniagaan membuat perabot



1.7 Tujuan Penyediaan Rancangan Perniagaan

Penyediaan Rancangan Perniagaan adalah penting bagi sesebuah perniagaan. Biasanya Rancangan Perniagaan ini disediakan dengan tujuannya supaya:-

- i. Usahawan dapat melihat dengan sendiri dan menilai idea atau projek perniagaan yang dicadangkan dengan teliti, kritikal dan praktikal.
- ii. Dapat memberi gambaran sama ada projek yang dirancang usahawan berdaya maju atau tidak.
- iii. Membantu usahawan menganggarkan keperluan sumber-sumber perniagaan dan mengagihkannya dengan lebih baik. Pengagihan sumber perlu dilakukan dengan baik supaya memperoleh hasil yang optimum. Sumber-sumber yang ada dalam organisasi adalah seperti sumber kewangan, sumber manusia, peralatan, bahan-bahan dan juga masa adalah terhad dalam sesuatu jangka masa tertentu.
- iv. Rancangan perniagaan boleh diumpamakan sebagai peta perjalanan yang memberi garis panduan tentang perjalanan untuk menuju ke destinasi tertentu. Ia memberi maklumat terperinci dan menerangkan setiap langkah yang harus diambil.

Rancangan Perniagaan juga berguna kepada orang luar seperti bank dan juga bakal pelabur. Dokumen ini merupakan sokongan untuk memperoleh pinjaman daripada institusi-institusi kewangan atau mendapatkan rakan kongsi untuk membuat pelaburan. Rancangan Perniagaan dapat memberi jawapan kepada persoalan yang sering dibangkitkan oleh orang luar, antaranya:-

- i. Apakah perniagaan dan idea yang dicadangkan ini berpotensi?
- ii. Apakah terdapat sesuatu yang unik tentang produk/ perkhidmatan yang dicadangkan berbanding dengan apa yang ada di pasaran pada masa kini?
- iii. Apakah pasarannya telah dikenal pasti?
- iv. Apakah pengunjuran kewangan boleh dipercayai?
- v. Apakah pasukan pengurusan dan kakitangan teknikal mempunyai pengalaman yang sesuai dan rekod yang baik? Apakah Rancangan Perniagaan itu memperincikan bagaimana pinjaman itu akan dilunaskan?

1.8 Latar Belakang Perniagaan

Secara ringkas sejarah operasi perniagaan termasuklah apa-apa kejadian signifikan yang terjadi dalam beberapa tahun yang lampau mestilah diterangkan. Bahagian ini mestilah menjelaskan bila dan kenapa perniagaan ditubuhkan dan bagaimana ia telah berkembang serta apakah visi usahawan/koperasi untuk masa hadapan. Ia juga mestilah menunjukkan pencapaian objektif masa lampau dan menyampaikan imej perniagaan yang ingin ditonjolkan dalam pasaran. Maklumat yang perlu dijelaskan di dalam bahagian ini termasuklah:-

- i. Nama Perniagaan
- ii. Alamat Tetap Perniagaan
- iii. No. Telefon / Faks
- iv. Taraf Pendaftaran
- v. Tarikh Pendaftaran Perniagaan
- vi. No. Pendaftaran
- vii. Jenis Pendaftaran
- viii. Modal Asal

- ix. Tarikh Mula Berniaga
- x. Lain-Lain Lesen
- xi. Nama Bank
- xii. No. Akaun Bank

1.9 Latar belakang Pemilik / Pengurus Organisasi

Kekuatan individu yang menerajui perniagaan khususnya pengurus organisasi perlu

dinyatakan dalam Rancangan Perniagaan. Nyatakan juga kebolehan dan kepakaran pengurus berserta dengan pengalaman dan penglibatan pengurus di dalam dunia perniagaan dan seterusnya penglibatannya dalam aktiviti-aktiviti yang memanfaatkan masyarakat umum.

Maklumat-maklumat latar belakang pengurus atau pemohon akan membolehkan pihak- pihak yang berkaitan menilai keberkesanan koperasi ataupun usahawan yang terlibat. Butiran maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:-

- i. Nama Pengurus Organisasi
- ii. No. Kad Pengenalan
- iii. Alamat Tetap
- iv. Alamat Surat Menyurat
- v. No Telefon / Faks
- vi. Tarikh Lahir
- vii. Umur
- viii. Jantina
- ix. Taraf Perkahwinan
- x. Kelayakan Akademik
- xi. Kursus Yang Pernah Dihadiri
- xii. Pengalaman Yang Berkaitan
- xiii. Kemahiran
- xiv. Perniagaan Lain Yang Pernah Diceburi

1.10 Latar Belakang Projek

Dalam bahagian ini usahawan/organisasi perlu menerangkan dengan terperinci tentang projek yang hendak dijalankan. Penjelasan perlu diberi khususnya yang berkaitan dengan perkara berikut:-

1.10.1 Kelulusan;

Lesen dan lain-lain kebenaran untuk menjalankan projek daripada pihak-pihak yang berkuasa. (Salinan surat-surat kelulusan yang berkaitan perlu disertakan bersama-sama dengan Rancangan Perniagaan)

1.10.2 Lokasi Tapak Projek;

Nyatakan lokasi projek yang dijalankan ataupun yang akan dijalankan. (Pelan lokasi hendaklah disertakan. Selain itu, lokasi tapak projek yang merangkumi maklumat berkaitan keluasan tapak projek serta tunjuk arah ke tapak projek perlulah jelas dan mudah difahami.

1.10.3 Kedudukan Fizikal Projek;

Kedudukan fizikal projek perlu dijelaskan dengan menyediakan pelan kedudukan projek tersebut. Seandainya projek yang akan dijalankan **bukan** daripada jenis pembuatan maka nyatakan lokasi kedai ataupun pejabat di tempat mana perniagaan akan beroperasi.

1.10.4 Bangunan;

Di dalam Rancangan Perniagaan perlu dinyatakan jenis, struktur, keadaan, bentuk, ukuran dan nilai bangunan (sediakan pelan bangunan). Jika menyewa nyatakan kadar sewa, syarat-syarat sewaan (lampiran) jika berkenaan, serta nyatakan juga siapa pemilik bangunan terlibat. Di samping itu, usahawan perlu menyatakan bentuk bangunan yang dipilih sama ada rumah kedai, bangunan kilang, ruang di dalam kompleks membeli belah, bengkel atau sebagainya.

1.10.5 Kemudahan Asas;

Nyatakan kemudahan asas yang ada seperti telefon, elektrik, air, jalan raya dan lain-lain. Jika tiada huraikan langkah-langkah yang akan diambil untuk mendapatkannya dan bila masanya kemudahan ini dijangka diperoleh.

1.10.6 Projek Yang Dicapai;

Penerangan mengenai projek yang akan dilaksanakan perlu diberikan huraian dengan jelas dan teliti. Ini termasuklah apakah perancangan sebenar organisasi dan kepentingannya di dalam menjalankan projek perniagaan tersebut.

2.0 SISTEM REKOD DAN FAIL PERNIAGAAN

2.1 Apa itu dokumen perniagaan

Dokumen perniagaan merupakan sumber rekod maklumat perniagaan bagi sesuatu urusan niaga sama ada yang dijalankan secara tunai atau kredit. Dokumen yang dikeluarkan bagi setiap urusan niaga perniagaan adalah bukti yang jelas dan sah di sisi undang-undang bahawa sesuatu urusan niaga itu benar-benar telah berlaku. Semua dokumen perniagaan ini perlu **difailkan dengan sistematik**.

2.2 Fungsi dokumen perniagaan

- i. Kaedah atau cara peniaga mengingat segala butiran, tarikh, jumlah, dan jenis urusan niaga yang telah berlaku.
- ii. Sebagai bukti yang sah di sisi undang-undang dan boleh digunakan sebagai bukti apabila berlaku sesuatu kerumitan atau keraguan terhadap sesuatu jenis urusan niaga.
- iii. Sebagai sumber rujukan yang memudahkan peniaga menyediakan rekod, perakaunan.
- iv. Memudahkan pengasingan kepada jenis urusan niaga sama ada urusan niaga tunai, kredit, pemulangan, pembatalan, dan lain-lain.

2.3 Jenis-jenis dokumen perniagaan

Dokumen perniagaan terdiri daripada dua kategori iaitu :

- i. Dokumen Kewangan
 - a. Invois
 - b. Baucar
 - c. Resit
 - d. Nota kredit / debit
 - e. Bil utiliti
 - f. Penyata bank

ii. Dokumen Bukan Kewangan

- a. Sebutharga
- b. Pesanan belian
- c. Nota serahan

JENIS-JENIS DOKUMEN PERNIAGAAN



2.3.1 Invois

Invois ialah dokumen yang memberitahu pembeli tentang jumlah bayaran yang perlu dijelaskan kepada pembekal. Invois mengandungi maklumat:

- i. Nombor rujukan barangan.
- ii. Jumlah yang perlu dibayar.
- iii. Kadar diskaun niaga.
- iv. No. Invois.
- v. Tarikh Invois.
- vi. Ringkasan 'K & K di K' (kesilapan dan ketinggalan dikecualikan).
- vii. No. Pesanan.
- viii. Syarat serahan.
- ix. Syarat diskaun.

Rajah 2.1 Contoh Invois

No.0051				
INVOIS Kedai Perabot Pauh Sdn Bhd No 25, Jalan Keranji, Pauh Putra, 02600 Arau Perlis Tel : 04-9886552				
Tarikh : 16 Julai 2020				
Kepada : Koperasi Politeknik Tuaku Syed Sirajuddin Bhd Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin 02600 Arau, Perlis.				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Rak Pameran	2	150.00	300.00
Jumlah				300.00
(Ringgit Malaysia : Tiga ratus sahaja)				
K&K. Dik <i>Sellan</i> (Penerima) <i>Solehin</i> (Pengurus)				

2.3.2 Baucar

Baucar Pembayaran merupakan dokumen pengesahan perbelanjaan yang telah dibuat secara tunai atau cek. Contoh kegunaan baucar pembayaran ialah pembayaran gaji pekerja.

Rajah 2.2 Baucar

		ASAL No Inv 2020/15
BAUCAR		
Kedai Perabot Pauh Sdn Bhd No 25, Jalan Keranji, Pauh Putra, 02600 Arau Perlis Tel : 04-9886552		
Kepada : Encik Taufiq bin Rashdan.		Tarikh : 01 Februari 2020
Bil	Keterangan	Jumlah
1	Pembayaran gaji bagi bulan April 2020	RM 8050.00
Jumlah		8,050.00
(Ringgit Malaysia : Lapan ribu lima puluh sahaja)		
<i>Hakim</i> Diluluskan oleh		<i>Taufiq</i> Tandatangan penerima

2.3.3 Resit

Resit adalah dokumen yang menunjukkan bahawa sesuatu urusan itu telah tamat atau pembayaran telah diterima. Resit hanya dikeluarkan apabila penerimaan tunai atau cek diperolehi.

Rajah 2.3 Resit

Kedai Perabot Pauh Sdn Bhd 00187C38-A	
No 25, Jalan Keranji, Pauh Putra, 02600 Arau Perlis Tel : 04-9886552	No : 0003
RESIT RASMI	Tarikh :
Diterima daripada :	
Ringgit Malaysia(RM) :	
.....	RM
Bayaran untuk :	
TUNAI / BANK IN/ CEK NO :	 Diterima oleh

2.3.4 Nota kredit / debit

Nota kredit digunakan bagi mencatat pemulangan barang-barang yang dibekalkan oleh pembekal. Nota kredit juga digunakan bagi merekodkan pembetulan kesilapan pada invoice akibat pembeli dikenakan harga yang lebih tinggi daripada nilai sebenar.

Manakala NotaDebit akan dikeluarkan pulangan belian dibuat. Antara maklumat yang terkandung dalam nota debit termasuk nama pembekal serta akaun yang didebitkan, barang yang dikembalikan termasuk kuantiti dan kosnya.

2.3.5 Bil utiliti

Belanja-belanja utiliti seperti air, elektrik, sewa dan telefon juga perlu direkodkan di dalam buku perakauan. Semua bil perlu difailkan untuk tujuan perekodan.

2.3.6 Penyata bank

Penyata bulanan yang disediakan oleh pihak bank kepada pelanggannya. Dalam penyata bank, setiap transaksi kewangan akan direkodkan berserta tarikh setiap transaksi dibuat. Penyata bank amat berguna kepada peniaga terutama bagi pemegang akaun semasa.

2.3.7 Sebutharga

Dokumen yang memberi senarai harga barang-barang yang dipesan oleh pembeli.

2.3.8 Pesanan belian

Merupakan pesanan dari pembeli untuk membeli barangan dari pembekal. Antara maklumat yang terdapat dalam nota pesanan belian ialah, nama barangan yang hendak dibeli, kod barangan, kuantiti dan harga seunit serta maklumat pihak yang membuat pesanan.

2.3.9 Nota serahan

Merupakan dokumen pengesahan penerimaan barangan yang dikirimkan oleh pembekal seperti yang dikehendaki dengan betul dan selamat. Pembeli perlu menandatangani nota serahan sebagai akuan penerimaan barangan yang telah dikirimkan.

Rujukan

Ab. Aziz Yusof (2018). *Prinsip Keusahawanan*. Pearson Longman Publishing Sdn. Bhd. ISBN 9832639573

Contoh Rancangan Perniagaan. Dimuat turun daripada
<https://keusaha1an.files.wordpress.com/2012/06/dzafran-enterprise.pdf>

Rancangan Perniagaan. Dimuat turun daripada
<https://www.usahawan.com/perniagaan/rancangan-perniagaan.html/>

Sarimah Hanim (2010). *Entrepreneuership*. Oxford Fajar Sdn. Bhd. ISBN 9789834509651

MODUL 7

RANCANGAN PERNIAGAAN PENGURUSAN PEMASARAN & SUMBER MANUSIA PERNIAGAAN

Penulis :

TENGKU AROAL HAWA DELAILA BINTI TENGKU AHMAD

RANCANGAN PERNIAGAAN PENGURUSAN PEMASARAN & SUMBER MANUSIA

OBJEKTIF MODUL LATIHAN

- ❑ Sebagai **panduan** untuk mengetahui proses pengurusan pemasaran yang sebenar dalam perniagaan.
- ❑ Menekankan **pengertian sebenar pemasaran**.
- ❑ Membantu usahawan dalam penyediaan Perancangan Pemasaran.
- ❑ Memberikan tips dan teknik **promosi yang berkesan dan menjimatkan**.

1.0 PENGENALAN KEPADA PENGURUSAN PEMASARAN


PENGERTIAN PEMASARAN

- ❑ Pemasaran terdiri dari tiga unsur iaitu **pasaran**, **sasaran** dan **memasar**. Ia dikendalikan oleh pemasar. Pemasar bertanggungjawab bermula dengan menganalisa produk yang berpotensi di pasaran, kemudian memilih kumpulan sasaran yang menguntungkan syarikat hinggalah merancang strategi untuk memasarkan produk yang akan ditawarkan. Kewujudan produk tersebut di sedari, juga mampu bertahan lama di pasaran merupakan faktor kejayaan pemasaran.
- ❑ Pemasaran merupakan satu proses sosial dan pengurusan di mana individu atau kumpulan memenuhi **keperluan** dan **kehendak** mereka melalui **penghasilan** dan **penukaran** produk atau nilai di kalangan mereka.

OBJEKTIF PEMASARAN

- ❑ Memaksimalkan PENGGUNAAN Produk/Servis. (*Maximization of Consumption*)
 - ❑ Memaksimalkan KEPUASAN Pembeli. (*Maximization of Satisfaction*)
 - ❑ Memaksimalkan PILIHAN Produk/Servis dipasaran. (*Maximization of Choice*)
 - ❑ Memaksimalkan KUALITI HAYAT Produk/Servis. (*Maximization of Life Quality*)
 - ❑ Berperanan memastikan objektif syarikat tercapai.
- ✓ **SPECIFIC** – Sasaran terperinci
 - ✓ **MEASURABLE** – Boleh diukur.
 - ✓ **ATTAINABLE** – Berkemampuan.
 - ✓ **REWARDING** – Menguntungkan.
 - ✓ **TIMED** – Jangka masa.

PERANAN PEMASARAN DALAM ORGANISASI



KEPENTINGAN PEMASARAN

- ☐ Dapat mengetahui permintaan dan kehendak dipasaran.
- ☐ Dapat mengenalpasti kumpulan sasaran yang tepat.
- ☐ Dapat merancang strategi yang jelas untuk mencapai objektif syarikat.
- ☐ Dapat mewujudkan permintaan di pasaran.
- ☐ Dapat memaksimakan jualan.
- ☐ Dapat menjalinkan hubungan baik dengan pelanggan.
- ☐ Dapat menjadikan pelanggan sebagai Aset Syarikat – *Customer Equity*.
- ☐ Mampu bertahan lama di pasaran dan menjaga keuntungan.

1.1 RANCANGAN PEMASARAN

- – *Penerangan produk /perkhidmatan* yang ditawarkan dengan mengaitkannya dengan kehendak dan keperluan pengguna.
- – *Profil pelanggan* iaitu kumpulan sasaran pelanggan.
- – *Saiz pasaran* dalam bentuk unit jualan atau Ringgit Malaysia atau kedua-duanya sekali.
- – *Pesaing-pesaing utama* di kawasan pasaran. Senaraikan status kekuatan serta kelemahan mereka dan nyatakan bahagian syer pasaran yang dicadangkan dan pesaing-pesaing utama.
- – *Ramalan jualan bulanan* untuk tahun pertama perniagaan dan ramalan jualan tahunan untuk tahun ke 2 dan ke 3. Nyatakan bentuk jualan samada secara tunai, kredit atau kedua-duanya sekali.
- – *Strategi pemasaran* yang akan digunakan bagi mencapai jualan yang diramalkan. Contoh strategi barangan, strategi harga, strategi promosi dan strategi edaran.
- – *Butiran perbelanjaan pemasaran*.

1.1.1 Profil pelanggan/kumpulan sasaran pelanggan.

Contoh : Syarikat menyediakan pelbagai jenis produk makanan sejukbeku dan konfeksioneri.

Kumpulan Sasaran

Kumpulan sasaran yang dikenalpasti sebagai sebahagian daripada pelanggan meliputi:

- Penduduk-penduduk bermastautin di sekitar kawasan perumahan Taman Seri Wang.
- Kumpulan pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi.
- Kumpulan pekerja-pekerja dari sektor awam dan swasta di sekitarnya.
- Kumpulan pelajar-pelajar daripada sekolah rendah dan sekolah menengah di sekitarnya.
- Pelanggan restoran.
- Pelanggan stesen minyak.
- Pengedar perseorangan.
- Internet (Laman Web).

1.1.2 Saiz pasaran

Kawasan Pasaran

Kawasan pasaran yang dikenalpasti berpotensi untuk dipasarkan meliputi kawasan berkeluasan 25 (DUA PULUH LIMA) kilometer persegi atau dalam radius 5 (LIMA) kilometer. Kawasan yang dikenalpasti secara tempatan meliputi:

- Kawasan di sekitar premis perniagaan dan kawasan perumahan sekitar Taman Seri Wang.
- Kawasan kantin dan di UiTM Arau & Matrikulasi Arau.
- Kawasan Kantin Tabika, Sekolah Rendah dan Menengah di sekitar.
- Kawasan Pejabat Kerajaan dan Swasta.

- Kawasan restoran dan di sekitarnya.
- Stesen minyak yang berhampiran.
- Masjid dan surau di sekitar.

1.1.3 Analisa Persaingan

Pesaing adalah syarikat lain yang menawarkan produk yang sama atau produk gantian kepada sasaran pelanggan yang sama (substitute product).

Contoh:

Selain dari syarikat A, Syarikat B juga menjual donut. Tetapi donut syarikat B dibekalkan ke Los Angeles. Syarikat B pesaing A?

BUKAN. Kerana sasaran pelanggan dan strategi adalah berlainan.

1.1.4 Ramalan jualan

Bulan	Ramalan Jualan
1	RM10,000
2	RM20,000
3	RM40,000
4	RM30,000
5	RM30,000
6	RM40,000
7	RM30,000
8	RM25,000
9	RM30,000
10	RM30,000
11	RM35,000
12	RM40,000
Jumlah	RM360,000

Jadual: Ramalan jualan bagi tahun 2021

1.1.5 Strategi pemasaran

KETAHUI KAEDAH PEMASARAN ANDA

7 Kaedah Pemasaran

KAEDAH PEMASARAN



Terdapat pelbagai cara untuk memasarkan produk atau perkhidmatan anda. Berikut merupakan antara kaedah pemasaran yang boleh digunakan:



1.1.6 Penjenamaan

PENJENAMAAN

Apa Itu Penjenamaan?



Jenama

Sebahagian daripada identiti jenama tersebut

Tanda Jenama

Boleh dikenalpasti melalui simbol, reka bentuk, warna, gaya huruf, watak dan isyarat

Tanda Dagangan

Memberi hak eksklusif kepada penjual untuk menggunakan tanda dagangan

Hak Cipta

Hak eksklusif untuk menghasilkan dan menjual jenama sebagai literasi / artistik

Paten

Perlindungan undang-undang terhadap ciri produk atau proses pembuatan

Jenama

"Jenama adalah nama, istilah, reka bentuk, simbol, atau ciri lain yang membezakan organisasi atau produk daripada saingannya di mata pelanggan. Jenama digunakan dalam perniagaan, pemasaran, dan pengiklanan. "

Penjenamaan Adalah Lebih Daripada Sekadar Logo Dan Laman Web

"Jenama anda adalah apa yang orang lain perkatakan tentang anda apabila anda tidak berada di sesesuai tempat itu"

Jeff Bezos, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengasas Amazon

1.1.7 Perbelanjaan pemasaran

3.9 Butiran Perbelanjaan Pemasaran

Usahawan dan bakal usahawan perlu menyediakan butiran terperinci belanja yang digunakan bagi usaha-usaha pemasaran. Butiran ini penting bagi memastikan perbelanjaan yang dikeluarkan dapat dikawal sepenuhnya bagi mengelakkan belanja berlebihan yang seterusnya akan mengakibatkan kerugian.

Jadual 3.4 : Contoh Jadual Belanja Pemasaran

Perkara	Perbelanjaan Tahunan (RM)	Perbelanjaan Bulanan (RM)	Lain-lain Belanja (RM)
Pengedaran • Kenderaan			
Belanja Promosi • Iklan • Banner • Poster • Brosur			
Produk • Pembungkusan • Label			
Jumlah			

2.0 PENGENALAN KEPADA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pendekatan Sumber Manusia Strategik

Evolusi Pengurusan Sumber Manusia mula mengambil alih pada akhir abad ini. Peningkatan persaingan pasaran bebas di peringkat global dan perkembangan teknologi dan industri berasaskan pengetahuan menimbulkan kesedaran tentang kepentingan sumber manusia, dan pengurusan sumber manusia meningkat menjadi fungsi paling penting dalam perusahaan.

Tenaga kerja yang sebelum ini dianggap sebagai "sumber" kini menjadi "aset" yang bernilai dalam kelebihan persaingan. Teras pengurusan sumber manusia kini terletak pada usaha untuk menyelaraskan matlamat dan objektif individu dengan matlamat dan objektif korporat.

Perubahan ini mempengaruhi fungsi Sumber Manusia dalam banyak cara. Antaranya ialah :

- Peningkatan prestasi lebih bergantung kepada kontrak jangka pendek berbanding kerja jangka panjang
- Kaitan secara langsung pampasan kepada keuntungan perusahaan dan sumbangan pekerja terhadap keuntungan tersebut
- Dimensi baru fungsi latihan dan pembangunan dengan menggalakkan dan memudahkan inovasi dan kreativiti
- Pengurusan prestasi dan bakat menggantikan penilaian prestasi

2.1 FUNGSI SUMBER MANUSIA (HUMAN RESOURCE FUNCTIONS)

2.1.1 Perancangan Sumber Manusia (Human Resources Planning)

Perancangan Sumber Manusia ialah proses membuat ramalan tentang keperluan sumber manusia pada masa akan datang dan mengenal pasti langkah-langkah yang sesuai untuk memenuhi keperluan tersebut. Proses perancangan sumber manusia ini adalah satu proses yang berterusan dan selari dengan matlamat organisasi. Jika organisasi ingin diperkembangkan, pekerja perlu ditambah. Jika organisasi ingin menceburi bidang baharu, pekerja baharu mungkin perlu di ambil atau pekerja yang sedia ada diberikan latihan.

Sebelum melakukan perancangan sumber manusia, pengurus perlu mengetahui matlamat organisasi dan perancangan masa hadapan. Berdasarkan maklumat tersebut, barulah pengurus sumber manusia akan dapat membentuk perancangan yang bersesuaian dengan matlamat organisasi. Contohnya, Bank A akan bergabung dengan Bank B dalam tempoh dua tahun akan datang. Berdasarkan maklumat tersebut, perancangan sumber manusia akan dibentuk sejajar dengan matlamat penggabungan ini. Ia termasuklah perancangan dari aspek pengambilan pekerja, pembangunan kerjaya, latihan dan pembangunan serta pentadbiran pampasan. Atas sebab itulah perancangan sumber manusia sering dikaitkan dengan perancangan strategik organisasi.

Perancangan strategik bermaksud proses yang mana pengurusan atasan menentukan matlamat dan objektif keseluruhan organisasi serta cara untuk mencapainya. Apa yang perlu dipastikan, perancangan strategik organisasi perlulah didefinisikan dengan jelas dan prinsip-prinsipnya difahami supaya pekerja dan pengurus dapat menunjukkan usaha yang tinggi dalam mencapai tahap yang ditetapkan. Tujuan utama perancangan sumber manusia dikaitkan dengan perancangan strategik adalah untuk memastikan semua fungsi pengurusan sumber manusia dirancang selari dengan misi dan matlamat yang ditetapkan.

4 Fungsi Asas Sumber Manusia Dalam Perniagaan Peringkat Permulaan

Pengurusan Sumber Manusia (PSM) adalah penting bagi semua perniagaan tanpa mengira saiz perniagaan tersebut. Apa yang mungkin berbeza bagi perniagaan peringkat permulaan adalah seberapa besar pasukan sumber manusia dan mekanisma operasinya. Untuk perniagaan peringkat permulaan, empat fungsi asas sumber manusia adalah:



1) Mengambil Pekerja Yang Betul Untuk Tugas Yang Betul

Bagi perniagaan peringkat permulaan, kesilapan dalam pengambilan pekerja boleh menyebabkan kerugian dan menjejaskan perniagaan. Antara langkah untuk mengurangkan kesilapan dalam pengambilan pekerja ialah:

- a. Mencari calon pekerja melalui laman sesawang kerjaya atau mengiklankan jawatan kosong tersebut di laman sesawang syarikat. Ianya adalah satu permulaan yang baik dan akan membantu anda mencari calon yang sesuai.
- b. Lihat kepada kualiti tingkah laku calon pekerja. Soalan berkaitan tingkah laku calon semasa sesi temu duga akan membantu anda menjangkakan tindak balas calon semasa bekerja di bawah faktor tekanan dan prestasinya apabila bekerja di syarikat anda kelak.
- c. Individu yang berkebolehan sangat diperlukan. Jika anda telah bersedia untuk menawarkan kontrak pekerjaan, hubungi calon yang berjaya sebelum orang lain merebut mereka!
- d. Keputusan Pengambilan Berstrategik
- e. Kontrak Perkhidmatan perlu ditandatangani apabila anda bersetuju untuk mengambil seorang pekerja. Ini adalah kontrak undang-undang di antara pekerja dengan syarikat anda. Terma dan syarat bagi kedua-dua pihak perlu dinyatakan dengan jelas dalam dokumen ini dan ianya hendaklah selari dengan Akta Kerja 1955 (Pindaan, 2012).

Keputusan Pengambilan Berstrategik

PENGAMBILAN FLEKSIBEL	PENERANGAN
Pengambilan Tetap	Pengambilan pekerja tetap biasanya berterusan, boleh diramal dan berjadual iaitu enam bulan atau lebih lama. Pengambilan tetap adalah untuk pekerja sepenuh masa atau separuh masa.
Pekerja Sepenuh Masa atau Separuh Masa	Pekerja sepenuh masa mempunyai jadual bekerja selama 37.5 jam seminggu. Pekerja separuh masa pula mempunyai jadual bekerja kurang daripada 37.5 jam seminggu.
Kontraktor Bebas	Melaksanakan perkhidmatan yang khusus berdasarkan kontrak dalam pelbagai bidang antaranya penyelenggaraan bangunan, keselamatan, pengiklanan dan perhubungan awam.
Pertubuhan Majikan Profesional dan Pembekalan Pekerja (<i>Professional Employer Organisation and Employee Leasing</i>)	Majikan menandatangani perjanjian dengan syarikat pembekal pekerja, yang kemudiannya pekerja tersebut diupah untuk bekerja di syarikat asal oleh syarikat pembekal pekerja. Dengan mengenakan sejumlah bayaran, syarikat pembekal pekerja tersebut akan menguruskan segala urusan berkaitan pekerjaannya seperti penggajian, pembayaran cukai, pelaksanaan dasar berkaitan sumber manusia serta penyimpanan rekod-rekod berkaitan.
Pekerja Sambilan	Ini merupakan pendekatan "mencuba sebelum membeli". Majikan boleh menggajikan pekerja sambilan mereka sendiri atau menggunakan perkhidmatan agensi pembekalan pekerja sambilan. Kebiasaannya pekerja akan dibayar mengikut kadar harian atau mingguan.
Pekerja Bermusim	Pekerja bermusim diambil bekerja sebagai pekerja separuh masa oleh syarikat yang memerlukan pekerja tambahan pada musim tertentu, contohnya pada musim perayaan.

2. Membayar Gaji Mereka

Sebagai sebuah perusahaan peringkat permulaan, anda boleh menguruskan proses penggajian secara sendiri, menggunakan perisian penggajian atau menggunakan templat daripada microsoft excel. Keputusan asas perlu dibuat berdasarkan perkara seperti berikut:

- Adakah pekerja anda sepenuh masa, separuh masa atau kontraktor bebas?
- Apakah tempoh penggajian anda?
- Apakah terma dan faedah pampasan sedia ada contohnya bonus, komisyen dan kerja lebih masa?
- Adakah semua pekerja mempunyai akaun bank tersendiri bagi pembayaran gaji secara langsung?

Format Pengurusan Gaji

[illegible]

*Berdasarkan kepada Kadar caruman bulanan KWSP, Jadual 3 (subseksyen 43(1)) Bahagian A

3. Mengekalkan Pekerja Yang Berkebolehan

Mengekalkan pekerja berkebolehan bagi perniagaan peringkat permulaan adalah sangat mencabar kerana anda tidak boleh menawarkan gaji yang tinggi dan manfaat yang besar. Bagaimanakah anda boleh bersaing dengan syarikat lain yang lebih mampu?

- a. Faktor terpenting ialah anda membayar gaji pekerja yang setimpal dengan kerja yang ditawarkan, serta menawarkan manfaat asas seperti pelan simpanan persaraan dan insurans kesihatan. Di samping itu, kebanyakan pekerja terutamanya generasi muda bersedia untuk mengorbankan gaji yang lebih tinggi untuk mendapatkan keadaan kerja yang lebih fleksibel seperti:



Salah satu kaedah untuk mengekalkan pekerja berkebolehan tanpa melibatkan kos yang tinggi adalah dengan memberi penghargaan apabila mereka bekerja dengan baik. Harus diingat bahawa kos untuk mengambil pekerja baru adalah lebih besar jika dibandingkan dengan mengekalkan pekerja sedia ada yang terlatih.

- b. Mengekalkan pekerja berkebolehan juga perlu mengambilkira tahap prestasi pekerja tersebut. Pekerja baharu mungkin telah menjalani beberapa sesi latihan untuk mendapatkan pengetahuan mengenai skop kerja, kemahiran serta kompetensi berkaitan. Syarikat perlu membuat penilaian untuk menentukan kesesuaian pekerja tersebut. Bagi perniagaan peringkat permulaan, penilaian prestasi kerja adalah lebih mudah dan langsung dengan beberapa kriteria tertentu.

Contoh Borang Penilaian Pekerja

Contoh Borang Penilaian Pekerja

INFO PEKERJA				
NAMA PEKERJA			BAHAGIAN	
NO. PEKERJA			NAMA PENILAI	
JAWATAN			JAWATAN PENILAI	
TARIKH AKHIR PENILAIAN			TARIKH	
CIRI-CIRI YANG DINILAI				
CIRI-CIRI	LEMAH	MEMUASKAN	BAIK	CEMERLANG
Memberi sepenuh perhatian terhadap kerja				
Kualiti Kerja				
Ketekunan Kerja				
Kamunikasi				
Kebergantungan Kerja				
Inisiatif yang diambil				
Kerja Berkumpulan				
Produktiviti				
Kreativiti				
Kejujuran				
Integriti				
Hubungan diantara Pekerja				
Hubungan dengan pelanggan				
Kemahiran Teknikal				
Kebergantungan				
Ketepatan Waktu				
Kehadiran				
MATLAMAT				
MENCAPAI SASARAN YANG TELAH DITETAPKAN SEBELUM INI				
MATLAMAT UNTUK TEMPOH KAJIAN SETERUSNYA				
KOMEN DAN PENGESAHAN				
KOMEN				
TANDATANGAN PEKERJA			TANDATANGAN PENILAI	

4. Menguruskan Pemberhentian Pekerja

Pasti ada pekerja yang akan meninggalkan syarikat, sama ada melalui perletakan jawatan atau pemecatan.

Terdapat **3 jenis** pemberhentian pekerja :

- Pemberhentian oleh majikan atau pemecatan
- Pemberhentian oleh pekerja atau perletakan jawatan
- Pemberhentian secara automatik

Perbezaan Antara Perletakan Jawatan Dan Pemecatan Jawatan

PERLETAKAN JAWATAN	PEMECATAN JAWATAN
Pekerja meletak jawatan melalui surat perletakan jawatan.	Kontrak perkhidmatan pekerja ditamatkan oleh majikannya kerana pekerja tersebut telah melakukan kesalahan yang serius atau tidak mampu melaksanakan tugasnya dengan baik.
Pekerja mempunyai hak untuk menamatkan kontrak perkhidmatan mereka pada bila-bila masa, atas alasan tertentu atau tanpa alasan tertentu dengan notis yang sewajarnya diberikan kepada majikan.	Undang-undang tidak memberikan hak kepada majikan untuk menamatkan kontrak pekerja dengan hanya mengeluarkan notis. Ini bermaksud, sekiranya kontrak perkhidmatan ditamatkan dengan alasan yang munasabah seperti pemberhentian pekerja, majikan hendaklah memberikan notis tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- Jika kontrak perkhidmatan tidak menyatakan sebarang tempoh notis, Akta Kerja 1955 akan menetapkan tempoh notis kepada pekerja: - Pekerja dengan tempoh perkhidmatan kurang daripada 2 tahun – 4 minggu - Pekerja dengan tempoh perkhidmatan lebih daripada 2 tahun tetapi kurang daripada 5 tahun – 6 minggu - Pekerja dengan tempoh perkhidmatan melebihi 5 tahun – 8 minggu	Perletakan jawatan secara paksaan juga bermaksud pemecatan.
Pekerja yang gagal memberikan notis perlu membayar pampasan kepada majikannya iaitu bersamaan dengan sejumlah gaji yang beliau akan perolehi dalam tempoh tersebut.	Apabila seorang pekerja diarahkan untuk meletakkan jawatan, mereka hendaklah mengemukakan surat perletakan jawatan dan memfailkan tuntutan untuk pengembalian semula. Majikan bertanggungjawab kerana boleh dikenakan tindakan atas pemecatan kerja yang salah.
Apabila seorang pekerja meletakkan jawatan dan memberikan notis seperti yang diperlukan, majikan masih mempunyai hak untuk mengetepikan notis tersebut contohnya, membenarkan pekerja berhenti dengan serta merta tanpa perlu bercuti, terutamanya jika pekerja mempunyai akses kepada maklumat sensitif syarikat. Majikan perlulah membayar gaji kepada pekerja tersebut dalam tempoh notis yang dinyatakan.	Walaupun bagaimanapun, rundingan antara majikan dan pekerja boleh mengelakkan perletakan jawatan secara paksaan.

2.2 GAJI & MANFAAT KEPADA PEKERJA

Gaji atau upah pekerja adalah berbeza, bergantung kepada kelulusan akademik, kemahiran, pengalaman bekerja atau pengetahuan teknikal berkaitan pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat. Gaji juga boleh ditawarkan mengikut jumlah masa bekerja atau berdasarkan komisyen jualan. Akta Kerja memperuntukkan terma dan syarat minimum (kebanyakannya dalam bentuk nilai kewangan) untuk kategori pekerja yang tertentu.

Di bawah Akta Kerja 1955 (Pindaan 2012), majikan perlu membayar gaji tidak lewat daripada 7 haribulan bagi setiap bulan. Pambayaran gaji bagi penamatan kontrak pula hendaklah dibayar kepada pekerja tersebut pada hari yang sama di mana kontrak perkhidmatan itu tamat.

Wang pendahuluan yang diberikan kepada pekerja tidak boleh melebihi jumlah aggregate gaji yang diperolehi oleh pekerja tersebut pada bulan sebelumnya, melainkan pendahuluan tersebut membolehkan pekerja untuk:

- a. membeli, membina atau membaiki sebuah rumah;
- b. membeli tanah;
- c. membeli ternakan;
- d. membeli sebuah kereta, motorsikal atau basikal; dan
- e. membeli syer perniagaan majikan itu yang ditawarkan untuk jualan oleh majikan tersebut.

Gaji tidak layak diberi kepada pekerja pada mana-mana tempoh masa semasa dalam penjara atau semasa menghadiri perbicaraan di Mahkamah kecuali sebagai saksi bagi pihak majikan.

Tiada potongan gaji yang boleh dibuat oleh pihak majikan selain daripada:

- a. Potongan hingga setakat apa-apa bayaran lebih yang dibuat atas kesilapan majikan dalam tempoh masa 3 bulan.
- b. Potongan bagi indemniti yang perlu dibayar kepada majikan oleh pekerja.
- c. Potongan untuk mendapatkan balik pendahuluan gaji yang telah dibuat.
- d. Potongan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis seperti KWSP, SOCSO, PCB dan sebagainya.
- e. Potongan yang dibuat atas permintaan bertulis daripada pekerja, berkaitan dengan pembayaran kepada kesatuan pekerja berdaftar atau koperasi dan persatuan pinjaman untuk pembayaran yuran keahlian, langganan, ansuran, atau lain-lain hutang.
- f. Potongan yang dibuat atas permintaan bertulis daripada pekerja berkenaan dengan apa-apa bayaran bagi syer perniagaan majikan yang ditawarkan kepada pekerja.
- g. Potongan yang dibuat atas permintaan bertulis daripada pekerja untuk pembayaran kepada pihak ketiga bagi pihak pekerja.
- h. Potongan yang dibuat atas permintaan bertulis daripada pekerja bagi pembelian apa-apa barang perniagaan majikan.
- i. Potongan yang dibuat bagi bayaran sewa tempat tinggal dan kos perkhidmatan, makanan dan minuman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja di atas permintaan pekerja itu sendiri atau di bawah terma kontrak perkhidmatan pekerja.

Rujukan

Dimuat turun daripada <https://smeinfo.com.my/my/operasi-pengurusan-sumber-manusia/4fungsi-asas-sumber-manusia-dalam-perniagaan-peringkat-permulaan>

Dimuat turun daripada <https://smeinfo.com.my/my/memasarkan-perniagaan-anda>

Philip Kotler (2011). *Prinsip Pemasaran Kotler*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. ISBN 978-967-5226-51-9

Philip Kotler, Gary Amstrong, Chin Tiong Tan (2011). *Principles of Marketing An Asian Perspective*. Pearson. ISBN 978-981-06-8753-3

William G. Nickles, James M. McHugh, Susan M. McHugh (2012). *Understanding Business*. McGraw Hill Education. ISBN 978-1-259-07328-1

MODUL 8

PENGURUSAN STRATEGIK DALAM PERNIAGAAN

Penulis :

AYU IRYANTI BINTI AZNI

PENGURUSAN STRATEGIK DALAM PERNIAGAAN

1.0 PENGENALAN

Pengurusan Strategik didefinisikan seperti berikut:

Menurut **Gluck dan Jaunch (1984)**, pengurusan strategik merujuk kepada set keputusan dan tindakan yang membawa kepada formulasi bagi strategi efektif untuk mencapai objektif organisasi.

Pearce dan Robinson (1985) mendefinisikan pengurusan strategik sebagai set keputusan dan tindakan yang membawa kepada formulasi dan pelaksanaan satu strategi agar dapat mencapai objektif organisasi itu.

Definisi ini mencadangkan kepentingan keputusan dan tindakan untuk memastikan objektif organisasi tercapai.

Hunger dan Wheelen (1996) mendefinisikan pengurusan strategik sebagai set keputusan dan tindakan pengurusan yang menentukan prestasi jangka panjang bagi organisasi. Ia juga merangkumi imbasan persekitaran, formulasi strategi, dan penilaian dan kawalan.


David (2003) mendefinisikan pengurusan strategik sebagai seni dan sains memformulasikan, melaksanakan dan menilai keputusan silang fungsian yang membolehkan organisasi untuk mencapai objektifnya.

Definisi yang diberikan oleh Hunger dan Wheelen (1996), serta David (2003) ini adalah konsisten dengan definisi awal pengurusan strategik tetapi terdapat penambahan beberapa elemen seperti formulasi strategi, pelaksanaan strategi, penilaian dan kawalan dalam konsep pengurusan strategik.

2.0 MODEL PENGURUSAN STRATEGIK

Berdasarkan definisi yang diberikan, ia adalah jelas bahawa pengurusan strategik melibatkan pembuatan keputusan dan mengambil tindakan yang boleh membantu organisasi mencapai objektifnya dengan menggunakan cara sistematik bagi memformulasikan strategi, melaksanakan strategi dan menilai serta mengawal strategi yang dilaksanakan.

Rajah 6.1 Proses pengurusan strategik



Sumber: Micheal A. Hitt, R. Duane Ireland, and Robert R. Hoskisson (2005). *Strategic Management: Competitiveness & Globalization*. Mason, OH: South Western Publishing.

Rajah: Proses Pengurusan Strategik

Oleh yang demikian, pengurusan strategik menghubungkan pelbagai bidang fungsian seperti pemasaran, pengurusan, kewangan, perakaunan, sumber manusia, pengeluaran dan sistem maklumat dalam cara yang formal dan sistematik selaras dengan objektif organisasi dan prestasi yang unggul. Definisi ini juga mencadangkan bahawa pengurusan strategik merangkumi tiga komponen utama iaitu formulasi strategi, pelaksanaan strategi serta penilaian dan kawalan strategi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.



Rajah: Model pengurusan strategik

2.1 Komponen Dan Elemen Bagi Pengurusan Strategik

Terdapat tiga komponen utama dalam pengurusan strategik iaitu formulasi strategi, pelaksanaan strategi serta penilaian dan kawalan strategi seperti yang dipaparkan dalam Rajah di Unit 2.0 di atas.

Terdapat beberapa elemen yang membentuk setiap komponen. Dalam komponen formulasi strategi, elemen utama merupakan visi, misi, matlamat dan objektif bagi organisasi. Elemen lain merupakan analisis luaran, analisis dalaman, analisis industri dan analisis persaingan. Mengenal pasti alternatif strategik dan seleksi pilihan strategik juga membentuk bahagian bagi komponen formulasi strategi. Dalam komponen pelaksanaan strategik, terdapat sekurang-kurangnya tiga elemen yang mempengaruhi pelaksanaan strategi iaitu struktur organisasi, pekerja dan kepimpinan, serta sistem dan proses organisasi. Dalam komponen inilah tindakan organisasi bermula dan ia memberikan cabaran utama kepada banyak organisasi. Dalam komponen penilaian dan kawalan strategi elemen utama merupakan model dan proses penilaian, kriteria penilaian, kaedah dan mekanisme kawalan untuk meningkatkan prestasi organisasi dan memenuhi objektif organisasi.

Bagi memahami lebih mendalam berkaitan elemen dan komponen ini (lihat jadual di bawah), ia adalah penting untuk mengetahui beberapa konsep asas dalam pengurusan strategik.

KOMPONEN	ELEMEN
Formulasi Strategi	• Visi • Misi • Matlamat • Objektif • Analisis luaran • Analisis dalaman • Analisis industri • Analisis persaingan
Pelaksanaan Strategi	• Struktur organisasi • Pekerja dan kepimpinan • Sistem dan proses organisasi
Penilaian dan Kawalan Strategi	• Model dan proses penilaian • Kriteria penilaian • Kaedah kawalan

Istilah “strategi” merujuk kepada cara organisasi cuba untuk mencapai objektif jangka panjangnya (David, 2003). Ia juga merujuk kepada tindakan yang pengurus harus ambil dan lakukan agar dapat memastikan bahawa apa yang telah ditetapkan dalam objektif boleh dicapai.

Membangunkan model pengurusan strategik adalah penting kerana ia memberi rangka kerja asas untuk memahami bagaimana pengurusan strategik boleh beroperasi pada peringkat firma. Tambahan pula, model pengurusan strategik menyediakan pengurus dan ahli strategi dengan pemahaman pendekatan lelaran yang lebih luas dalam mengadakan pengurusan strategik yang sebenar dalam situasi organisasi.

Peranan pengurus dan ahli strategi adalah untuk melakukan analisis bagi organisasi. Hal ini melibatkan tiga jenis analisis utama iaitu analisis persekitaran luaran, analisis dalaman organisasi dan kemudian analisis industri. Setiap analisis ini akan memberikan maklumat tentang peluang dan ancaman, kekuatan dan kelemahan, dan membantu organisasi untuk meletakkan dirinya berbanding dengan organisasi pesaing lain dalam industri. Hasil daripada analisis ini akan kemudiannya membantu pengurus dan ahli strategi untuk menyesuaikan dengan bidang khusus untuk diberi tumpuan, mengenal pasti kelebihan bersaing organisasi dan menentukan kedudukan daya saing yang perlu diambil organisasi agar dapat mengekalkan daya saingnya dalam industri.

Hasil bagi analisis strategik seterusnya akan membantu pengurus atau ahli strategi untuk menentukan bakal alternatif yang tersedia untuk organisasi. Seleksi pilihan strategik yang sesuai akan dipastikan tersedia untuk dilaksanakan. Dalam melaksanakan strategi, organisasi perlu memastikan elemen dalam pelaksanaan berada pada tempatnya. Ini bermaksud matlamat organisasi perlu ditakrifkan pada peringkat operasi, dan diterjemahkan menjadi objektif yang lebih spesifik dan tepat berbanding matlamat yang ditetapkan oleh organisasi. Polisi dalam organisasi perlu dibangunkan dan diletakkan pada tempatnya.

Seterusnya, program khusus atau pelan tindakan perlu disediakan untuk memastikan pelaksanaan yang efektif bagi strategi organisasi. Pelaksanaan strategi tidak akan selesai tanpa memastikan semua elemen asas dalam pelaksanaan strategik berada pada tempatnya. Hal ini termasuklah memastikan organisasi mempunyai struktur, pekerja dan kepimpinan yang sesuai yang diperlukan untuk menguruskan pelaksanaan bagi pelan tindakan yang telah dipilih. Akhirnya, pelaksanaan juga memerlukan pengurus atau ahli strategi untuk menyelaraskan dan mengintegrasikan pelbagai bidang fungsian dalam organisasi agar sistem dan proses mengurus pelbagai bidang fungsian adalah diselaraskan dengan objektif organisasi yang telah ditetapkan lebih awal.

Bahagian akhir bagi model pengurusan strategik merangkumi penilaian dan kawalan. Dalam komponen ini, pengurus atau ahli strategi harus memastikan bahawa strategi yang dilaksanakan adalah dinilai dengan sewajarnya dan dinilai secara berkala, contohnya setiap setengah tahun atau suku tahun sekali. Kriteria penilaian dan prestasi yang dijangkakan ditanda aras dengan standard industri atau firma. Perbandingan dibuat dengan pesaing atau firma lain atau dalam dimensi masa (berbanding tahun sebelumnya). Mekanisme kawalan perlu diletakkan pada tempatnya agar organisasi boleh memastikan yang objektif yang diidamkan boleh dicapai dalam fasa pelaksanaan seterusnya. Setelah model pengurusan strategik ditentukan dan ditetapkan secara jelas, fasa seterusnya melibatkan pemahaman proses pengurusan strategik.

3.0 PROSES PENGURUSAN STRATEGIK

Dalam mencuba untuk mengendalikan model pengurusan strategik, pengurus atau ahli strategi perlu memastikan bahawa mereka perlu memulakan proses dengan menentukan visi organisasi. Misi organisasi juga perlu diperjelaskan. Kemudian, matlamat organisasi ditentukan dan ditetapkan oleh pengurus atau ahli strategi.

Pengendalian model pengurusan strategik melibatkan siri langkah-langkah yang berterusan dan berubah mengikut kedinamikan persekitaran. Perubahan dalam satu daripada elemen boleh memberi kesan kepada elemen lain dalam model pengurusan strategik. Maka, formulasi, pelaksanaan, penilaian dan kawalan strategi harus dilakukan secara berterusan dan bukan pendekatan sekali sahaja. Sebagai contoh, dalam situasi yang organisasi telah menetapkan visi, misi dan matlamat untuk dicapai, proses formulasi strategi bermula dengan menganalisis situasi strategik organisasi. Dengan kata lain, menganalisis persekitaran luaran, kekuatan dan kelemahan organisasi, dan analisis industri (dan/atau analisis daya saing) harus menjadi tahap pertama dalam proses pengurusan strategik.

Pastinya, organisasi boleh juga menyemak matlamat mereka selari dengan persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah agar organisasi tidak terus kekal kurang berdaya saing. Contohnya, dalam industri penerbangan, organisasi boleh menetapkan misinya untuk menjadi pendahulu dalam industri perkhidmatan penerbangan. Walau bagaimanapun, landskap industri penerbangan berubah dengan pantas dan tidak hanya memberikan servis penerbangan tetapi juga servis yang berkaitan seperti hotel, pelancongan, pakej percutian malah khidmat kereta sewa. Oleh sebab persaingan dalam industri menjadi lebih sengit, mentakrifkan semula misi organisasi tidak dapat dielakkan dan ia menjadi keperluan untuk memastikan organisasi terus kekal dalam persekitaran tidak mesra tersebut.

Pada fasa pelaksanaan, proses pengurusan strategik boleh bermula dengan menyemak struktur organisasi dan pekerja yang ada dalam organisasi sebelum menetapkan polisi dan program atau pelan tindakan. Sistem dan proses organisasi juga perlu dikaji semula secara wajar. Akibatnya, proses pelaksanaan strategi boleh berbeza mengikut keadaan dan situasi. Akhir sekali, pada fasa penilaian dan kawalan, proses itu mungkin memerlukan organisasi untuk menyemak mekanisme kawalan lebih daripada proses penilaian strategi.

Memandangkan model pengurusan strategi adalah proses dinamik dan memerlukan kemas kini dan semakan secara berkala, proses bagi amalan pengurusan strategik boleh menjadi selancar perubahan pesat dalam perniagaan yang dinamik. Pada tahap ini, harus disedari bahawa terdapat beberapa aspek utama yang tidak berubah walaupun ia mengalir dalam amalan pengurusan strategik. Pertama ialah elemen utama dalam komponen pengurusan strategik dan kedua ialah tiga komponen utama bagi pengurusan strategik. Kedua-dua aspek ini tidak berubah selagi konsep pengurusan strategik ditakrifkan dalam cara yang telah disebutkan pada awal topik ini.

Rujukan

- Aaker, D.A., 'Managing assets and skills: the key to sustainable competitive advantage', *California Management Review*, 31(2) 1998: 91–100
- Ackoff, R.L., 'Beyond prediction and preparation', *Journal of Management Studies*, 20 Jan 1983: 59-69.
- Heracleous, L., 'The role of strategy implementation in organization development' *Organization Development Journal*, 18(3) 2000: 75–86.
- Baetz, Mark C., and Christopher K. Bart. "Developing Mission Statements Which Work." *Long Range Planning* 29, no. 4 (August 1996): 526–533
- Conger, Jay A., and Douglas A. Ready. "Enabling Bold Visions." *MIT Sloan Management Review* 49, no. 2 (Winter 2008): 70
- Collins, David J., and Michael G. Rukstad. "Can You Say What Your Strategy Is?" *Harvard Business Review* (April 2008): 82
- Bartkus, Barbara, Myron Glassman, and R. Bruce McAfee. "Mission Statements: Are They Smoke and Mirrors?" *Business Horizons* 43, no. 6 (November–December 2000): 23.
- Larwood, Laurie, Cecilia M. Falbe, Mark P. Kriger, and Paul Miesing. "Structure and Meaning of Organizational Vision." *Academy of Management Journal* 38, no. 3 (June 1995): 740–769
- Amabile, Teresa M., and Mukti Khaire. "Creativity and the Role of the Leader." *Harvard Business Review* (October 2008): 100.
- Davis, Alan, and Eric M. Olson. "Critical Competitive Strategy Issues Every Entrepreneur Should Consider Before Going into Business." *Business Horizons* 51, no. 3 (May–June 2008): 211.
- Carroll, Paul B., and Chunka Mui. "Seven Ways to Fail Big." *Harvard Business Review* (September 2008): 82
- Moldoveanu, Mihnea. "Thinking Strategically About Thinking Strategically: The Computational Structure and Dynamics of Managerial Problem Selection and Formulation." *Strategic Management Journal* (July 2009): 737–763
- Newbert, Scott L. "Value, Rareness, Competitive Advantage, and Performance: A Conceptual-level Empirical Investigation of the Resource-Based View of the Firm." *Strategic Management Journal* 29, no. 7 (July 2008): 745

MODUL 9

PENGURUSAN MASA DAN ETIKA DALAM PERNIAGAAN

Penulis :

ROS AINI BINTI IBRAHIM


1.0 PENGENALAN

1.1 Definisi Masa

- As-Syahid Hassan Al-Banna pula jelas mengaitkan masa dengan kehidupan, *"Masa adalah sebuah kehidupan. Dan kehidupan itu adalah masa yang dia habiskan bermula pada saat kelahiran sehingga ke saat kematiannya"*.

Sesungguhnya, Allah s.w.t telah berjanji dengan masa:

- Demi masa. Sungguh manusia dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan kebajikan serta saling menasihati untuk kebenaran dan saling menasihati untuk kesabaran. (Surah al-'Asr, ayat 1 hingga 3)



1.1.1 Definisi Masa Menurut Perspektif Konvensional

- Proses merancang, mengatur dan memperuntukkan masa bagi melaksanakan sesuatu tugas agar dapat membuahkan hasil yang berkualiti.
- Ia juga ditakrifkan sebagai proses penyesuaian peruntukan masa dengan pelaksanaan tugas agar hasil tugas lebih berkualiti dan di samping itu dapat meningkatkan produktiviti.

1.1.2 Definisi Masa Menurut Perspektif Islam

Menurut Islam:

- ✓ Pengertian masa dari segi bahasa
 - waktu, zaman, saat dan detik.
- ✓ Dari segi istilah
 - waktu atau zaman yang dilalui oleh individu yang menjalankan menjalankan kehidupan kehidupan.
- ✓ Suatu ilmu yang berkaitan dan cara seseorang itu mengurus dan mengatur masa sehariannya supaya dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

1.2 Pengurusan Masa

Pengurusan masa bermaksud anda mampu menguruskan masa secara berkesan bagi melakukan aktiviti harian dan merasa puas hati dengan apa yang telah anda lakukan. Pengurusan masa yang berkesan merupakan ciri penting di dalam gaya hidup yang sihat.


Menguruskan masa melibatkan penggunaan peralatan dan kaedah atau teknik untuk merancang dan menjadualkan masa dengan sesuai dan tepat. Peralatan dan teknik tersebut bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan masa anda. Pengurusan masa amat penting bagi membantu remaja mengurus dan mengendalikan masa dengan bijak dan bertanggungjawab.



AKTIVITI 1

Kongsikan proses perbatuan masa anda

Jadual 1: Carta Perbatuan atau Carta Gantt



1.3 Tips Pengurusan Masa

Ø **Bentukkan Audit Masa**

Buat capaian aplikasi RescueTime, Toggl, Calendar atau yang berkaitan

Dengan membuat jadual masa secara terancang menggunakan manual atau aplikasi yang ada, ianya mampu menjadi panduan kepada individu untuk lebih fokus kepada perkara penting dan utama.

Ø **Tetapkan Had Masa Untuk Setiap Kerja**

Agihan dalam penggunaan masa yang sesuai dapat mengelakkan berlaku pembaziran masa dan dapat menetapkan kuantiti bagi peruntukan masa yang sepatutnya.

Ø **Senaraikan Kepentingan Kerja**

Gunakan kaedah atau teknik tertentu bagi merancang perjalanan masa dengan meletakkan tumpuan kerja mengikut keutamaan.

Ø **Pastikan Pelaksanaan Mengikut Perancangan**

Sebaik-baiknya sesuatu pelaksanaan jadual kerja tersebut mengikut perancangan asal agar mudah untuk mengenalpasti sebarang masalah atau halangan yang berlaku.

Ø **Laksana Tugas Paling Penting (TPP)**

Pastikan urutan kerja yang dirancang mengikut tugas yang paling penting sehinggalah kepada yang kurang penting.

Ø **Belajar Untuk Agihkan Kerja**

Sentiasa bersikap terbuka dalam membuat agihan kerja mengikut keperluan bagi mengurangkan beban kerja masing-masing.

Ø **Hapuskan Kerja Yang Kurang Berfaedah (Menggangu)**

Biasanya terdapat banyak gangguan semasa proses kerja berlangsung. Maka, seharusnya individu lebih peka untuk mengurang atau menghapuskan kerja tidak berfaedah.

Ø **Tukar Jadual Perancangan**

Untuk satu tempoh masa tertentu, sekiranya wujud keperluan untuk perubahan dalam perancangan kerja, maka ia perlu dilakukan segera bagi mengelakkan pertindihan atau gangguan kerja. *Contoh: masa tidur dan rehat.*

Ø **Jangan Mengejar Kesempurnaan**


Setiap kerja memerlukan kualiti output tertentu, namun adalah penting untuk tidak terlalu mengejar kesempurnaan yang melampau.

Ø **Berani Untuk Mengatakan Tidak**

Sekiranya ada tugas-tugas yang tidak penting, sepatutnya individu harus tegas dalam menetapkan pendirian dan perlu berkata tidak.

1.3.1 Contoh Jadual Harian

MASA	AKTIVITI	HASIL
7.30-8.00	SARAPAN PAGI SAMBIL LIHAT PERANCANGAN (CALENDAR, PLANNER)	PERLU RE-SCHEDULE
8.00-10.00	BERJUMPA PEMBEKAL & BERBINCANG	SIGN KONTRAK
10.00-12.00	URUSAN DI PREMIS PERNIAGAAN	PERLU KAWAL OPERASI SYKT
12.00-1.00	MESYUARAT SEBUTHARGA	PERLU SEMAKAN
1.00-2.00	REHAT DAN MAKAN	-
2.00-5.30	URUSAN DI PREMIS PERNIAGAAN	SELESAI
5.30-7.00	REHAT & RIADAH	-
7.00-9.00	MAKAN MALAM BERSAMA KELUARGA	MAJLIS ANAK
9.00-11.00	SEMAKAN HAL-HAL PENTING (EMEL, MEDIA SOSIAL, e-COMMERCE)	PERLU INFO SEGERA
11.00-1.00	CATAT PERANCANGAN UTAMA/ TUMPUAN KEPADA PERKARA PENTING	SELESAI



1.4 Kaedah Kuadran Dalam Pengurusan Masa



Penting dan segera *Tindakan segera dan ada tarikh akhir *Ada kesan/impak Contoh: Temujanji dengan bakal pelanggan	Penting tetapi tidak segera *Boleh dilakukan sekarang *Boleh ditangguhkan Contoh: Kursus peningkatan kemahiran
Tidak penting tetapi segera *Hal-hal yang terjadi/ dipelawa secara tiba-tiba2 Contoh: Majlis, ceramah	Tidak penting dan tidak segera *Perkara biasa yang boleh dibuat di masa lapang Contoh: Menghias kedai

AKTIVITI 2

Perniagaan Pengedaran Kereta Import

- ☐ Mesyuarat Tergempar Berkaitan Syarikat
- ☐ Hal Kecemasan Peribadi
- ☐ Mesyuarat Dengan Bakal Pelabur
- ☐ Jamuan Kenaikan Pangkat Staf
- ☐ Kursus Komunikasi Berkesan
- ☐ Pemilihan Warna Pejabat
- ☐ Sidang Akhbar Mengenai Status Application Permit (AP)
- ☐ Meraikan Rakan Kongsi Baru
- ☐ Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
- ☐ Penambahbaikan Dalam Urustadbir Korporat

Pilih Kaedah Kuadran (Pengurusan Masa) yang sesuai bagi setiap aktiviti berikut.

CADANGAN JAWAPAN AKTIVITI 2

Perkara	Kuadran Masa
☐ Mesyuarat Tergempar Syarikat	Penting dan segera
☐ Hal Kecemasan Peribadi	Tidak penting tetapi segera
☐ Mesyuarat Dengan Bakal Pelabur	Penting dan segera
☐ Jamuan Kenaikan Pangkat Staf	Tidak penting tetapi segera
☐ Kursus Komunikasi Berkesan	Penting tetapi tidak segera
☐ Pemilihan Warna Pejabat	Tidak penting dan tidak segera
☐ Sidang Akhbar Mengenai Status Application Permit (AP)	Penting dan segera
☐ Meraikan Rakan Kongsi Baru	Penting tetapi tidak segera
☐ Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)	Penting tetapi tidak segera
☐ Penambahbaikan Dalam Urustadbir Korporat	Penting dan segera

1.5 Kepentingan Pengurusan Masa

- ✓ Membantu kita menghindar daripada konflik masa.
Dengan adanya pengurusan masa yang terancang maka dapat mengelakkan pertindihan dalam proses menyiapkan kerja.
- ✓ Membantu kita menghindar rasa bersalah
Seseorang akan dibelenggu rasa bersalah jika tidak dapat melakukan sesuatu pekerjaan mengikut keutamaan.
- ✓ Membantu kita menghindar perangkap masa
Sekiranya tiada perancangan masa boleh menyebabkan individu terperangkap dengan kesukaran menyiapkan kerja mengikut keutamaan.
- ✓ Menjangka peluang-peluang yang ada
Individu mampu mencari ruang dan peluang baru bagi meningkat dan mengembangkan potensi diri.
- ✓ Membantu kita menilai kemajuan diri
Memudahkan proses dalam menilai kerja harian atau prestasi kerja semasa dengan baik bagi menambahbaik ke arah pencapaian matlamat.
- ✓ Membantu kita mencapai objektif
Pengurusan masa yang baik memberi hala tuju yang jelas dalam pencapaian sesuatu matlamat.
- ✓ Membantu kita membuat sesuatu ikut keutamaan
Kecekapan dalam menguruskan masa perlu disesuaikan dengan mengikut kepentingan kerja.
- ✓ Memberi kita kebebasan dan kawalan
Pengurusan masa yang cemerlang membantu individu bebas daripada tekanan dan kekangan masa.

2.0 PENGENALAN ETIKA PERNIAGAAN

2.1 Etika Menurut Perspektif Konvensional

Etika merupakan sekumpulan prinsip-prinsip moral yang mempengaruhi kelakuan. Pembentukan suatu etika perlu mengambil kira norma masyarakat dan nilai individu itu sendiri.

- ❑ Etika berasal daripada perkataan Greek iaitu *Ethos* yang bermaksud perwatakan.
- ❑ Ia memberi maksud 'Code of Human Conduct' @ peraturan yang membatasi gelagat manusia.
- ❑ Etika membantu kita menentukan sama ada sesuatu itu betul atau salah.
- ❑ Etika menggalakkan kita melakukan perkara yang betul.
- ❑ Merupakan kajian moral mengenai betul atau salah.
- ❑ Ia menumpukan kepada piawaian moral yang diaplikasikan dalam institusi perniagaan.
- ❑ Dalam khazanah pemikiran Islam, etika difahami sebagai al-akhlaq, al-adab atau al-falsafah al-adabiyyah, yang mempunyai matlamat untuk mendidik moral manusia.

2.2 Konsep Etika Perniagaan Dalam Islam

- Niat Kerana Allah s.w.t
- Patuh kontrak/ Ada aqad
- Adil & Ihsan
- Tiada Penipuan @ Salahtafsir Iklan
- Pengukuran Yang Tepat
- Larangan Sorok Barang/ Tidak Monopoli (*Ihtikar*)
- Tidak Membeli Barang Dicuri Untuk Dijual Semula
- Elak Unsur Riba
- Tidak Mempermainkan Sumpah Dalam Urusan
- Puliara Alam Sekitar
- Bebas Aktiviti Haram
- Melunaskan Hutang



2.3 Perbezaan Undang-Undang Dan Etika

Undang-Undang	Etika
Ia adalah rangka peraturan dan peraturan yang bertujuan untuk menjaga keamanan dalam masyarakat.	Etika adalah apa-apa yang berkaitan dengan hak dan salah dalam pemikiran dan kelakuan.
Ia dibuat dan dipinda oleh wakil rakyat yang terpilih di dalam badan perundangan dan atas aluan di parlimen.	Prinsip-prinsip moral membentuk etika dan dengan itu moral adalah etika.
Terdapat penguatkuasaan dan hukuman/dendaan	Segala sesuatu yang tidak bermoral dianggap tidak beretika.
Etika lebih subjektif	Undang-undang yang bersifat objektif
Etika adalah tanggungjawab sosial	Undang-undang bukan tanggungjawab tetapi pematuhan
Sesuatu yang tidak beretika untuk seseorang mungkin beretika untuk orang lain, sedangkan setiap orang harus mengikut apa yang sah.	Undang-undang dikuatkuasakan untuk semua orang
Tidak ada hukuman untuk melanggar etika walaupun tingkah laku yang tidak etika dapat dilihat oleh masyarakat.	Terdapat hukuman untuk melanggar undang-undang

2.4 Amalan Perniagaan Yang Beretika

2.4.1 Menjalankan perniagaan mengikut undang-undang negara seperti yang ditetapkan

Perniagaan di Thailand – Idea, peringkat, kelebihan

Thailand menarik suasana yang menakjubkan, cuaca yang hebat, hiburan yang menarik. Beberapa tetamu dari negara ini, setelah melawat Thailand berulang kali, ingin tinggal di negeri ini untuk kediaman tetap. Memandangkan sistem yang agak mudah menjalankan perniagaan mereka sendiri dan pelbagai idea dan peluang, ramai yang membuka diri mereka sendiri perniagaan di Thailand. Jadi perniagaan mana yang lebih baik untuk dipilih? Apakah tahap memulakan perniagaan anda sendiri? Apa yang perlu dipertimbangkan semasa menjalankan aktiviti ini?

Kandungan:

- Apa perniagaan yang akan dibuka di Thailand sebagai warganegara Rusia?
- Aktiviti yang dilarang untuk warga asing
- Jenis utama perniagaan di Pattaya
- Tahap pembukaan perniagaan
- Membeli perniagaan yang sedia ada

Pengusaha berpengalaman menyatakan bahawa sebelum anda memulakan atau membeli perniagaan di Thailand, anda harus terlebih dahulu menilai keupayaan kewangan anda dan kualiti peribadi dengan betul. Adakah anda tahu bahasa Inggeris dan Thai dengan baik, adakah anda mempelajari konjun pasaran Thailand dengan betul, adakah anda menemui firma undang-undang yang berkeelayakan yang akan melindungi kepentingan anda dan menyelesaikan situasi konflik?



Menurut statistik, idea-idea berikut dianggap paling menguntungkan. Perniagaan di Thailand untuk Rusia: sewa hartanah, perjalanan dan perniagaan hotel, eksport barangan dari Thailand.

Undang-Undang Perniagaan Di Thailand

**GARISPANDUAN BARU MEMULAKAN PERNIAGAAN DIBAWAH
AKTA LESEN PERNIAGAAN PENGGAL 127
[BUSINESS LICENCES ACT CHAPTER 127]**

1. Tujuan garispanduan ini adalah untuk menjelaskan mengenai dengan tatacara baru memulakan perniagaan dibawah Akta Lesen Perniagaan (Penggala 127), 2015. Inisiatif ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memulakan perniagaan dengan lebih mudah, cepat dan telus ke arah mewujudkan suasana perniagaan yang *pro-business* dan *business friendly*.
2. Semua perniagaan boleh dimulakan setelah berdaftar dengan Bahagian Pendaftar Nama-Nama Perniagaan dan Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat (ROCBN), Kementerian Kewangan dan Lesen Perniagaan dikeluarkan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pihak Berkuasa Melesen. Bagaimanapun, aktiviti perniagaan hendaklah memenuhi garispanduan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak agensi penguatkuasa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Semua perniagaan yang dijalankan akan dipantau melalui pemeriksaan lapangan oleh agensi penguatkuasa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, setelah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pihak Berkuasa Melesen menerima maklumat pendaftaran perniagaan dari ROCBN. Jika didapati pemegang lesen atau aktiviti perniagaan yang dijelankannya gagal mematuhi syarat maka tindakan undang-undang akan dikenakan.
4. Mana-mana orang yang melanggar atau melakukan kesalahan dibawah Akta ini, denda akan dikenakan sebanyak \$10,000.00 dan seterusnya denda tidak melebihi \$100.00 setiap hari jika kesalahan masih berterusan.
5. Semua perniagaan hendaklah juga mematuhi perundangan, syarat dan arahan pihak Penguatkuasaan berkenaan seperti keperluan bagi kebenaran premis perniagaan daripada pihak Authoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI), Kementerian Pembangunan dan keperluan di bawah Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggala 167).

Undang-Undang Perniagaan Di Brunei

▪ Penubuhan Syarikat di Malaysia	+
▪ Perkhidmatan Setiausaha korporat	+
▪ Perakaunan	+
▪ Percukaian	+
▪ Sumber Manusia	+
▪ Khidmat Nasihat Perniagaan di Malaysia	+
▪ Persediaan Perniagaan	+
▪ Memulakan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)	+
▪ Imigresen	+
▪ Perniagaan Bersekutu	+
▪ Pengauditan	+
▪ Perundangan	+
▪ Perkhidmatan Pejabat Maya di	+

Daftar Syarikat di Korea Selatan

Sebagai sebuah negara Asia Timur yang terletak di antara dua kuasa besar iaitu Jepun dan China, Korea Selatan menduduki bahagian selatan semenanjung Korea. Korea Selatan bersempadan dengan Republik Rakyat Demokratik Korea (Korea Utara) di utara, Laut Jepun di timur, Laut China Timur di selatan, dan Laut Kuning di barat manakala Selat Korea memisahkan wilayah tenggara negara tersebut dari pulau Tsushima di Jepun.

Korea Selatan merupakan ekonomi berteknologi tinggi dan pemimpin dunia dalam pengilangan barang elektronik termasuk telefon bimbit dan cip semikonduktor. Di samping itu, Perjanjian Perdagangan Bebas EU-Korea Selatan (FTA) yang berkuat kuasa pada bulan Julai 2011 terus memperkasa kedudukan Korea Selatan sebagai salah satu lokasi strategik untuk perniagaan dan pelaburan di rantau Asia. Selama bertahun-tahun, Korea Selatan telah memiliki daya tarikan sebagai salah satu destinasi pilihan untuk pelaburan asing serta saluran strategik bagi memasuki pasaran berhampiran. Oleh itu, persekitaran mesra perniagaan di Korea Selatan telah menarik minat pelabur asing untuk menubuhkan syarikat mereka di negara tersebut.

Gambaran Ringkas Kelebihan Mendaftar Starikat di Korea Selatan

1. 100% pemilikan asing – Pembentukan syarikat di Korea Selatan membolehkan pemilikan asing 100%, dan hanya memerlukan 1 pengarah untuk syarikat liabiliti terhad.
2. Insentif cukai – Cukai syarikat di Korea Selatan akan dikurangkan daripada 25% hingga 20% berbanding tahun
3. Kemudahan menubuhkan syarikat – Korea Selatan merupakan antara negara yang paling mudah untuk urusan menubuhkan syarikat.

Undang-Undang Perniagaan Di Korea Selatan

2.4.2 Memberi perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada pelanggan



2.4.3 Menghormati budaya atau norma masyarakat di mana perniagaan beroperasi




2.4.4 Menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat (CSR)



2.5 Pihak Berkepentingan (Stakeholders)

- Ø Pelabur/ Pemegang Saham
- Ø Pengurusan
- Ø Pekerja
- Ø Masyarakat
- Ø Pengguna
- Ø Pembekal
- Ø Kerajaan

Tanggungjawab perniagaan kepada pihak berkepentingan



Tanggungjawab perniagaan kepada pihak berkepentingan

Pelanggan

- Peniaga harus menjaga kebajikan dengan memberi perhatian kepada kehendak dan keperluan pengguna.

Pembekal

- v. Pedapkan bedak padat, gunakan span yang secara lembap ataupun berus pada wajah untuk kesan semulajadi. Tujuannya adalah untuk menjadikan kulit lebih halus dan licin serta menjadikan kulit yang nampak kusam tampak gebu dan bercahaya. Selepas itu sapukan bedak padat juga bertujuan membantu solekan kita bertahan lebih lama dan nampak menarik dan sapuan rata.
- vi. Aliskan celak pada garisan kelopak mata secara perlahan-lahan. Bagi yang baru pertama kali mahu menggunakan celak. Mulakan pada bahagian tengah garisan kelopak mata dan tarik perlahan-lahan sehingga ke hujung. Selepas itu, tarik pada bahagian depan hingga ke tengah. Lakukan perkara yang sama pada bahagian bawah kelopak mata. Jangan gopoh. Lakukan perlahan-lahan.
- vii. Letakkan berus maskara pada sisi bulu mata, secara perlahan-lahan, sapukan maskara dari akar sampai ke hujung bulu mata dengan *zig zag*. Cuba beberapa posisi lain untuk menambah lentikkan dan mampu melebatkan bulu mata.

- viii. Calitkan sedikit gincu pada hujung jari anda, dan buat bulatan pada tulang pipi anda.
- ix. Untuk mengekalkan warna gincu anda pada waktu yang agak lama. Pertama, anda haruslah sapukan sedikit foundation pada keseluruhan bibir anda. Kedua, pedapkan bedak asas. Ketiga sapukan gincu pada bibir. Keempat, pedapkan sekali lagi bedak asas pada bibir anda yang sudah ada gincu tadi. Dan akhir sekali, oleskan kembali gincu warna kegemaran anda pada seluruh bibir. Solekan anda telah pun siap.

4. PENGIRAAN BODY MASS INDEX (BMI)

Body Mass Index (BMI) atau Indeks Jisim Badan merupakan petunjuk jumlah lemak seseorang berdasarkan nisbah berat badan berbanding ketinggian. Nilai BMI memberitahu samada seseorang itu kurang berat badan, berat badan normal, lebih berat badan atau obesiti. Lagi besar nilai BMI bermakna lebih gemuk seseorang itu. BMI mudah untuk dikira, ia digunakan secara meluas sebagai petunjuk untuk mengenalpasti berat badan ideal seseorang individu. Untuk mempunyai penampilan yang menarik seseorang individu itu perlu mengetahui BMI nya sendiri.

Formula pengiraan BMI:

$$\text{BMI} = \frac{\text{Berat Badan (kg)}}{\text{Tinggi (m)} \times \text{Tinggi (m)}}$$

Contoh Pengiraan:

- Berat Badan = 70kg
- Tinggi = 165cm = 1.65M
- Maka, BMI = $70\text{kg} / (1.65\text{m} \times 1.65\text{m}) = 25.7$ (badan ideal)



Cara Klasifikasi BMI

JULAT BMI	KATEGORI
Bawah 18.5	Underweight (Kurang berat badan)
18.5 - 24.9	Normal (Berat ideal/unggul)
25.0 - 29.9	Overweight (Lebih berat badan)
30.0 ke atas	Obese (Obesiti/kegemukan)

Nilai BMI anda akan ditunjukkan kategori berat badan anda. Warna biru menunjukkan kurang berat badan, hijau menunjukkan berat badan normal, oren menunjukkan berat badan berlebihan dan merah menunjukkan berat badan obesiti.

Bagi individu yang mempunyai berat badan berlebihan dan obesiti, perlu pastikan pengambilan kalori dalam diet terkawal dan amalkan senaman bagi membantu menuruti berat badan. Semakin tinggi nilai BMI anda semakin tinggi risiko anda menghidap penyakit jantung, tekanan darah tinggi, kencing manis, barah dan angin ahmar.

BMI sesuai digunakan untuk menilai lelaki dan wanita dewasa berumur di antara 18 hingga 64 tahun. BMI tidak sesuai digunakan untuk kanak-kanak, bayi, wanita hamil, ibu yang menyusu bayi, orang yang sangat berotot seperti atlet dan ahli bina badan, dan orang tua yang telah kehilangan jisim otot.

5.0 PEMAKANAN SIHAT DAN SENAMAN

5.1 Pengenalan



Makanan seimbang merupakan makanan yang harus dimakan untuk memastikan tubuh badan seseorang berfungsi dengan normal. Makanan seimbang seharusnya memberikan kita tenaga. makanan yang mencukupi, karbohidrat, protein dan lemak secara optimum, kandungan *fiber* yang mencukupi dan kandungan bahan galian, vitamin dan asid lemak. Makanan yang memberi tenaga dapat membina badan, dan dapat menjauhi kita daripada mendapat penyakit. Amalan pemakanan sihat adalah satu faktor yang penting ke arah kesihatan sekeluarga dan seharusnya dipupuk dari rumah. Selain daripada menyelerakan dan mampu dibeli, makanan yang dikongsi bersama sekeluarga mestilah berkhasiat dan sihat. Makanan seimbang seharusnya memberi:

- i. Tenaga makanan yang mencukupi
- ii. Karbohidrat, protein dan lemak secara optimum.
- iii. Kandungan fiber yang mencukupi
- iv. Kandungan bahan galian, vitamin dan asid lemak.

Makanan ini terdiri dari tiga kumpulan iaitu makanan yang memberi tenaga, menjauhi dari penyakit dan membina sel-sel dan tisu tubuh.

5.2 TIPS PEMAKANAN SEIMBANG UNTUK TUBUH BADAN

i. **Banyakkan makan buah.**

Diantaranya ialah buah apel, nenas, pisang, bawang putih, jambu, limau dan buah betik. Semua jenis buah yang disebut ini sebenarnya banyak khasiat tersendiri.

ii. **Banyakkan juga memakan kekacang.**

Kacang pea, kekacang dan lentil adalah kaya dengan protein, karbohidrat, gentian dan beberapa vitamin (terutamanya vitamin B). Kacang soya yang sangat kaya dengan protein tumbuhan.

iii. **Banyakkan minum air.**

Air adalah sangat penting untuk fungsi-fungsi tubuh anda, termasuk penghadaman, penyerapan dan pengangkutan zat, perkumuhan, pengawalan suhu badan dan bertindak sebagai pelincir bahagian tubuh yang bergerak. Tubuh kita akan kehilangan lebih kurang 1 ½ hingga 2 ½ liter air dalam satu hari melalui air kencing, peluh dan wap daripada paru-paru. Jangan tunggu sehingga sudah berasa dahaga, untuk menggantikan cecair yang telah hilang dari badan. Minum sekurang-kurangnya 6 hingga 8 gelas air setiap hari. Cecair juga boleh didapati daripada minuman lain, buah-buahan, sayur-sayuran dan makanan lain.

iv. **Kurangkan kandungan lemak dalam makanan.**

Sebenarnya lemak itu penting, tetapi dalam diet harus menyumbangkan 20% hingga 30% sahaja dalam jumlah keperluan tenaga harian. Oleh itu kita harus elakkan pengambilan lemak berlebihan dengan memilih makanan yang rendah lemak dan kolesterol.

v. **Kurangkan gula.**

Kehadiran gula juga menggantikan makanan yang berkhasiat dan menyingkirkan beberapa vitamin dan galian dari tubuh. Memakan gula yang berlebihan bermakna anda menanggung risiko kerosakan gigi, kegemukan dan masalah-masalah lain yang dikaitkan dengannya seperti kencing manis, serangan jantung dan sebagainya.

vi. **Kurangkan garam**

Memakan terlalu banyak garam boleh menyebabkan tekanan darah tinggi yang akhirnya boleh membawa kepada serangan jantung atau strok. Sesetengah orang mungkin menghadapi masalah terlalu banyak air di bawah kulit (edema).

5.3 SARANAN PEMAKANAN SIHAT OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Bagi memudahkan orang ramai mengamalkan pemakanan secara sihat, Pinggan Sihat Malaysia telah dihasilkan sebagai alat visual untuk merancang makanan untuk setiap hidangan. Ia menunjukkan jumlah makanan yang perlu dimakan bagi setiap kumpulan makanan untuk hidangan utama.



Secara amnya *Pinggan Sihat Malaysia* sesuai digunapakai di kalangan orang dewasa. Ia boleh membantu dalam pengurusan berat badan dan pencegahan penyakit kronik berkaitan dengan obesiti seperti tekanan darah tinggi, diabetes dan penyakit *kardiovaskular*. Ia juga boleh digunapakai oleh golongan yang mengamalkan vegetarian dan juga oleh semua kumpulan etnik.


Pinggan Sihat Malaysia menyarankan peningkatan pengambilan sayur dan buah; memastikan pengambilan nasi, mi, roti dan bijirin lain serta ikan, ayam, daging mahupun kekacang adalah mengikut saranan. Ia berdasarkan pinggan berukuran 10 inci (25 sm) yang biasa diguna oleh penduduk Malaysia. Pinggan Sihat Malaysia merupakan panduan asas tentang jumlah makanan yang diambil bagi setiap kumpulan makanan. Ia tidak bergantung kepada pengambilan kalori dan bilangan sajian yang khusus bagi setiap hari dari setiap kumpulan makanan. Saiz sukatan/porsi sebenar dan jumlah makanan yang diperlukan adalah berbeza di antara individu.

Contoh-contoh hidangan yang disediakan berdasarkan pinggan sihat Malaysia

Sarapan



Capati Dan Kuah Dal




Roti Dengan Telur Dan Salad

Makan Tengah Hari/ Makan Malam



Nasi Putih Dengan Ikan Bakar Dan Sayur



2. Nasi Beras Perang Dengan Ayam Panggang Dan Sayur

Ramuan



Hidangan Lengkap



Nasi Goreng

5.4 SENAMAN

5.4.1 Definisi Senaman

Senaman ialah pergerakan badan yang dilakukan secara berulang-kali secara terancang dan berstruktur bertujuan untuk meningkatkan atau mengekalkan satu atau lebih komponen kecergasan fizikal. Senaman juga melibatkan penggunaan dan pengeluaran tenaga yang banyak. Senaman juga memberi pelbagai kelebihan untuk badan kita.

5.4.2 Kelebihan Senaman

- ☐ Meningkatkan kekuatan dan daya tahan
- ☐ Mencapai berat badan yang unggul
- ☐ Meningkatkan kecergasan fizikal
- ☐ Meningkatkan keelmbutan sendi
- ☐ Mengawal tekanan darah
- ☐ Mencapai paras kolestrol yang normal
- ☐ Mengawal keseimbangan makanan
- ☐ Mengurangkan paras tekanan.

5.4.3 Jenis senaman asas

Berikut adalah beberapa contoh jenis senaman yang boleh dilakukan.



6.0 POSTUR BADAN


Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, postur badan adalah posisi atau sikap tubuh seseorang, terutamanya semasa duduk, berdiri dan sebagainya bagi menonjolkan imej yg positif. Postur badan yang betul dapat menonjolkan penampilan seseorang individu.

6.1 Kelebihan mengamalkan postur badan yang betul


- ☐ Dapat melindungi tulang, sendi dan saraf tunjang daripada kecederaan/ kerosakan.
- ☐ Postur yang betul akan memastikan otot-otot digunakan/ berfungsi dengan betul.
- ☐ Apabila otot-otot anda digunakan dengan cara yang sepatutnya, ia akan meningkatkan ketahanan terhadap senaman dan anda akan menjadi lebih kuat, malah anda dapat melakukan senaman lebih lama tanpa berasa penat.
- ☐ Semakin baik postur badan yang anda amalkan ketika melakukan aktiviti fizikal, semakin besar kemungkinan anda dapat mencegah penyakit tertentu dengan peningkatan usia.
- ☐ Penggunaan berat bebanan yang betul akan mengurangkan tekanan pada tulang dan sendi-sendi dan mengurangkan risiko berlakunya *arthritis*. Ia juga membantu mengelakkan masalah tulang belakang pada masa akan datang.

6.2 Gambaran postur badan yang betul.

- ❑ Posture badan yang betul ketika berdiri.



- ❑ Postur badan yang betul ketika duduk.



- ❑ Postur badan yang betul ketika mengangkat barang.



7.0 IMEJ DIRI

7.1 Pengenalan

Imej diri merupakan gambaran diri merupakan gambaran diri yang ditampilkan. Ini termasuklah rupa paras, cara anda bercakap, berpakaian dan bertindak, kemahiran sikap, perawakan dan gerak-geri anda; hiasan tambahan dan persekitaran serta rakan taulan anda.

7.2 Kepentingan imej diri atau penampilan diri.

- ☐ Alat komunikasi memberi maklumat tentang diri kita jika pertemuan pertama tidak berkesan, anda mungkin tiada peluang kedua” dan membentuk perhubungan seterusnya
- ☐ Membuka jalan kepada kejayaan “orang akan hormat” hanya kerana keterampilan diri yang berkualiti. Sebagai perwatakan dan personaliti, maka kita dapat merasai suka, duka, sedih, gembira, lapar, dahaga, kenyang, membuat pilihan, merasai perasaan cinta, kecewa,
- ☐ Pakaian menampilkan imej seseorang dan keperibadian secara menyeluruh
- ☐ Meningkatkan kefahaman terhadap bentuk dan anatomi tubuh seseorang.
- ☐ Meningkatkan keyakinan diri bila berhadapan dengan masyarakat
- ☐ Pandangan orang terhadap diri kita, beranggapan kita sebagai seseorang yang prihatin terhadap penampilan diri
- ☐ Dapat menarik perhatian masyarakat, contoh ketika menghadiri temuduga di mana penemuduga akan melihat penampilan diri dahulu sebagai penilaian awal.
- ☐ Melambang kecekapan seseorang mengurus diri.

7.3 Pemilihan pakaian formal untuk wanita dan lelaki.

Professional Attire for Women



Jewelry:

- Limit jewelry to three pieces
- Earrings (1), watch, ring, necklace, bracelet
- Bracelet/Necklace/Earrings should not jingle
- Remove all piercings (1 set of earrings is acceptable)

Dress Shirt:

- Crispy ironed
- Button-up
- Solid color

Hygiene:

- Always wear deodorant
- Maintain fresh breath
- Wear light perfume
- Cover tattoos
- Nails should be neatly trimmed/filed
- Nail polish should be clear or a natural tone

Hair:

- Simple, conservative

Suit:

- Fitted: Top and Bottom
- Navy Blue/Black/Gray


Accessories:

- Purse should be moderate size
- Purse should match shoes

Footwear:

- Polished and well-maintained
- Closed-toe preferred
- Hosiery should be nude or skin-tone

Career Development
Student Center 225
563.425.5229
careers@uiu.edu
www.uiu.edu/careers



Correct Professional Attire:

- Hair well combed
- Tie well tied & straight
- Pocket lapels out
- Slacks pressed well
- Black Leather Shoes polished

Incorrect Professional Attire:


- Hair is messy
- Tie is loosened
- Shirt is crumpled
- Shirt sleeves are rolled up
- Trousers need pressing
- Shoes are inappropriate

7.4 Perkara yang perlu dielakkan semasa berpakaian adalah:

- ☐ Jangan pakai terlalu banyak barang kemas sehingga anda nampak 'semak'.
- ☐ Jangan memakai aksesori pelik seperti jam pada cincin, gelang yang terlalu besar dan bermotif binatang yang pelik-pelik.
- ☐ Pastikan rambut dan kuku adalah bersih dan kemas.
- ☐ Jangan berpakaian yang mendedahkan atau menggoda.
- ☐ Pakai sedikit alat solek tetapi sekiranya anda seorang lelaki, jangan sekali-kali memakai alat solek seperti wanita.

7.5 Tips memilih pakaian yang sesuai.

7.5.1 Kenali bentuk tubuh badan



i. Bentuk tubuh epal

Dikatakan berbentuk epal kerana tubuh jenis ini cenderung bulat pendek dan bahagian pinggang membesar.

Tips pakaian yang sesuai adalah baju yang mempunyai warna-warna yang ceria dan terang di bahagian atas tubuh dan warna gelap bahagian bawah tubuh adalah kombinasi yang sesuai.

Gunakan tali pinggang dengan ukuran sederhana untuk tampil menarik. Pilih *dress* atau skirt berbentuk A, dan cari warna-warna gelap untuk memberikan kesan langsing.

ii. **Bentuk tubuh segi tiga terbalik.**

Juga dikenali sebagai bentuk V di mana mempunyai bahu yang luas, pinggul yang sempit dan biasanya badan langsing dan panjang.

Tips pakaian yang sesuai adalah baju yang tidak menonjolkan dada dan bahu. Tugas utama adalah untuk mengalihkan perhatian dari bahu besar, lengan, belakang, menyesuaikan garis dan kelantangan untuk melihat feminin dan elegan. Pilih baju berwarna cerah dan bercorak bunga besar.

iii. **Bentuk tubuh pir**

Ciri wanita berbentuk tubuh buah pear bermaksud tubuh lebih besar di bagian bawah pinggul dan paha dan bahagian atas kecil secara tidak langsung pinggang kelihatan kecil dan ramping.

Tips pakaian yang sesuai adalah pakaian yang mampu menyeimbangkan bahagian atas tubuh dengan bahagian bawah tubuh. Pakaian dengan corak pelbagai dan berwarna terang sesuai dipakai pada bahagian atas. Pakaian atas (bahu/lengan) yang lebar, berenda-renda, detail yang banyak juga mampu membuatkan tubuh bahagian atas anda kelihatan sedikit besar sekaligus ia menyeimbangkan tubuh.

iv. **Bentuk tubuh persegi panjang.**

Wanita dengan bentuk tubuh ini memiliki ciri-ciri ukuran payudara dan pinggul sama ukuran dan kelihatan tubuhnya lurus.

Tips pakaian yang sesuai adalah pilihlah pakaian dengan potongan yang jelas agar membantu membentuk lekuk tubuh, seperti pakaian dengan struktur *geometris* dengan tali pinggang atau pakaian yang memiliki detail pita dan kerut yang simple. Hindari pakaian jenis yang tipis dan ringan. Jangan mengenakan terlalu banyak detail agar kesannya tidak terlalu serabut. Untuk aksesori juga jangan terlalu banyak.

7.5.2 Tips pemilihan corak baju.

● Garisan menegak  ● Orang rendah dan gemuk kelihatan tinggi dan langsing	● Corak besar  ● Orang yang kurus kelihatan gempal
● Garisan melintang  ● Orang yang kurus dan tinggi kelihatan gempal dan rendah	● Corak kecil  ● Orang gempal kelihatan kurus dan langsing

7.5.3 Tips memilih tudung mengikut warna kulit.

KULIT PUTIH

Orang yang berkulit cerah sangat beruntung boleh menggayakan pelbagai warna. Namun warna-warna yang gelap dan solid lebih sesuai. Contoh warna seperti merah, hitam dan royal blue.

Seeloknya dinasihatkan untuk mengelakkan warna-warna lembut atau pastel supaya wajah tidak kelihatan pucat.



KUNING LANGSAT

Bagi anda yang mempunyai kulit kuning langsung sangat sesuai mengenakan tudung berwarna cerah seperti pink, biru dan kuning. Warna-warna ini akan menyerlahkan kecantikan wajah anda.

Warna-warna yang harus dielakkan ialah coklat, oren, kelabu, hitam dan gold kerana akan membuatkan wajah anda nampak kusam.



SAWO MATANG

Untuk anda yang berkulit sawo matang, warna pastel dan warna gelap adalah pilihan yang baik. Memilih warna ungu gelap dan koko gelap akan membuatkan muka anda lebih cerah dan cantik.

Sila hindari warna-warna yang seakan warna kulit anda iaitu warna coklat dan juga warna yang terlalu terang seperti kuning.



KULIT GELAP

Anda yang berkulit gelap selamat dengan warna-warna pastel atau keemasan kerana akan mencerahkan kulit anda.

Sila hindari warna-warna malap dan gelap seperti hitam, coklat dan oren gelap kerana akan membuatkan kulit anda menjadi semakin gelap.



7.5.4 Tips pemilihan kemeja lelaki

❑ Saiz

Ini adalah perkara penting yang mesti anda tahu dan pastikan sebelum membeli sehelai kemeja adalah saiznya. Adakah saiz yang anda pilih sepadan dengan saiz tubuh anda?

- ❑ Adakah ia terlalu kecil atau terlalu besar. 'Slim fit' antara yang semakin popular berbanding potongan klasik. Untuk anda berbadan besar, pilihlah saiz yang sepadan. Saiz terlalu besar membuatkan anda kelihatan lebih besar. Bagi mereka yang agak berotot, 'slim fit' membuatkan anda tampil segar bergaya.

- ❑ **Fabrik**

Pemilihan fabrik adalah elemen penting dalam menentukan keselesaan anda sebagai si pemakai. Pilihan kain kapas adalah yang paling sesuai untuk kemeja. Fabrik yang lembut, kuat dan anti-kedut juga adalah alasan kapas sering menjadi pilihan tukang jahit untuk membuat kemeja. 'Italian Cotton' adalah pilihan kebanyakan pereka fesyen antarabangsa. Namun bergantung juga kepada majlis yang anda ingin kunjungi. Pemilihan satin yang lebih lembut mungkin lebih sesuai untuk majlis makan malam. Jika anda tidak berani bermain dengan jenis fabrik, kemeja berfabrik kapas sudah cukup untuk anda kelihatan hebat.

- ❑ **Warna**

Pilihan kemeja warna biasa seperti biru dan putih nampak membosankan. Anda boleh memilih untuk memakai kemeja berwarna seperti kuning, jingga, merah atau sebagainya. Namun perlu diingat, pilihan warna lembut atau pastel adalah yang terbaik. Warna sebegini lebih formal berbanding warna terang yang lebih sesuai untuk pemakaian kasual. Satu perkara penting juga yang mesti anda tahu adalah pemilihan warna harus bersesuaian dengan warna kulit dan rambut anda.

❑ Kolar

Kolar merupakan bahagian perincian kemeja yang sangat penting kerana ia menentukan keserlahan wajah ketika memakainya. Sebagai contoh, lelaki berwajah kecil perlu mengelak memakai kolar lebar kerana kolar saiz tersebut akan menenggelamkan wajah. Lelaki bermuka besar pula perlu mengelak memakai kolar 'narrow' yang boleh menampilkan wajah menjadi lebih besar. Biasanya saiz kolar kemeja antara 14, 14½, 15 dan 16 inci. Saiz kolar yang sesuai bergantung pada dimensi di bawah halkum.

❑ Corak

Ramai lelaki tidak berani bermain dengan kemeja yang mempunyai corak. Kemeja bercorak membenarkan kita mencipta stail tersendiri dan disesuaikan dengan aksesori tertentu. Kemeja bercorak dengan latar belakang putih biasanya lebih formal berbanding yang berwarna. Kemeja dengan corak garisan juga lebih sesuai untuk sesuatu upacara. Manakala corak kotak kecil dan renggang akan memberikan kesan lebih bergaya berbanding dengan corak kotak yang lain seperti 'Windowpanel' dan 'Pastel'.

B. KEMAHIRAN PEMBENTANGAN

1.0 Pengenalan.

Untuk menjadi seorang pembentang yang baik anda perlu ada persiapan yang rapi tentang apa yang ingin disampaikan dalam pembentangan anda, jadi ianya amat memerlukan anda melakukan sedikit persiapan terhadap pembentangan yang akan dilakukan. Pembentangan ialah menyampaikan sesuatu perkara kepada orang lain. Umpama anda menyampaikan berita kepada kawan anda. Perbezaannya ialah, pembentangan dilakukan secara formal dan disampaikan kepada kumpulan yang lebih besar.

2.0 Definasi Pembentangan

Pembentangan adalah kaedah komunikasi yang dapat disesuaikan dengan pelbagai situasi bercakap, seperti bercakap dengan kumpulan, mengadakan pertemuan atau memberi taklimat kepada ahli pasukan.

3.0 Langkah dalam pembentangan

Dalam pembentangan, ada dua masa yang penting,

- ☐ Sebelum
- ☐ Semasa

3.1 SEBELUM PEMBENTANGAN

- ☐ Pastikan syarat-syarat/situasi pembentangan.

Perlu kenalpasti ciri-ciri yang dikehendaki dalam pembentangan tu. Antara maklumat yang penting adalah :

i. Tema pembentangan.

Tema ini maksudnya, corak pembentangan yang dikehendaki. Contohnya, kalau pembentangan berbentuk pertandingan, *business pitching*, *produk review* dan sebagainya.

ii. **Jangkamasa pembentangan.**

Jangkamasa pembentangan ini pun sangat penting. Perlu mengetahui tempoh masa yang ditetapkan. Pembentangan tidak perlu terlalu panjang kerana boleh mengakibatkan penonton bosan namun begitu jika terlalu pendek di khawatiri maklumat tidak sampai.

iii. **Siapa yang akan bentangkan.**

Kenalpasti siapa yang akan membuat pembentangan. Jika lebih dari seorang ahli kumpulan boleh lah pembentangan dibuat juga oleh ahli-ahli yang lain. Ini akan memberikan gambaran yang baik kepada juri. Juri akan berpendapat yang ahli-ahli lain juga berkebolehan. Yang seterusnya memperlihatkan yang pasukan itu berkebolehan.

iv. **Peralatan pembentangan.**

Kenalpasti alat-alat yang hendak digunakan semasa pembentangan. Contohnya, ada pakai projector, microfon, video, pentas dan peralatan berfungsi dengan baik.

v. **Kenalpasti maklumat yang hendak dibentangkan.**

Perlu mencari maklumat yang hendak dibentangkan. Maklumat ini bergantung kepada syarat-syarat pembentangan. Sebaik-baiknya bentangkan maklumat yang tepat dan padat.

vi. **Bersedia untuk membentangi**

Persediaan pembentangan ini sangat penting. Sebaik-baiknya membuat latihan pembentangan sekurang-kurangnya dua kali. Dua kali itu pun sebenarnya tak cukup bergantung kepada pengalaman pembentangi. Masa sangat penting. Orang yang tak perlu bersedia untuk membentangi ialah mereka yang sangat bernasib baik sehingga tak perlu bersedia kerana, mereka secara semulajadi mempunyai kemahiran untuk membentangi.

vii. **Penyediaan powerpoint.**

Jika pembentangan menggunakan slide powerpoint. Pastikan slide adalah simple dengan *point* dan padat. *Background dan sound* adalah bersesuaian dan pastikan slide powerpoint tersebut dapat berfungsi dengan baik.

3.2 SEMASA PEMBENTANGAN.

Semasa pembentangan pun ada bahagiannya jugak, Pembukaan, Pembentangan dan Penutup. Kesemuanya penting. Tapi sebelum itu, kita kena persediakan pembentang dengan persediaan-persediaan metal dan fizikal.

Persediaan semasa pembentangan:

i. **Pakaian**

Pastikan penampilan yang menarik dengan memakai pakaian dan assesori yang bersesuaian dan kemas.

ii. **Kesihatan**

Jaga kesihatan anda supaya tubuh badan anda sihat semasa pembentangan. Jika kurang sihat pastikan ia tidak mengganggu konsentrasi anda pembentangan anda.

iii. **Tubuh badan.**

Penampilan semula jadi itu sebenarnya ada sedikit penting dan perlu selari dengan apa yang hendak disampaikan. Kalau anda gemuk dan sedang membentang mengenai produk kuruskan badan, ia boleh mengurangkan kepercayaan penonton terhadap apa yang disampaikan.

iv. **Suara**

Apa yang penting ialah suara yang cukup jelas dan tegaskan suara dibahagian tertentu yang mempunyai maklumat penting dan jangan memberi pembentangan laju macam kapal terbang. Fokus dan bertenang agar memperoleh fokus. Gunakan bahasa yang mudah difahami oleh orang ramai jangan sesekali menggunakan ayat yang boleh mengelirukan penonton. Percakapan yang fasih merupakan sesuatu perkara yang amat penting dalam sesuatu pembentangan, jika kita tidak mampu bercakap dengan fasih sudah semestinya pembentangan kita itu akan menjadi kurang sempurna.

v. **Mental.**

Persediaan mental sebenarnya merupakan aspek yang paling penting dalam pembentangan. Pertama, pembentang mestilah tahu apa yang hendak dibentangkan. Pembentang juga mesti ingat apa yang akan dikeluarkan dalam *slide*. Untuk memudahkan, seeloknya buat skrip sewaktu pembentangan. Tetapi, jika ingin kelihatan profesional, jangan pakai skrip sewaktu pembentangan. Yang lagi bagus boleh terjadi jika pembentang hanya ingat isi-isi penting sahaja. Seeloknya, pembentang tulis atas kad-kad yang diletakkan di tapak tangan. Pastikan pembentang boleh tukar kad itu dengan senang andaikata isi yang lain ada kat atas kad yang lain. Dan seeloknya, jangan buat penonton perasan yang anda ada kad. Satu lagi perkara penting adalah jangan takut. Sebenarnya, satu-satunya perkara yang ditakuti dalam pembentangan adalah jika anda menjadi takut dan gemuruh. Jika takut dan gemuruh pembentang akan kelihatan kurang yakin.

3.2.1 Perkara asas semasa membuat pembentangan

- ☐ Jangan buat penonton bosan.
- ☐ Pastikan penonton tidak bosan dengan pembentangan yang dibuat. Cuba masukkan sedikit unsur-unsur humor dalam pembentangan.
- ☐ Jangan keluar topik.
- ☐ Sentiasa pastikan penonton mengambil perhatian.
- ☐ Pembentangan yang ringkas dan padat adalah pembentangan yang baik.
- ☐ Pertindak professional.
- ☐ Cuba buat sesuatu kelainan.
- ☐ Intonasi itu penting.
- ☐ Pastikan *eyes contact* dibuat dengan penonton.
- ☐ Bahasa badan memainkan 70% dalam komunikasi.
- ☐ Jadi, gerakkan badan dan tangan. Secara professional. Berjalan-jalan di sekeliling penonton, dan pastikan penonton memandang anda.

4.0 Kesalahan yang berlaku semasa membuat pembentangan.

Kesilapan dalam pembentangan dapat dilihat dari reaksi penonton. Sekiranya kebanyakan penonton tertidur dan keluar semasa pembentangan dibuat ia merupakan petanda awal berlaku kegagalan dalam pembentangan yang dibuat. Malah kadang-kadang satu persembahan pembentangan yang baik boleh dimusnahkan oleh penyampai pembentangan yang teruk. Di bawah ini disenaraikan beberapa kesalahan yang dilakukan semasa pembentangan:

- ☐ Membuat skrip bagi pembentangan yang dibuat
- ☐ Tidak cukup berlatih.
- ☐ Membuat pembentangan dalam tempoh masa yang panjang.
- ☐ Tidak dapat menyelesaikan masalah teknikal yang berlaku semasa pembentangan seperti bunyi latar yang terlalu kuat atau *font slide* terlalu kecil.
- ☐ Slaid pembentang dipenuhi dengan teks penerangan yang banyak.
- ☐ Mengabaikan latar belakang penonton dan tidak tahu siapa penonton.
- ☐ Gagal menarik perhatian khalayak anda
- ☐ Tidak memandangi penonton semasa pembentangan dibuat.
- ☐ Unsur lawak yang dimasukkan dalam pembentangan tidak menarik perhatian atau tidak sesuai.
- ☐ Pembentang memakai pakaian yang tidak sesuai, selekeh dan tidak kemas.

SOALAN LATIHAN PRAKTIKAL

1. Anda dikehendaki untuk membuat penampilan diri yang menarik dari segi pakaian, muka dan postur badan.
2. Anda dikehendaki kirakan Jisim Indek Badan (BMI) badan anda untuk tentukan BMI badan anda. Rancangan menu makanan sihat untuk pemakanan harian anda.
3. Anda dikendaki untuk membuat *review* terhadap produk anda selama 1-2 minit. Rakamkan video itu dan bentangkan. Pastikan penampilan anda dalam video tersebut menarik perhatian penonton.

Rujukan

1. <https://www.maskulin.com.my/suku-suku-separuh-diet-terbaik-yang-turut-diakui-kementerian-kesihatan-malaysia/>
2. <https://professionalimage.wordpress.com/2015/07/23/pengertian-grooming/>
3. <http://www.myhealth.gov.my/keterampilan-diri-dewasa/>
4. <http://donnaong-esei.blogspot.com/2015/09/cara-cara-menjaga-kebersihan-diri.html>
5. <https://sites.google.com/site/pengurusandiri/home/jaga-kebersihan-diri>
6. <https://hellodoktor.com/gaya-hidup-sihat/sihat-bergaya/penjagaan-muka-mengikut-turutan/#gref>
7. <https://shairyan.com/kecantikan/aturan-asas-dalam-mekap/>
8. <https://www.gpsbestari.com/tip/tip-belajar/teknik-asas-solekan-natural-1.530528>
9. <https://www.malaysiatercinta.com/2015/05/kalkulator-dan-formula-bmi-body-mass.html>
10. <https://ifixphysiotherapy.com.my/pemakanan-seimbang-mempengaruhi-kesihatan-diri/>
11. <https://www.moh.gov.my/index.php/>
12. <http://fatinamirasam.blogspot.com/2015/11/maksud-bersenam-dan-kelebihannya.html>
13. https://selaisepinggang.wordpress.com/tips_anda/pemilihan-pakaian-sesuai-ke-majlis/
14. <https://www.idntimes.com/health/fitness/abraham-herdyanto/4-macam-bentuk-tubuh-manusia-dan-pengaruhnya-pada-kesehatan/11>
15. <https://www.alaf21.com.my/info-Artikel/606/Tips-memilih-baju-kemeja-lelaki>
16. <https://madeinuitm.com/tips-membuat-pembentangan-yang-hebat-dan-berkesan/>
17. <http://pembentanganbaikasdacap.blogspot.com/2010/02/bagaimana-untuk-membentang-dengan.html>

MODUL 17

ASAS PERSEDIAAN SIJIL MESTI & HALAL

Penulis :

SHUKERI BIN MOHAMAD ROS

GARIS PANDUAN - SKIM PERSIJILAN “MAKANAN SELAMAT TANGGUNGJAWAB INDUSTRI”

1. PENGENALAN

Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (PPKM) 2009 – semua pengilang makanan wajib mengadakan satu Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM).

PJKM merupakan satu sistem amalan terancang yang didokumenkan dan memberi jaminan bahawa mana-mana jenis makanan tertentu tidak akan memudaratkan pengguna apabila dimakan.





003416

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

SIJIL MeSTI

MeSTI CERTIFICATE

(Makanan Selamat Tanggungjawab Industri)

Kementerian Kesihatan Malaysia dengan ini mengesahkan bahawa
Ministry of Health Malaysia hereby certifies that

SANTANMAS FOOD INDUSTRIES SDN BHD
AL 249, LOT 2608, JALAN WELFARE
KAMPUNG BARU
47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR, MALAYSIA

telah memenuhi syarat-syarat bagi pensijilan MeSTI
fulfill the terms and conditions for certification of MeSTI



SHAMSINAR ABDUL TALIB

b.p Pengarah Kanan Keselamatan Dan Kualiti Makanan
for Senior Director for Food Safety and Quality
Kementerian Kesihatan Malaysia
Ministry of Health Malaysia

Certification No : 78/B/000092-072013 (01)
Issue Date : 02 December 2016
Expiry Date : 01 December 2019

KELEBIHAN

- I. Pengedaran -Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Koperasi 1Malaysia (COOP1M) dll
- II. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009
- III. Mendapat manfaat melalui aktiviti promosi.
- IV. Logo MeSTI – meningkatkan keyakinan pengguna

KRITERIA PERMOHONAN

Premis makanan yang memohon pensijilan MeSTI perlu mematuhi kriteria-kriteria berikut :

- ♦ Berdaftar dengan KKM melalui Pendaftaran Premis Makanan.
- ♦ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan/atau Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (bagi Sabah dan Sarawak)

fosimdomestic.moh.gov.my

Selamat Datang ke Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia Untuk Domestik
Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan

Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia Untuk Domestik membolehkan premis-premis makanan yang terlibat dengan mengeluarkan makanan, katering makanan, penyediaan, pemprosesan, penyimpanan atau penyediaan makanan dan kenderaan yang menjual makanan siap membuat pendaftaran secara atas talian.

Sekiranya anda adalah Pengguna Kali Pertama, sila baca dan fahamkan arahan untuk memastikan pendaftaran boleh dibuat dengan sempurna.

Langkah 1
Sila baca dan fahamkan Seksyen Pengguna Kali Pertama

Langkah 2
Isi Borang Pendaftaran Premis Makanan berdasarkan Kategori Premis

Langkah 3
Cetak Slip Pendaftaran.

Log Masuk

ID Pengguna:

Kata Laluan:

Lupa ID atau kata laluan anda?

Tiada ID Pengguna?
Sila daftar. [Daftar Sekarang](#)

Sebarang masalah berkaitan sistem boleh emel ke domestichelpdesk@moh.gov.my
Bagi mencegah ancaman keselamatan, pengguna dinasihatkan sentiasa mengemaskini perkakasan kepada Signature Virus terkini

Hakcipta © 2009 – 2012 Kementerian Kesihatan Malaysia | [English](#)

CARA MEMOHON

Permohonan MeSTI hendaklah dibuat melalui :

- I. Laman sesawang FoSIM Domestik (<http://fosimdomestic.moh.gov.my>) atau;
- II. Muat turun Borang Permohonan, MeSTI-1/12-02 dari laman sesawang BKMM (<http://fsq.moh.gov.my>).

Set dokumen yang perlu dihantar kpd JKN/PKD adalah seperti berikut :

- a. Borang Permohonan, MeSTI-1/12-02
- b. Senarai Semak Permohonan, MeSTI-2/12-02 BORANG PERMOHONAN PENSIJILAN MeSTI.pdf
- c. Senarai Semak Elemen, MeSTI-3/12-02 (jika ada) SENARAI SEMAK ELEMEN MESTI.pdf
- d. Salinan Slip Pendaftaran Premis KKM yang masih sah,
- e. Salinan Sijil Pendaftaran SSM dan/ atau Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (bagi Sabah dan Sarawak),
- f. Salinan lesen daripada PBT dan/atau surat pengesahan daripada mana-mana agensi kerajaan (jika ada),
- g. Salinan Sijil Program Jaminan Keselamatan Makanan (jika ada) (contoh: Sijil GMP, Sijil HACCP) dan sijil MeSTI bagi tujuan pembaharuan sahaja),
- h. Salinan Lesen Punca Air Minuman Berbungkus/ Air Mineral Semulajadi (AMB/AMS) atau Lesen Penyediaan Ais daripada KKM (jika ada),
- i. Carta alir pemprosesan produk,
- j. Senarai produk, dan
- k. Senarai nama dan alamat syarikat yang terlibat dalam urusan OEM (Original Equipment Manufacturer) dengan pengilang premis makanan

TEMPOH SAH LAKU

Tempoh sah laku pensijilan MeSTI adalah tiga (3) tahun.

PEMANTAUAN

- i. Audit pemantauan - audit lapangan bagi mengesahkan elemen MeSTI
- ii. Pemantauan berkala akan dijalankan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun oleh JKN/ PKD.
- iii. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan yang ditemui semasa audit, Borang Permintaan Tindakan Pembetulan, MeSTI-1/14 akan diberikan kepada pemohon. Tindakan pembetulan bagi semua ketidakpatuhan yang didokumenkan oleh juruaudit dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh audit pemantauan dijalankan.
- iv. Sijil MeSTI akan dibatalkan jika tindakan pembetulan yang diambil tidak memuaskan atau melebihi tempoh yang ditetapkan.

PEMBAHARUAN

- i. Borang Permohonan, MeSTI-1/12-02
- ii. Proses pembaharuan sijil MeSTI adalah sama seperti permohonan baru. (Sila rujuk Carta Alir Kelulusan Pensijilan MeSTI (Baru/Pembaharuan)
- iii. Pembaharuan pensijilan perlu dibuat setiap tiga (3) tahun sekali dan permohonan perlu dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tarikh sah laku sijil.

PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN SIJIL

Sebab-sebab penggantungan :

- i. Produk yang dihasilkan oleh pemegang sijil tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
- ii. Sekiranya didapati premis pemegang sijil tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
- iii. Sijil GMP/ HACCP atau lesen Air Minuman Berbungkus/ Air Mineral Semulajadi/ Ais daripada KKM digantung.
- iv. Penyalahgunaan logo MeSTI ke atas produk bukan makanan.
- v. Melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan oleh KKM dari semasa ke semasa.

Sijil MeSTI boleh dibatalkan atas sebab-sebab seperti berikut:

- i. Premis makanan bertukar ke lokasi/ alamat lain.
- ii. Didapati premis telah menghentikan operasi.
- iii. Sijil GMP/ HACCP atau lesen Air Minuman Berbungkus/ Air Mineral Semulajadi/ Ais daripada KKM dibatalkan.
- iv. Melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan oleh KKM dari semasa ke semasa.
- v. Terdapat ketidakpatuhan yang belum ditutup melepasi tempoh tiga (3) bulan yang diberikan semasa audit lapangan.

MAKLUMAT LANJUT

BIL	Alamat	No.Telefon/Web
1	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 4, Menara Prisma No. 26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia.	Tel: 03-8885 0797 Faks: 03-8885 0790 Laman web : http://fsq.moh.gov.my
2	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, Tingkat 8, Bangunan Persekutuan, Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis.	Tel: 04-9766989/5271 Faks: 04-9767419 http://jknperlis.moh.gov.my

GARIS PANDUAN PERSIJILAN HALAL MALAYSIA

PENGENALAN

Halal berasal daripada kalimah Arab iaitu halla, yahillu, hillan, wahalalan yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh Hukum Syarak.

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) (Pindaan) 2012 - Makanan atau barangan yang;

- i. Tidak mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang orang Islam dilarang oleh Hukum Syarak bagi orang Islam untuk memakannya
- ii. Tidak mengandungi apa-apa benda yang najis
- iii. Tidak memabukkan
- iv. Tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota
- v. Manusia atau hasilan daripadanya
- vi. Tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;
- vii. Tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis
- viii. Tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi subsub perenggan (a) dan (b).

Skim Pensijilan Halal Malaysia terbahagi kepada:

- i. Produk Makanan/ Minuman/ Makanan Suplemen;
- ii. Premis Makanan/ Hotel;
- iii. Barang Gunaan;
- iv. Kosmetik dan Dandanan Diri;
- v. Rumah Sembelih;
- vi. Farmaseutikal; dan
- vii. Logistik

SYARAT-SYARAT PENSIJILAN HALAL MALAYSIA

- i. Berdaftar - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Suruhanjaya Koperasi Malaysia/ lain-lain agensi kerajaan;
- ii. Lesen perniagaan - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ surat akuan dari agensi kerajaan;
- iii. Beroperasi sepenuhnya
- iv. Mengeluar dan/ atau mengendalikan produk halal
- v. Memastikan sumber bahan ramuan adalah
- vi. Memohon semua jenis produk/ menu yang dikeluarkan di kilang/ premis berkenaan;
- vii. Permohonan bagi pembungkusan semula (repacking) hendaklah mengemukakan sijil halal yang diiktiraf bagi produk tersebut

KEPERLUAN UMUM PENSIJILAN

- i. Keperluan Bahan Mentah/ Ramuan/ Bahan Bantuan Pemprosesan (Processing Aids)
- ii. Pemprosesan
- iii. Pembungkusan dan Pelabelan
- iv. Kilang
- v. Premis Makanan
- vi. Pekerja
- vii. Sistem Sanitasi
- viii. Rekod Halal
- ix. Kemudahan dan Kebajikan Pekerja
- x. Latihan
- xi. Penyeliaan dan Pemantauan
- xii. Alat dan Unsur Penyembahan

KEPERLUAN KHUSUS PENSIJILAN MENGIKUT SKIM

Produk Makanan/ Minuman/ Makanan Suplemen


1. Asas Rujukan - MS1500: 2009 Makanan Halal /Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009/keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan
2. Tanggungjawab Pengurusan
 - a) Melantik minima seorang pekerja Muslim.
 - b) Hendaklah berjawatan tetap dan bertugas sepanjang masa di bahagian pengendalian/ pemprosesan makanan.

Premis Makanan

1. Asas Rujukan - MS1500: 2009 Makanan Halal /Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009/keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan
2. Tanggungjawab Pengurusan Mengikut Sub Kategori
 - a) Restoran/ Kantin/ Kafe
 - b) Kiosk
 - c) Kedai Bakeri/ Kek/ Pastri

PROSEDUR PERMOHONAN MENGIKUT SKIM

1. Semua permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia hendaklah dibuat secara online melalui sistem MYeHALAL di www.halal.gov.my;
2. Dokumen sokongan hendaklah diserahkan kepada JAKIM/ JAIN setelah borang permohonan dihantar secara online;
3. Bagi permohonan pembaharuan, hendaklah dikemukakan selewatlewatnya tiga bulan sebelum tamat tempoh Sijil Pengesahan Halal;
4. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak oleh sistem MYeHALAL secara automatik;
5. Permohonan yang lengkap akan menerima surat bayaran caj perkhidmatan pensijilan;
6. Permohonan bagi restoran berangkai/ francais akan diuruskan oleh JAKIM; dan
7. Permohonan yang layak mengikut skim:
 - i. Produk Makanan/ Minuman/ Makanan Suplemen
 - a. Pengeluar/ Pengilang Produk (manufacturer/ producer);
 - b. Pengilangan Kontrak (Original Equipment Manufacturer);
 - c. Pengusaha Pembungkusan Semula (repacker); dan
 - d. Dapur Berpusat (Central Kitchen).
 - ii. Premis Makanan
 - a. Restoran/ Kantin/ Kafe;
 - b. Restoran Berangkai;
 - c. Restoran Francais;
 - d. Hotel (Dapur/ Restoran);
 - e. Kafeteria Beroperasi di Medan Selera (Pengurusan Selera Berpusat)
 - f. Kiosk;
 - g. Katering/ Khidmat Penyajian Makanan/ Dapur Pusat Konvensyen/ Dapur Berpusat;
 - h. Premis Bergerak (Yang Mempunyai Pengurusan/ Dapur Berpusat Sahaja); dan
 - i. Kedai Bakeri/ Kek/ Pastrri



FI PENSIJILAN

Fi yang dikenakan adalah untuk tempoh dua tahun kecuali permohonan rumah sembelih iaitu untuk tempoh satu tahun sahaja;

SKIM PREMIS MAKANAN (KATERING/ KHIDMAT PENYAJIAN MAKANAN/ DAPUR PUSAT KONVENSYEN)		
Jenis Industri	Ciri-Ciri	Kadar bayaran Setahun (RM)
Kecil	Nilai perolehan tahunan kurang dari RM 500,000.00	100
Sederhana	Nilai perolehan tahunan dari RM 500,000.00 hingga RM 5 Juta	400
Besar	Nilai perolehan tahunan melebihi RM 5 Juta	700

SKIM	KATEGORI		
Produk, Logistik Dan Khidmat Pengilangan	Jenis Industri	Ciri-ciri	Kadar bayaran Setahun (RM)
	Mikro	Nilai perolehan tahunan kurang dari RM 300,000.00	100
	Kecil	Nilai perolehan tahunan dari RM 300,000.00 hingga kurang dari RM 15 Juta	400
	Sederhana	Nilai perolehan tahunan dari RM15 Juta hingga RM 50 Juta	700
	Multinasional	Nilai perolehan tahunan melebihi RM 50 Juta	1000

PROSEDUR PENGAUDITAN

1. Skop Pemeriksaan

- a) Pemeriksaan merangkumi keperluan umum dan khusus pensijilan
- b) Audit pengesahan di lapangan
- c) Auditor berhak diberi akses kepada keseluruhan premis

2. Persampelan

- a) Auditor berhak mengambil sampel produk, bahan mentah/ ramuan atau lain-lain yang diragui status halal untuk tujuan analisis makmal
- b) Segala kos yang melibatkan kajian atau ujian makmal tentang bahan ramuan produk ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon
- c) Ujian makmal hendaklah dibuat di makmal kerajaan yang diakreditasi

KEPERLUAN KHUSUS PENSIJILAN MENGIKUT SKIM

Prosedur Pengauditan Semula

- i. Pengauditan semula adalah berdasarkan kepada keputusan Panel Pengesahan Halal
- ii. Pengauditan semula hanya dilakukan sekali sahaja.

PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

- i. Pemeriksaan berkala
- ii. Pemeriksaan penguatkuasaan
- iii. Pemeriksaan susulan
- iv. Pemeriksaan berdasarkan aduan

KESALAHAN DAN TINDAKAN

i. Kesalahan Kecil

JENIS KESALAHAN	TINDAKAN
Kebersihan premis	• Notis Pemantauan Pensijilan Halal dan Notis ketidakakuran Pensijilan Halal Malaysia dikeluarkan • Amaran supaya pembetulan dibuat serta merta atau dalam tempoh 14 hari • Pegawai Pemeriksa akan melakukan pemeriksaan • Notis Penggantungan/ Penarikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia akan dikeluarkan dan Sijil Pengesahan Halal Malaysia akan digantung
Kebersihan peralatan	
Kebersihan pekerja	
Kebersihan persekitaran	
Pelalian anti Typhoid	
Makhluk perosak	

ii. Kesalahan Besar

JENIS KESALAHAN	TINDAKAN
Perubahan/ penambahan pembekal/ pengeluar yang tidak mendapat pengesahan halal dari JAKIM/ MAIN/ JAIN;	Sijil Pengesahan Halal Malaysia digantung
Menukar atau menambah bahan ramuan yang telah diisytihar dalam borang permohonan tanpa kebenaran bertulis daripada JAKIM/ MAIN/ JAIN;	Notis Pemantauan Pensijilan Halal Malaysia, Notis Ketidakakuran Pensijilan Halal Malaysia dan Notis Penggantungan/ Penarikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia akan dikeluarkan
Mengguna dan mempamerkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang tamat tempoh;	Sijil Pengesahan Halal Malaysia tersebut ditarik balik
Alat/ unsur penyembahan agama terletak di kawasan pemprosesan/ dapur;	

Rujukan

1. <http://www.halal.gov.my/v4/index.php?data=bW9kdWxlcy9uZXdzOzs7Ow==&utama=panduan&ids=gp4>
2. http://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-bahanilmiah/halal_antara_tuntuan_agama_dan_strategi_ekonomi.pdf
3. <http://fsq.moh.gov.my/v6/xs/page.php?id=203>
4. <https://dokumen.tips/documents/senarai-semak-elemen-mesti.html>

